



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1245]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 1302]**
- Rang Undang-undang Badan Pencegah Rasuah [Ruangan 1305]**
- Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) [Ruangan 1348]**
- Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan) [Ruangan 1362]**
- Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) [Ruangan 1367]**
- Rang Undang-undang Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) [Ruangan 1371]**

USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 1347]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Pemangku Tuan Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN,
K.M.N., P.J.K., (Kuala Pilah)

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr Neo
YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.D. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).

Yang Berhormat TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

- Yang Berhormat DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak)
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

Yang Berhormat WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 19hb Mac, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Pemangku Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**KEMALANGAN/KEMATIAN
DI JALANRAYA**

1. Tuan Haji Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kemalangan jalanraya dan juga jumlah kematian yang melibatkan semua jenis kenderaan di seluruh negara ini sejak tahun 1981 yang lalu; dan
- (b) Apakah tujuan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengadakan sekatan jalan raya menjelang Tahun Baru China baru-baru ini dan apakah hasil kejayaan yang diperolehi daripada operasi tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kemalangan jalan raya di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1981 adalah sebanyak 61,101 dan jumlah kematian pada tahun tersebut adalah 2,500. Perangkaan bagi bulan Januari dan Februari tahun ini masih belum didapati.
- (b) Sekatan-sekatan jalan raya atau pemeriksaan terhadap kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam dan pengangkutan barang-barang di jalanraya-jalanraya sebenarnya dilakukan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa JPJ setiap masa. Walau bagaimanapun, menjelang hari

perayaan terbesar di Negara ini seperti Hari Raya Puasa, Perayaan Tahun Baru China dan Krismas, pemeriksaan-pemeriksaan tersebut lebih giat dan hebat dijalankan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, apabila menjelang musim perayaan ini, jumlah semua jenis kenderaan yang terdapat di jalanraya dalam satu-satu masa bertambah banyak dan boleh membahayakan kepada pengguna-pengguna jalaraya itu sendiri. Kenderaan berat waktu itu mungkin boleh mengakibatkan kemalangan-kemalangan jalanraya yang dahsyat.

Di musim-musim perayaan ini juga pengusaha-pengusaha kenderaan perkhidmatan awam mengambil peluang untuk mengenakan tambang yang lebih tinggi dari yang dibenarkan oleh Kerajaan.

Justru itu, pemeriksaan-pemeriksaan yang senantiasa diadakan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Pengangkutan Jalan, terutama sekali di musim-musim perayaan, adalah antara lain bertujuan untuk:

- (i) mengawal pergerakan atau arus kenderaan yang sebok di waktu menggunakan jalanraya.
- (ii) mengawal kadar tambang pengangkutan awam di negara ini supaya senantiasa ekonomik dan pengguna-pengguna tidak teraniaya oleh kerana sesuatu keadaan di musim perayaan.
- (iii) menentukan bahawa surat-surat perubahan sementara yang dikeluarkan, terutama sekali kepada bas-bas persiaran, bas-bas sekolah dan bas-bas kilang untuk digunakan sebagai kenderaan perkhidmatan awam di musim-musim perayaan tidak disalahgunakan.

Kesan atau hasil dari tindakan-tindakan yang dijalankan itu, didapati bahawa pengguna-pengguna mematuhi peraturan-peraturan lalu lintas jalanraya dan ini secara langsung mengurangkan kemalangan yang berlaku di jalanraya. Dengan adanya penguatkuasaan ini juga Kementerian saya tidak ada menerima apa-apa sungutan dan aduan dari pengguna-pengguna mengenai kenaikan tambang kenderaan perkhidmatan awam di musim-musim perayaan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kerajaan sedar atau tidak iaitu dengan jumlah sebanyak 61,000 kemalangan berlaku pada tahun yang lepas dan kematian lebih daripada 2,000 sebab kemalangan ini, adalah merupakan salah satu daripada jumlah kemalangan dan kematian kalau hendak dibandingkan seluruh dunia salah satu yang tertinggi dalam dunia ini, memandangkan negara kita yang sebegitu tidak berapa besar dan jumlah penduduk cuma 14 juta.

Kalau menyedari, apakah langkah keseluruhan dan langkah jangka panjang rancangan-rancangan bagi pihak Kementerian supaya mengurangkan jumlah kemalangan ini dan apakah bentuk kesedaran yang perlu diadakan di dalam negara kita.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sentiasa mengingatkan kepada pengguna-pengguna jalanraya dan juga kepada orang-orang awam pada keseluruhannya untuk menjaga keselamatan masing-masing apabila berada di jalanraya ataupun berhampiran dengan jalanraya, Kementerian saya melalui Majlis Keselamatan Jalanraya sentiasa mengadakan kempen-kempen keselamatan pada tiap-tiap tahun bagi menanam sikap kesedaran keselamatan jalanraya ataupun dengan izin, road safety consciousness di kalangan pengguna-pengguna jalanraya. Kempen-kempen ini diadakan di peringkat negara dan juga di peringkat negeri.

Di antaranya termasuklah:

(a) Memperhebatkan penguatkuasaan oleh Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan;

- (b) Meninggikan taraf ujian memandu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan;
- (c) Menyebarkan bahan-bahan keselamatan jalanraya;
- (d) Mengadakan Majlis Ceramah Keselamatan Jalanraya kepada orang ramai dan juga di peringkat kanak-kanak sekolah;
- (e) Mengumumkan cogan kata di radio dan televisyen;
- (f) Memasang cogan kata dan perangkaan kemalangan jalanraya di bandar-bandar;
- (g) Menayangkan filem-filem keselamatan jalanraya dan sisip gambar oleh RTM dan juga pawagam-pawagam;
- (h) Membaiki jalanraya-jalanraya dan memperkemaskan tanda-tanda jalanraya dan juga meminda beberapa perkara dalam Ordinan Lalulintas Jalan bagi memperkemaskan lagi undang-undang yang sedia ada sesuai dengan keadaan sekarang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi berlaku 61,000 lebih kemalangan yang meninggal 2,500 orang. Kita percaya kebanyakan membawa kemalangan ini adalah kenderaan yang besar seperti lori juga bas-bas melanda kenderaan yang kecil juga perseorangan. Saya ingin mendapat tahu apakah tindakan Kerajaan untuk mencari jalan supaya kenderaan-kenderaan yang besar ini mengadakan satu hukuman atau tindakan yang lebih berat walaupun saya tahu kebanyakan pemandu ini tidak suka kepada perbuatan tadi, ini kerap kali berlaku?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi Ordinan Lalulintas sedang dikaji pada masa ini dan salah satu daripada aspek kajian ini adalah untuk menimbangankan sama ada kadar-kadar yang ditetapkan bagi denda dan lain-lainnya mengenai jenis-jenis kenderaan akan dipertimbangkan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai kemalangan ini ada pemandu-pemandu yang kita dapati

melakukan banyak kali menyebabkan kemalangan ini. Ada negara-negara yang menggunakan point sistem, sistem yang memberi markah. Tiap-tiap pemandu itu diberi 15 markah, tiap kali dia menemui kemalangan dia akan dipotong markahnya, bila habis markahnya maka dia akan digantung lesen. Adakah pihak Kementerian bercadang supaya sistem memberi markah ini kita dilaksanakan di Malaysia ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya menghargai cadangan itu dan akan menimbangkannya dan jika sesuai boleh dilaksanakan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan tadi bahawa pegawai-pegawai penguatkuasa menjalankan sekatan dan pemeriksaan pada bila-bila masa maka terdapat kenderaan yang datang lebih dahulu tahu dengan menerima isyarat-isyarat dari kereta-kereta yang pergi semasa berselisih. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan kalau sedar, apakah langkah-langkah untuk membaikinya?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana manusia ini juga lahir dengan fikiran dan juga pengetahuan masing-masing jadi adalah sukar untuk kita hendak menahan kalau ia ingin membantu kawannya yang lain. Perkara ini adalah satu perkara yang sukar untuk diatasi, akan tetapi dari segi pengawasan yang diperbuat oleh pihak JPJ dan juga pihak Polis kita juga akan mencari jalan supaya mereka-mereka yang berkenaan akan dapat diperangkap.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa salah satu daripada sebab yang besar banyaknya berlaku kemalangan jalanraya ialah kerana jalanraya itu sendiri tidak selamat dan kebanyakan daripada jalan-jalanraya itu terutama jalan di antara negeri dan antara ibu negeri didesign semasa belum kemerdekaan dan pada masa itu designnya itu cukup baik untuk tempoh waktu itu? Tetapi dengan pertambahan yang amat pesat

bilangan kereta-kereta yang menggunakan jalanraya sekarang ini maka design itu sudah menjadi out-of-date dan usaha-usaha untuk memperbaiki atau membuatkan jalan-jalanraya ini tidak selaras dengan pertambahan bilangan kenderaan yang menggunakan jalanraya. Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar mengenai perkara ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau dengan kerjasama Kementerian Kerjaraya untuk mengupdatekan jalan-jalanraya yang tidak lagi sesuai pada masa ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya perkatakan tadi Majlis Keselamatan Jalanraya di bawah Kementerian saya yang juga dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan Jabatan Kerjaraya memang mengambil perhatian berat mengenai jalan-jalanraya yang berkenaan dan telahpun saya sebutkan bahawa salah satu daripada tugas Majlis ini adalah untuk membuat perakuan memperbaiki jalan-jalanraya dan memperkemas lagi tanda-tanda jalanraya yang berkenaan. Tetapi suka saya menyatakan disini bahawa mengikut maklumat yang ada pada saya, sebab-sebab yang mana kesalahan ini berlaku adalah banyak tetapi dari segi kerosakan ataupun jalanraya yang tidak baik hanya sedikit, 2% sahaja. Yang lain adalah disebabkan oleh kesalahan pemandu sebanyak 87%, kesalahan mekanikal cuma 1%, kesalahan disebabkan adanya haiwan atau binatang 1%, kesilapan dari segi ketiadaan lampu cuma 2%, dan kesalahan orang-orang jalan kaki 6%. Jadi kesalahan disebabkan jalanraya hanya setakat ini 2% sahaja.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menerangkan masalah kesalahan mekanikal sebanyak 1% sahaja. Saya hendak bertanya beliau sama ada pihak Kerajaan sedar atau tidak maka sekarang ini harga barang alat ganti apabila membeli satu motokar itu adalah sangat mahal. Jadi kita tidak tahu sama ada kemalangan-kemalangan ini disebabkan oleh kekurangan ataupun kelemahan masalah keadaan mekanikal dan teknikal pada satu-satu kenderaan.

Soalan saya kenapakah bahagian pemeriksaan kereta-kereta motor kepada kereta-kereta motor second-hand ini sangat berkurangan dan kalau adapun tidak mencukupi. Adakah pihak Kerajaan hendak menambah atau membanyakkan lagi pusat-pusat untuk membuat pemeriksaan sama ada jenis kereta-kereta ini layak digunakan di jalanraya?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu usaha yang sedang dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan yang mana selain daripada Ibu Pejabat-Ibu Pejabat di peringkat Negeri, pejabat-pejabat cawangan juga akan dibuka di seluruh negara kita ini. Bagi pejabat di peringkat negeri dan pejabat cawangan di mana ada kesesuaian dan juga keperluan tempat-tempat pemeriksaan dan pegawai-pegawai bagi memeriksa dari segi teknikal kenderaan yang berkenaan akan diadakan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan dari angka-angka yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kebanyakan kemalangan itu adalah berlaku di sepanjang Jalan Utara/Selatan Semenanjung Malaysia.

Soalan saya, oleh sebab Lebuhraya Utara Selatan sedangpun dirancangkan sekarang ini untuk dibina oleh pihak JKR adakah pihak JKR telahpun menyelaras atau merundingkan dengan pihak Kementerian Pengangkutan mengenai aspek-aspek keselamatan?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang saya beri tadi adalah bagi keseluruhan Semenanjung Malaysia, namun demikian penyelarasan di antara Kementerian saya dan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sentiasa ada mengenai perkara ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada jawapan beliau tadi bahawa peratus kemalangan berlaku disebabkan kelalaian pemandu dan mungkin juga disebabkan oleh drebar-drebar yang memandu dengan bahaya atau dengan izin, 'dangerous driver'. Jadi,

apakah pihak Kementerian mempunyai langkah-langkah supaya pemandu yang cuai atau pemandu yang membahayakan orang lain ini dapat dikurangkan dan apakah pihak Ahli-ahli Parlimen dan juga pegawai-pegawai dapat membantu perkara ini supaya tidak terdapatnya pemandu-pemandu yang membahayakan orang lain.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat dan dasar Kementerian saya untuk mengurangkan pemandu-pemandu yang cuai dan membahayakan ini dan itulah sebabnya bahawa ujian (test) mengenai pemandu ini adalah sentiasa ketat dan teliti sebelum kita meluluskan satu-satu permohonan untuk mendapatkan lesen memandu. Dan di samping itu usaha-usaha sedang diperbuat bahawa mereka yang berkenaan kalau kesalahan bagi kali pertama, kedua kita boleh beri amaran tetapi kalau berlaku sepanjang masa lesen-lesen mereka itu akan digantung oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

KAWASAN PASAR/PENJAJA DI WILAYAH PERSEKUTUAN

2. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan dengan lebih lanjut tentang kawasan penjaja dan pasar yang akan dibina dalam Wilayah Persekutuan dalam sedikit masa lagi untuk menampung keperluan penduduk dan apakah rancangan yang telah dibuat setakat ini untuk menempatkan 641 pegerai Pasar Umum yang menerima pengusiran.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu dalam Rancangan Malaysia Keempat, Dewan Bandaraya telah diperuntukkan sebanyak \$12 juta bagi projek-projek penjaja, pembinaan pasar dan gerai dan projek ini akan dijalankan peringkat demi peringkat. Walau bagaimanapun untuk menampung keperluan penduduk, tumpuan projek-projek akan berjalan di kawasan-kawasan perumahan yang sesuai.

Berhubung dengan Pasar Besar yang akan dirobohkan, Kerajaan bercadang untuk membina enam buah pasar baru serta sebuah

Pasar Besar sebagai gantinya. Peruntukan sebanyak \$42 juta telah pun diluluskan oleh Kerajaan untuk tujuan ini. Tapak-tapak untuk enam pasar baru itu sudah ditentukan hanya tapak bagi Pasar Besar yang masih dicari. Pasar-pasar baru berkenaan ialah di tempat-tempat berikut:

Jalan Telawi, Bangsar Park.

Taman Maluri, cheras.

Taman Tun Dr Ismail.

Kepong.

Setapak/Gombak.

Penggerai-penggerai yang terlibat di dalam projek daya bumi itu bolehlah membuat permohonan apabila pasar-pasar baru itu siap kelak.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bilakah akan disiapkan market Jalan Telawi di Bangsar.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, adalah telalu awal untuk menentukan bilakah projek ini akan disiapkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat sejumlah \$12 juta akan diperuntukkan untuk membina pasar-pasar baru. Di sini suka saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau itu sedar bahawa pada masa kini ada lebihkurang 3,000 penjaja yang tidak berlesen di dalam Bandaraya dan sehingga projek-projek baru dibina, sama ada pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menghentikan segala tindakan terhadap penjaja-penjaja haram sehingga mereka dapat ditempatkan semula di pasar-pasar baru.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar memang banyak penjaja-penjaja di Kuala Lumpur ini yang menjalankan penjajaan mereka tanpa lesen dan Dewan Bandaraya berusaha untuk mengawal keadaan ini.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi menerangkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$12 juta wang diperuntukkan bagi mendirikan gerai-gerai dan sebagainya didalam Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Soalan saya sama ada peruntukan yang begitu banyak termasuk bagi membina gerai-gerai di Jalan Haji Hussein atau yang lebih terkenal Chow Kit kerana saya melihat hari ini telah banyak bumiputra berniaga di situ.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf tidak berapa jelas.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak terdengar?

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Ya.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Baik, ulang lagi sekali.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahlah. Yang Berhormat Menteri tadi menerangkan sebanyak \$12 juta telah diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Soalan saya, adakah di dalam Rancangan ini termasuk bagi membina gerai-gerai di Jalan Haji Hussein atau yang lebih terkenal dengan nama Chow Kit yang mana baru-baru ini telah banyak terdapat bumiputra berniaga di situ tetapi sentiasa sahaja diburu oleh pihak Polis Bandaraya.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, tempat tempat gerai yang baru sedangpun dirancang di seluruh Kuala Lumpur ini dan tempat-tempat itu termasuklah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Lee Lam: Tuan Speaker, berkenaan dengan 641 buah gerai dalam pasar umum Kuala Lumpur, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau dapat memberi satu jaminan bahawa semua 641 buah gerai di pasar umum akan diberi tempat apabila pasar umum yang baru akan siap dibina.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kita akan membina enam lagi pasar baru dan saya kira tempat itu memanglah begitu banyak. Kita belum pasti lagi sama ada orang-orang yang mempunyai gerai yang disebutkan tadi itu mahu ditempatkan di pasar-pasar baru itu. Maka itulah kita katakan mereka boleh membuat permohonan dan akan ditimbang seperti juga permohonan-permohonan lain.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberi jaminan kepada semua 300 lebih penjaja yang menjual barang-barang di Jalan Chow Kit dan Tiong Nam yang mana ada perjanjian dulu boleh memberi lesen penjaja kepada siapa-siapa yang tidak melanggar peraturan jalanraya yang menjual barang-barang 20-30 tahun. Bolehkah beri arahan kepada pegawai-pegawai Dewan Bandaraya beri lesen semua orang 300 lebih yang jual barang yang hidup dalam Kuala Lumpur ini.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lesen penjaja ini bergantung kepada keadaan tempat. Kita tidak akan memberi lesen kepada penjaja-penjaja yang menjalankan penajaan mereka di laluan orangramai atau kereta dan di tempat-tempat yang tidak sesuai. Dan di tempat-tempat yang sesuai biasanya memanglah kita berikan mereka ini lesen untuk menjaja.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya hendak bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan ada sebut tadi tambahan pasar baru dan gerai-gerai berkenaan dan saya hendak bertanya sama ada pihak Kementerian dapat menimbang oleh sebab telah terlampau ramai penjaja telah diberi lesen untuk berniaga di sekitar Jalan Haji Hussein, Pasar Raja Bot dan sebagainya, tidak ada tempat, bolehkah atau tidak menimbang supaya keseluruhan Jalan Haji Hussein dan Pasar Raja Bot ataupun Pasar Chow Kit yang lama itu diisytiharkan satu kawasan yang dikatakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggerisnya "pedestrian mall" supaya kereta-kereta tidak dibenarkan masuk ke kawasan-kawasan tersebut.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada cadangan Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini boleh dipertimbangkan.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan. Tidak hadir.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Chan Teck Chan tidak hadir)

KEGELINCIRAN KERETAPI

4. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini kegelinciran keretapi kerap kali berlaku jika dibandingkan sedikit masa dahulu. Adakah oleh kerana landasan-landasan keretapi itu sudah terlalu lama ataupun ada anasir-anasir jahat yang melakukan kejadian tersebut.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat mengatakan yang kejadian kegelinciran kita bertambah jika dibandingkan dengan bertambahnya bilangan perkhidmatan yang dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM) di tahun-tahun kebelakangan ini. Jumlah kegelinciran yang berlaku adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kegelinciran</i>
1979	126
1980	169
1981	135

Kadangkala kegelinciran berlaku mengikut seasonal disebabkan oleh "heavy strain" kepada landasan dan stok kereta ketika pergerakan/aliran trafik yang tinggi di mana stok-stok kereta telah digunakan ke paras yang maksima khususnya dalam musim hujan. Sebahagian besar kegelinciran-kegelinciran yang berlaku di Bahagian Pantai Timur dan Cawangan Kedah adalah kerana landasannya masih menggunakan rel jenis 27.2 kg. (jenis kecil) yang dibina sejak tahun 1912. Kerja-kerja pembaharuan landasan sedang giat dilaksanakan oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Landasan sejauh 120 kilometer dari Gemas ke Mentakab di

Bahagian Pantai Timur telah dibaharui dengan menggunakan rel jenis 36.2kg. (jenis berat). Kerja-kerja pembaharuan landasan dari Mentakab ke Gua Musang dan di Cawangan Kedah sedang diselenggarakan. Adalah dijangkakan bahawa dengan adanya projek pembaharuan landasan-landasan ini, kegelinciran yang berlaku akan berkurangan. Kegelinciran yang berlaku juga disebabkan stok kereta masih mempunyai gerabak-gerabak lama. Usaha juga sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat oleh KTM untuk menggantikan stok kereta yang umurnya lebih daripada 38 tahun.

Terdapat satu kes sahaja yang merupakan perbuatan khianat yang berlaku berdekatan dengan Stesyen Gua Musang pada bulan November, 1981. Selain dari itu, tiada apa-apa kejadian yang seumpama itu berlaku.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan iaitu beliau sedar umur landasan keretapi ini 70 tahun, barangkali dua kali umur Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan sendiri. Jadi, saya hendak bertanya apakah bentuk pembaharuan yang hendak dibuat oleh pihak Kementerian supaya menjamin perjalanan landasan dan keselamatan orang ramai menaiki keretapi ini pada masa yang akan datang—bentuk pembaharuan, Tuan Yang di-Pertua.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Kalaupun pembaharuan Yang Berhormat itu soal lain.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut tiga tahun kejadian yang berlaku terlalu banyak, boleh kata 100 lebih pada tiap-tiap tahun dan menyebut pula landasan ini telah terlalu lama. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak Kerajaan bercadang supaya landasan keretapi ini diubah kepada tempat-tempat yang lebih sesuai dan tanah-tanah yang lebih keras daripada yang ada sekarang supaya keadaan tergelincir itu kurang daripada yang ada.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kegelinciran yang berlaku

bukannyalah disebabkan laluan route yang dipergunakan oleh keretapi pada masa ini tidak sesuai tetapi adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang saya perkatakan tadi termasuklah rel-rel yang sudah tua. Tetapi sama ada rel itu adalah dua kali ganda tua daripada umur saya tidak dapatlah saya hendak pastikan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Namun demikian, buat jangka panjang, rel-rel yang melebihi 50 tahun ke atas akan diganti berperingkat-peringkat seperti yang saya sebutkan dalam jawapan awal tadi. Dan juga seperti yang telah dikemukakan pihak Kerajaan akan mengadakan rel yang menggunakan elektrik yang berjalan sama (parallel) dengan yang ada sekarang ini daripada Butterworth ke Johor Bahru dan juga satu rel elektrik yang baharu daripada Kuala Lumpur hingga ke Kuantan, Trengganu dan Kota Bahru dan insya Allah dalam tempoh 5 hingga 10 tahun ini permodenan railway akan dapat dijalankan termasuk dengan adanya gerabak (coach) yang baharu.

PEJABAT POS IPOH

5. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kerja-kerja pembinaan bagi Pejabat Pos Ipoh yang baru telah dihentikan selama 6 bulan yang lalu; jika sedar, nyatakan sebab-sebab kenapa kerja-kerja tersebut dihentikan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pembinaan projek Pejabat Pos Baru Ipoh itu telah tergendala sejak beberapa lama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini adalah disebabkan oleh kegagalan pihak kontraktor untuk menyiapkan projek itu dalam masa yang telah disyaratkan kerana ia menghadapi beberapa masalah-masalah organisasi dan kewangan.

Oleh yang demikian, pihak Jabatan Kerja Raya telahpun memansuhkan kontrak itu pada 22hb Ogos, 1981 dan tawaran semula untuk menyiapkan kerja-kerja yang belum disiapkan, iaitu lebih kurang 20% telahpun dikeluarkan pada 18hb Feb, 1982 dan ditutup pada 11hb Mac, 1982.

Adalah dijangka kerja-kerja pembinaan akan dapat dimulakan pada pertengahan tahun ini dan dijadualkan siap pada awal tahun 1983.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, kenapa projek-projek yang dilancarkan oleh Kerajaan selalu lambat diselesaikan.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, Yang Berhormat.

MAJLIS SUKAN NEGARA

6. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan setakat manakah Majlis Sukan Negara telah memainkan peranannya untuk meninggikan mutu sukan di negara kita, memandangkan kemerosotan pasukan kita apabila bertemu dengan pasukan negara lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidaklah begitu mudah hendak mengukur dengan jelas dan tepat setakat mana Majlis Sukan Negara Malaysia telah memainkan peranannya untuk meninggikan mutu sukan negara ini. Walau bagaimanapun, Majlis Sukan Negara Malaysia sejak ia ditubuhkan pada tahun 1972 sehingga penghujung tahun 1981 telah bergerak bersama-sama dengan bahagian sukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dalam tempoh itu aktiviti-aktivitinya amatlah terhad tetapi mulai hujung tahun lalu Majlis telah menyusun semula dan memperkemaskan jentera pentadbirannya untuk membolehkan ia melaksanakan tugas-tugas dan aktiviti-aktivitinya dengan lebih berkesan. Di antara usaha ini ialah memberi bantuan baik dari segi kewangan mahupun nasihat pakar dan sebagainya kepada ahli-ahli sukan dan badan-badan kebangsaan yang berpotensi untuk meninggikan mutu dan prestasi mereka dalam menghadapi dan menyertai pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang membina sebuah sekolah latihan khas untuk meninggikan mutu sukan di negara kita.

Tuan Luhah Wan: Tolong ulang sekali lagi, saya tidak berapa dengar.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang sekali lagi.

Tuan Chan Kok Kit: Adakah Kerajaan bercadang membina sebuah sekolah latihan khas untuk meninggikan mutu sukan negara kita.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telahpun membuat penyusunan dengan Kementerian Pelajaran supaya latihan yang sesuai ataupun yang baik akan diberi kepada murid-murid sekolah yang didapati cenderung dan didapati mempunyai potensi dalam bidang sukan.

PERANGKAAAN PENGANGGURAN

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi perangkaan tentang pengangguran sekarang dan sama ada beliau sedar dasar Kerajaan untuk menggalakan penghijrahan dari kawasan luar bandar ke bandar hanya berjaya sekadar menyebabkan sawah-sawah padi terbiar, berekar-ekar pokok getah tidak ditoreh dan bertan-tan biji kelapa sawit tidak dipetik.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran pada tahun 1981 ialah 5.2%, ini bererti lebih kurang 286,000 orang masih lagi menganggur daripada jumlah keseluruhannya tenaga buruh negara seramai kira-kira 5.5 juta orang. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran pada tahun ini diramalkan akan berkurangan lagi kepada 5.1%.

Kementerian saya memang sedar tentang penghijrahan pekerja dari kawasan luar bandar ke bandar dan masalah-masalah yang dihadapi akibat dari penghijrahan itu tetapi adalah tidak benar jika dikatakan bahawa menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan penghijrahan dari kawasan luar bandar ke bandar. Di sebaliknya Kerajaan adalah menggalakkan orang-orang luar bandar berkekal di sana, ini dilakukan dengan cara membuka rancangan-rancangan tanah untuk

mereka kendalikan. Walaupun demikian, Kerajaan tidak pula mengikat orang-orang luar bandar dari berhijrah ke bandar untuk mencari kerja mencari penghidupan baru.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar daripada Timbalan Menteri berkenaan ada 286,000 orang yang tidak bekerja—menganggur, tetapi kita pun tahu dalam keadaan luar bandar ada banyak estet-estet tidak ada orang menoreh getah dan tidak ada orang mengutip hasil kelapa sawit. Adakah Kerajaan ada rancangan untuk beri peluang kepada 286,000 orang yang tidak bekerja boleh pergi bekerja di luar bandar?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa susah mahu menjawab soalan itu oleh kerana biar apa pun usaha Kementerian saya telah buat supaya boleh mendapatkan bakal-bakal pekerja untuk bekerja di ladang-ladang tetapi ini ada sikap pekerja-pekerja itu sendiri supaya boleh dapat balik bekerja di ladang-ladang, bukanlah Kementerian saya boleh memaksa mereka itu.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun di ladang-ladang ada kekosongan kerja berjumlah 280,000 dan penganggur yang ada di negara kita hari ini lebih daripada 280,000 tetapi penganggur-penganggur ini terdiri daripada berbagai-bagai bentuk masyarakat, terdiri daripada pelajar-pelajar yang lulus SPM, yang tidak lulus SPM, yang lulus SRP dan sebagainya

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya Yang Berhormat, teruskan!

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau boleh melicinkan lagi pentadbiran Pegawai-pegawai Kerja yang ada di daerah-daerah supaya kerja-kerja kosong yang terdapat di estet-estet, di ladang-ladang dan juga di kilang-kilang dapat disalurkan ke daerah-daerah kepada belia-belia yang menganggur.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sudah ada beberapa Pejabat-pejabat Perkhidmatan Pekerjaan di seluruh negara ini dan oleh sebab kekurangan tenaga di ladang-ladang Kementerian saya masih berusaha supaya boleh ditambah lagi Pejabat-pejabat Perkhidmatan Pekerjaan itu di luar-luar bandar lagi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, .soalan tambahan. Memanglah satu perkara yang nyata bahawa di kawasan-kawasan luar bandar pekerja-pekerja khususnya buruh kasar memanglah kekurangan, bukannya oleh sebab penghijrahan mereka ini ke bandar tetapi oleh sebab peningkatan kegiatan ekonomi. Jadi bolehkah pihak Kementerian menyatakan bilakah agaknya peraturan-peraturan yang sedang pun dirundingkan dengan Indonesia itu dapat diselesaikan supaya dapat dengan cepat lagi kita masukkan pekerja-pekerja dari Indonesia ke Malaysia?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir seperti Yang Berhormat itu sedar juga beberapa hari ini di Dewan ini juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengumumkan perkara ini masih lagi dirundingkan di antara Kerajaan Indonesia dan Kerajaan kita sendiri dan tidak boleh dapat ditetapkan bilakah baru diselesaikan.

PUSAT PEMULIHAN DADAH

8. **Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada beliau sedar Pusat Pemulihan Dadah kita dilengkapkan dengan alatan yang kurang memuaskan memandangkan kepada jumlah dan penagih dadah yang perlu dirawat dan juga menyatakan rancangan pelajaran yang dilaksanakan dalam pusat-pusat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar kemudahan dan peralatan yang terdapat di Pusat Pemulihan Dadah sekarang masih belum memuaskan. Perlu saya jelaskan di sini bahawa keempat-empat buah Pusat Pemulihan Dadah yang ada sekarang

bukanlah tujuan asalnya untuk penagih dadah. Pusat di Bukit Mertajam, Kuala Kubu Bharu dan Tampoi dibina sebagai Rumah untuk Pesakit Melarat manakala Pusat di Besut pula asalnya ialah sebuah hospital daerah. Walaupun telah diubahsuai sebagai Pusat Pemulihan Penagih Dadah, masih ada kekurangan di sana-sini.

Kemudahan-kemudahan untuk sukan seperti gimnasium dan padang bola dijangka siap tidak lama lagi Kementerian saya akan berikhtiar sedaya upaya untuk mengadakan lebih banyak kemudahan di mana yang boleh.

Berkenaan dengan rancangan pelajaran pula Pusat Pemulihan Dadah mengamalkan pendekatan yang bersepadu. Di samping kelas-kelas tatarakyat yang bertujuan mewujudkan kesedaran ketatasusilaan dan kewarganegaraan, latihan vokasional untuk memberi kemahiran dan memajukan tabiat suka bekerja, didikan rohaniah dan jasmaniah juga dijalankan. Keseluruhan program pemulihan ditujukan untuk membantu penghuni melengkapkan diri dan membina perwatakan yang teguh, mempunyai nilai sosial yang boleh menolong mereka ketika menghadapi berbagai tekanan dan cabaran apabila mereka kembali semula kepada masyarakat.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut hanya ada 4 sahaja Pusat Penagih Dadah di seluruh Malaysia dan didapati pusat-pusat ini tidak mencukupi bagi menampung semua penagih dadah. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Kerajaan bercadang hendak membuka lagi pusat-pusat yang seperti itu di seluruh negara, jika ada di mana?

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keempat Kementerian saya juga ada rancangan, ada 2 buah pusat yang baru akan dibina; satu di Sungai Petani dan satu di Muar untuk keperluan negara kita.

PEGAWAI-PEGAWAI LUTH BERKHIDMAT DI MEKAH

9. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan berapa

ramaikah pegawai LUTH yang dihantar ke Mekah untuk memberi pertolongan kepada jemaah haji daripada Malaysia dan apakah pihak Kerajaan berpuashati dengan perkhidmatan mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kakitangan dan pegawai yang dihantar ke Mekah untuk memberi pertolongan kepada Jemaah Haji daripada Malaysia adalah seperti berikut:

(a) Pegawai dan Kakitangan LUTH

Tahun 1980	80 orang
Tahun 1981	102 orang

(b) Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kesihatan

Tahun 1980	102 orang
Tahun 1981	134 orang

Untuk tahun 1982 bilangan yang akan dihantar belum ditetapkan lagi. Walaupun demikian, bilangannya tidak akan kurang daripada bilangan yang dihantar dalam tahun 1981. Kerajaan pada keseluruhannya berpuas hati dengan perkhidmatan mereka.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah beliau menyedari bahawa terdapat pegawai-pegawai Tabung Haji dan termasuk juga seorang dua pegawai tingginya yang bersikap kasar terhadap jemaah-jemaah haji dan adakah beliau sedar bahawa pegawai-pegawai yang dihantar berkhidmat di Mekah itu adalah mereka yang pertama kali mengenal Mekah dan mudamuda pula, sama seperti jemaah haji yang mereka hendak memberi pertolongan yang sudah tentu tidak banyak menolong kerana mereka itu baru juga mengenal Mekah. Jadi, apakah langkah awal ataupun langkah yang dibuat supaya perkara yang saya sebut tadi tidak akan berlaku pada masa-masa akan datang.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menjadi sungutan itu akan disiasat dan sekiranya ada Ahli Yang Berhormat mengetahui satu-satu kes secara khusus bolehlah dikemukakan kepada Kementerian.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan masalah-masalah yang timbul ialah kerana jemaah haji dan juga pegawai-pegawai daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak tahu berbahasa Arab. Jadi, saya ingin bertanya sama ada di masa-masa yang akan datang lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang pandai berbahasa Arab akan dihantar untuk menolong jemaah haji yang pergi ke Mekah.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bolehlah kita mengatur supaya lebih ramai pegawai-pegawai yang boleh bertutur dalam bahasa Arab dihantar ke Mekah.

PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN SEGERA DI KUALA LUMPUR

10. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada keputusan sudahpun dibuat untuk mengadakan perkhidmatan pengangkutan segera di Bandaraya Kuala Lumpur; jika ya, nyatakan jenis sistem pengangkutan yang akan diperkenalkan, jumlah kos yang terlibat dan tarikh projek tersebut dijangka bermula dan siap.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Wilayah pada masa ini telahpun menyiapkan satu kertas memorandum untuk dikemukakan bagi mendapat keputusan dari Jemaah Menteri terhadap cadangan bagi mengadakan satu sistem baru pengangkutan untuk orang ramai di Kuala Lumpur dan juga membenarkan kajian kemungkinan kejuruteraan dan kewangan yang terperinci mengenai cadangan sistem yang baru itu dijalankan.

Sistem-sistem baru yang dicadangkan ialah gabungan sistem pengangkutan awam (light rapid transit) dan sistem pengangkutan awam aerobus. Sistem-sistem ini nanti akan dapat menjadi asas kepada sistem-sistem pengangkutan yang ada sekarang ini.

Jika tidak ada apa-apa halangan mengenai dengan rancangan ini, maka experimental line

bagi sistem aerobus ini dijangka akan dapat dilaksanakan pembinaannya pada awal tahun 1983, sementara sistem light rapid transit pula dijangka akan dilaksanakan pada tahun 1984. Sistem aerobus dianggar akan memakan belanja sebanyak \$65 juta bagi 5 kilometer experimental line iaitu berdasarkan \$13 juta tiap-tiap satu kilometer.

Kos mengenai light rapid transit dianggarkan berjumlah lebihkurang sebanyak \$30 juta tiap-tiap satu kilometer.

FELDA/AGENSI-AGENSI KERAJAAN—KEMAJUAN TANAH

11. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa ekar tanah telah dimajukan oleh FELDA dan agensi-agensi Kerajaan lain setakat ini, dan berapa ekar akan dimajukan antara 1982 dan 1985. Apakah bilangan pemohon-pemohon yang ada dalam senarai Tunggu buat masa sekarang.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, FELDA sehingga ini telahpun berjaya memajukan tanah seluas lebihkurang 564,622 hektar atau 1,395,183 ekar. Daripada tahun 1982 hingga tahun 1985, FELDA dijangka akan memajukan tanah seluas 156,876 hektar atau 387,592 ekar lagi. Bilangan peneroka yang telah ditempatkan bagi tanah yang dimajukan itu adalah seramai 71,033 orang keluarga. Bilangan calon peneroka yang menunggu untuk ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA setakat ini adalah seramai 10,380 orang.

Bahagian kedua soalnya, agensi-agensi Kerajaan yang lain termasuk FELCRA, RISDA, DARAJA, KEJORA, KESEDAR, KETENGAH dan TAKDIR telah berjaya memajukan tanah seluas lebihkurang 203,665 hektar atau 502,950 ekar sehingga akhir tahun 1981. Seluas kira-kira 107,760 hektar atau 254,501 ekar lagi dijadual akan dimajukan oleh agensi-agensi berkenaan di antara tahun 1982 hingga tahun 1985.

Bilangan peserta bagi rancangan tanah agensi-agensi selain dari FELDA, iaitu

FELCRA, KESEDAR dan TAKDIR ialah seramai 21,742 keluarga. Bilangan peserta FELCRA, RISDA dan TAKDIR yang menunggu pula ialah seramai 2,018 orang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kedatangan kebanyakan rancangan-rancangan FELDA ini ada di antara setengah tanah-tanahnya yang diambil telah diusahakan oleh rakyat luar bandar walaupun dengan tidak bergeran. Adakah Kerajaan bercadang akan memberi satu keistimewaan kepada pengusaha-pengusaha tanah tersebut dengan tidak mengutamakan ataupun dengan mengecualikan syarat-syarat umur dan sebagainya kepada orang-orang yang terlibat dengan tanah yang telah diambil untuk rancangan FELDA?

Dato' Seri Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal pengecualian ini susah kita hendak buat kerana kalau kita buat satu yang lain pun mengikut juga.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi seramai 10,385 orang lagi calon menunggu. Soalan saya, bilakah agaknya calon-calon yang begitu ramai akan dapat ditempatkan di dalam projek FELDA yang akan datang?

Dato' Seri Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, susah kita hendak beri tarikh yang muktamad kerana bila kita masuk satu kumpulan, ada kumpulan yang lain meminta. Yang kita boleh buat secara beransur-ansur kita masukkan mereka dan barangkali proses ini akan berlarutan.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan ada 10 ribu lebih lagi sedang menunggu giliran supaya dapat masuk dalam rancangan FELDA. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah masalah yang dihadapi oleh pihak Kementerian ini apabila untuk mendapat tanah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan jika dapat berapa luaskah tiap-tiap seorang peserta yang akan diberi pada masa hadapan.

Dato' Seri Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang masalah tanah ini menjadi rumit seperti yang kita ketahui tanah negeri kita ini tidak bertambah besar, penduduk negeri kita ini tidak berubah 2.7% pada tiap-tiap tahun. Jadi, soal bagaimana kita hendak memberi mereka ini tanah tidak dapat kita hitungkan, hanya di waktu ini satu pemikiran baru yang mungkin kita laksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini yang sedang saya sendiri merundingkan dengan Kerajaan Negeri soal pemberian tanah ini mungkin secara syer sahaja dengan tidak memberikan secara title.

BALAI BOMBA DI SETIAP DAERAH—PEMBINAAN

12. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah benar Kementeriannya bercadang untuk mendirikan balai-balai bomba di semua daerah yang belum ada balai bomba dengan seberapa segera; dan adakah benar juga buat masa ini di daerah-daerah yang belum ada balai bomba Kementerian bercadang hendak menubuhkan pasukan bomba sukarela bagi mencegah kebakaran.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mengambil tindakan mengadakan balai bomba di setiap daerah di seluruh negara. Walau bagaimanapun, ianya dibina secara berperingkat-peringkat kerana melibatkan perbelanjaan yang besar dan setengahnya tidak ekonomik jika ditinjau pada keseluruhannya.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Perkhidmatan Bomba telah kurang diberikan perhatian sebelum Jabatan ini diambilalih pentadbirannya oleh Kerajaan Persekutuan, daripada Kerajaan Negeri dan pihak Berkuasa Tempatan. Hanya setelah penyatuan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan kira-kira 5 tahun lalu, kajian bagi pembinaan untuk setiap daerah dan juga lain-lain pembangunan dapat dijalankan. Dalam rancangan pembangunan sekarang terdapat

24 buah projek pembinaan balai bomba di seluruh negara sedang dilaksanakan.

Untuk perancangan jangka pendek, memanglah benar Kementerian saya bercadang menubuhkan pasukan bomba sukarela di daerah-daerah yang belum ada balai bomba. Pada masa ini terdapat 23 buah projek perintis (pilot project) bomba sukarela sedang dilaksanakan di seluruh negara. Kementerian saya dapat memberi pertimbangan dari segi latihan, tunjukajar dan lain-lain kemudahan, akan tetapi masyarakat tempatan perlulah menyediakan tempat, alat kelengkapan serta sukarelawan-sukarelawan yang ingin menyertai rancangan ini secara sukarela. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari segi pengalaman seringkali Kementerian saya mendapati berbagai masalah terutama tentangan dari pihak-pihak masyarakat tempatan oleh kerana mereka memerlukan perlindungan secukupnya, termasuk pembayaran elaun, perlindungan insuran nyawa dan lain-lain sebelum mereka dapat menyertai rancangan tersebut. Ini adalah berlawanan dengan konsep gotong-royong yang dirancangan oleh Kementerian saya.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Tuan Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

(Soalan No. 13. Y. B. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad tidak hadir)

HOSPITAL BESAR IPOH— KEKURANGAN KAKITANGAN

14. Tuan P. Patto minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kekurangan kakitangan dalam bahagian bersalin Hospital Besar, Ipoh, jika ya, apa tindakan akan diambil untuk mengatasi kekurangan ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Bersalin Hospital Besar Ipoh mempunyai perjawatan sebanyak 160 di mana 158 jawatan itu telah diisikan.

Kementerian berpendapat kedudukan kakitangan ini adalah memuaskan buat masa ini bagi mengendalikan kes-kes berkenaan.

BALAI BOMBA TANJUNG TUALANG—MENGADAKAN

15. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Tanjung Tualang yang letaknya 20 batu dari Batu Gajah tidak mempunyai sebuah balai bomba dan situasi ini adalah merbahaya apabila berlakunya kebakaran; jika sedar, sama ada Kerajaan bercadang mendirikan sebuah balai bomba di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa di Tanjung Tualang belum ada lagi balai bomba. Sungguhpun demikian, sekiranya berlaku kebakaran di tempat ini, maka Perkhidmatan Bomba di Batu Gajah dan bandar-bandar di sekitarnya, seperti Gopeng, Telok Intan, Kampar, bahkan Ipoh akan dapat memberi bantuan seberapa segera.

Kementerian saya memang bercadang untuk mendirikan balai-balai bomba di tiap-tiap daerah di seluruh negara, akan tetapi rancangan ini akan diadakan berperingkat-peringkat. Saya telah menjawab soalan Yang Berhormat dari Ulu Muda sebentar tadi yang agak sama maksudnya. Dengan itu saya tidak bercadang untuk menjawab lagi oleh kerana jawapan yang diberi itu adalah sama dengan jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda tadi.

KOPERASI MENGALAMI KEGAGALAN

16. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah syarikat-syarikat koperasi dalam negara kita dan berapakah jumlahnya yang mengalami kegagalan dan apakah sebab-sebabnya dan apakah tindakan Kerajaan atas syarikat koperasi yang tidak begitu aktif atau mengalami kerugian teruk.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, jumlah koperasi di bawah

pengawasan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kesemuanya ialah 2,108 buah. Pecahannya ialah:

Koperasi

Semenanjung	1,508 buah
Sabah	270 buah
Sarawak	330 buah

Mengikut bancian lebih kurang 25% menghadapi kegagalan kerana kekurangan minat ahli-ahli koperasi tersebut kerana koperasi tidak memberi perkhidmatan dan/atau keuntungan yang diperlukan dan diharapkan oleh ahli dan jika diberikanpun perkhidmatan itu tidak memuaskan. Ada Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang tidak aktif. Kelemahan pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan berkesan. Tindakan-tindakan yang telah diambil ialah dengan mengarah koperasi-koperasi supaya mengadakan mesyuarat agung. Dengan adanya mesyuarat agung tersebut Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang kurangaktif atau tidak berminat dapat digantikan dengan Ahli-ahli Lembaga Pengarah baru yang boleh memberi nafas baru kepada pentadbiran koperasi.

Kedua, merancang semula program latihan di Maktab Koperasi Malaysia untuk pemimpin-pemimpin, ahli-ahli dan petugas-petugas koperasi.

Ketiga, mengadakan buku panduan audit untuk Juru Audit Bertauliah. Koperasi-koperasi yang lemah sedang diberi bimbingan dan tunjuk ajar tetapi jika terus tidak berjaya, koperasi-koperasi tersebut akan dibatal pendaftarannya.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 13 dan 17 hingga 57 adalah diberi di bawah ini)

RASUAH—USAHA MEMERANGI

3. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan bahawa apakah kemajuan telah dicapainya dalam usaha anti-rasuah, peningkatan kecekapan dan dedikasi

dalam perkhidmatan awam, pemulihan kepercayaan orang ramai terhadap sistem 3M dalam usaha memerangi kegiatan perkauman dan fanatisme keagamaan dan lain-lain dalam tempoh 8 bulan ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Jawapan kepada soalan mengenai kemajuan dalam usaha mencegah rasuah telah pun diberi oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa menjawab soalan No. 5 daripada Ahli Yang Berhormat dari Beruas pada 17-3-1982.

Jawapan kepada soalan mengenai peningkatan, kecekapan dan dedikasi dalam perkhidmatan awam telah juga dijawab oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa menjawab soalan No. 46 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 17-3-1982.

Mengenai soalan sistem 3M Y.A.B. Perdana Menteri telah juga menjawabnya pada 9-3-1982 semasa menjawab soalan No. 4 daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

Mengenai usaha memerangi kegiatan perkauman dan fanatisme keagamaan, Y.A.B. Perdana Menteri telah pun menjawabnya pada 9-3-1982 semasa menjawab soalan No. 7 daripada Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat kepada jawapan-jawapan tersebut.

LAPANGAN TERBANG PENGKALAN CHEPA—PEMBINAAN

13. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah benar peruntukan pembinaan lapangan terbang Pengkalan Chepa Kelantan yang sedang dalam pembinaan sekarang ini dikurangkan peruntukannya. Jika benar, berapa banyakkah pengurangan dan bagaimana pula perubahan struktur lapangan terbang tersebut.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Memang benar bahawa peruntukan bagi projek pembangunan lapangan terbang Pengkalan Chepa Kelantan telah dikurangkan. Dari jumlah anggaran asal, iaitu sebanyak \$326

juta, adalah dianggarkan bahawa sebanyak \$120 juta akan dapat dijimatkan.

Pengurangan perbelanjaan bagi projek ini adalah akibat dari pengurangan skop kerja-kerja yang akan dijalankan. Mengikut skop yang telah dikurangkan itu, sebuah bangunan terminal yang baru tidak akan dibina. Bagi menampung keperluan penumpang-penumpang yang bertambah, bangunan terminal yang sedang dalam pembinaan pada masa ini akan diperbesarkan. "Taxiway" baru juga tidak akan dibina. Walau bagaimanapun, landasan terbang sepanjang 3,352.8 meter tetap akan diadakan mengikut rancangan asal. Ini akan membolehkan pesawat-pesawat yang besar sehingga ke jenis B 747 mendarat di lapangan terbang tersebut.

KEBUDAYAAN TRADISI DI SARAWAK DAN SABAH

17. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk memperkenalkan dan menggalakkan perkembangan bahasa dan kebudayaan tradisi masyarakat Iban, Bidayoh, Kadazan dan lain-lain Bumiputera di Sarawak dan Sabah; jika ya, apakah tindakan yang telah diambil.

Tuan Luhah Wan: Rancangan untuk memperkenalkan dan menggalakkan perkembangan bahasa kebudayaan peribumi seperti masyarakat-masyarakat Iban, Bidayoh, Kadazan dan lain-lain adalah berlaku serentak dalam konteks perkembangan kebudayaan di negara ini terutamanya berhubungan dengan pembinaan kebudayaan kebangsaan. Soal perkembangan bahasa bumiputera itu haruslah dalam rangka menjadi unsur pengembangan dan pembinaan Bahasa Kebangsaan Malaysia. Penyelidikan dan kajian-kajian secara ilmiah terhadap bahan-bahan suku kaum ini memang ada dilakukan oleh institusi-institusi pengajaran tinggi. Berkenaan dengan kebudayaan tradisi masyarakat bumiputera tersebut di atas, terutamanya di bidang kesenian, nilai dan norma serta kehidupan socio-budaya mereka menjadi hasrat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menggalakkannya mana-mana unsur tradisi kebudayaan rakyat asal rantau ini yang sesuai dengan cita-cita Kebudayaan Kebangsaan.

FELDA—KEUNTUNGAN PELABURAN

18. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa banyakkah keuntungan yang diperolehi dari pelaburan yang dibuat oleh FELDA setakat hari ini dan sama ada Kerajaan akan menggunakan keuntungan ini bagi faedah peneroka-peneroka FELDA sendiri.

Dato' Seri Shariff Ahmad: Keuntungan yang diperolehi dari pelaburan-pelaburan Felda sehingga 31hb Disember, 1981 ialah sebanyak \$63.14 juta. Wang yang dilaburkan itu adalah berpunca daripada akaun-akaun kewangan Felda dan juga akaun peneroka. Kesemua keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan wang akaun-akaun peneroka seperti Akaun Tanaman Semula, Akaun Pemulihan Ladang dan Koperasi Pemodalan Felda adalah dipulangkan kepada akaun-akaun berkenaan bagi menambahkan lagi pendapatan yang akan digunakan untuk tujuan-tujuan akaun-akaun berkenaan ditubuhkan, iaitu peneroka.

Bagi pelaburan yang berpunca daripada wang akaun-akaun Felda, sebahagian besar daripada keuntungan yang diperolehi telah juga digunakan untuk faedah-faedah peneroka. Di antaranya ialah seperti berikut:

1. Pembinaan kemudahan perniagaan dan kemudahan sosial di rancangan.
2. Kemudahan pinjaman dan pendahuluan tanpa faedah kepada peneroka pada masa-masa keperluan seperti pinjaman Hari Raya dan persekolahan anak-anak.
3. Bantuan subsidi Tadika iaitu bayaran gaji guru-guru Tadika di rancangan.
4. Membiayai penghapusan sebahagian daripada tunggakan-tunggakan peneroka.
5. Membiayai perbelanjaan perkhidmatan keselamatan di rancangan.
6. Kemudahan pinjaman tanpa faedah untuk membesarkan rumah peneroka.
7. Bantuan persekolahan anak-anak dan sara hidup peneroka bagi mereka yang kawasan tanaman ditimpa bencana alam.

PERKHIDMATAN FERI DI PULAU PINANG

19. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah cadangan untuk menghentikan perkhidmatan feri apabila Jambatan Pulau Pinang itu siap nanti. Jika ya, sila sebutkan sebab-sebab perkara ini perlu ataupun bijak.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Pada masa ini, belum ada cadangan untuk menghentikan perkhidmatan feri apabila jambatan Pulau Pinang itu siap kelak. Perkara ini akan dikaji berasaskan kepada permintaan dan keperluan penggunaan feri demi kepentingan orang ramai, dan juga sektor pengangkutan dan keseluruhannya, dan jika didapati perlu, perkhidmatan feri akan diteruskan.

KAWALAN KENDERAAN

20. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini bercadang hendak mengadakan kawalan bagi tujuan mengelakkan pемbanjiran kenderaan di Semenanjung Malaysia hingga menyebabkan kesesakan di bandar-bandar dan di jalan-jalanraya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Pada masa ini, Kerajaan belum lagi mengadakan kawalan bagi tujuan untuk mengelakkan kesesakan lalulintas di bandar-bandar utama dan di jalanraya-jalanraya Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun langkah-langkah wajar telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Di bandar-bandar utama, beberapa langkah diambil dengan mengambil kira keadaan tempatan bandar tersebut, antaranya ialah:

- (i) Banyak jalanraya baru telah dan akan dibina terutamanya jalan-jalan lingkaran (ring road) supaya lalulintas tidak perlu melalui pusat-pusat bandar (by pass) dan dengan itu mengurangkan jumlah lalulintas di tengah bandar;
- (ii) Mengadakan Kajian Pengangkutan Bandar di bandar-bandar besar di seluruh negara. Sehingga kini kajian

pengangkutan bandar Johor Bahru, Georgetown dan Butterworth telahpun selesai;

- (iii) Mengawal tempat letak kereta di bandar-bandar besar dengan mengenakan bayaran dan mengadakan petak-petak kereta yang terhad;
- (iv) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Perintah (Kereta Berjalan Lambat) (Sekatan Penggunaan Jalan) Kuala Lumpur, 1976 telah mengarahkan supaya kenderaan berat tidak melalui jalan-jalan tertentu di pusat bandar antara jam 7.00 pagi hingga 9.30 pagi dan jam 4.00 petang hingga 6.00 petang.

Untuk memudahkan perjalanan kenderaan-kenderaan di antara bandar-bandar, satu sistem lebuhraya yang baru yang dikenali sebagai Lebuhraya Tol antara bandar telah dimulakan pembinaannya. Jalan utamanya adalah dari Bukit Kayu Hitam di utara menuju ke Johor Bahru di Selatan.

PROJEK PEMBANGUNAN—KESAN

21. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, memandangkan kepada perkembangan besar dalam negara di bawah berbagai Rancangan Malaysia, sama ada apa-apa langkah dijalankan untuk menilai dan mengkaji kesan sekitar projek-projek pembangunan; jika ya, apakah hasil kajian seperti itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Saya mengucapkan terima kasih ke atas minat Ahli Yang Berhormat terhadap kesan projek pembangunan raksaksa ke atas kualiti alam sekeliling kita. Memang benar Kerajaan mengambil berat terhadap kesan alam sekitar yang mungkin berlaku ekoran projek-projek tersebut. Langkah-langkah yang dijalankan ke arah penilaian secara sistematik kesan-kesan atas alam sekitar (Environmental Impact Assessment) ialah seperti berikut:

—Beberapa bengkel telah diadakan di beberapa agensi pembangunan Kerajaan untuk membiasakan jururancang tentang prosedur penilaian kesan alam sekitar.

- Empat seminar berkaitan dengan penilaian kesan alam sekitar telah dianjurkan oleh Kementerian saya semenjak 1977.
- Seorang pakar Rancangan Colombo mengenai penilaian kesan alam sekitar dari New Zealand telah bertugas di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sepanjang tahun 1979.
- Panduan Penilaian Kesan Alam Sekitar—Prosedur dan Garis Panduan telah disediakan oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya dan telah diedarkan secara luas kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan.
- Satu unit Penilaian Kesan Alam Sekitar telah ditubuhkan di Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya sejak awal tahun 1981 untuk menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti mengenai kajian dan penilaian alam sekitar, serta memainkan peranan "catalytic".

Objektif kajian kesan-kesan alam sekitar adalah untuk menentukan bahawa kesan-kesan alam sekitar yang buruk dikenalpastikan pada peringkat awal perancangan projek, dan memastikan bahawa langkah-langkah yang wajar diambil untuk mencegah atau mengurangkan kesan-kesan buruk tersebut. Dalam hubungan ini, kajian-kajian alam sekitar yang telah dijalankan hingga setakat ini boleh dikatakan mencapai matlamat-matlamat tersebut. Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya juga akan mengawasi kemajuan pelaksanaan projek-projek di mana kajian kesan-kesan alam sekitar telahpun dijalankan untuk menentukan bahawa langkah-langkah kawalan alam sekitar yang disyorkan dilaksanakan. Kementerian saya bersedia memberi nasihat, panduan serta bantuan kepada pihak-pihak penganjur projek pada bila-bila masa sahaja.

KEMALANGAN JALANRAYA

22. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pengangkutan menjelaskan berapa banyak kemalangan jalanraya berlaku dalam tahun ini dan berapa banyak kehilangan jiwa berlaku sehingga sekarang ini bagi tahun 1982. Adakah benar kemalangan bertambah daripada biasa.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Saya tidak dapat memberi perangkaan kemalangan jalanraya bagi tahun 1982 kerana perangkaan tersebut belum lagi didapati daripada pihak yang berkenaan.

Mengikut perangkaan kemalangan jalanraya pada tahun-tahun yang lalu adalah benar bahawa jumlah kemalangan dan kematian di jalanraya bertambah dari setahun ke setahun kerana jumlah pengguna-pengguna jalanraya dan jumlah kenderaan yang didaftar juga bertambah dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan bahawa mengikut perangkaan-perangkaan yang dikumpulkan, kadar kematian jalanraya pada tiap-tiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan telah berkurangan daripada 18.3 dalam tahun 1975 ke 10.9 dalam tahun 1980.

HARGA GETAH

23. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab turunnya harga getah dan langkah-langkah Kerajaan bagi menstabilkan harga getah itu.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Sebenarnya soalan-soalan yang sama telahpun saya jawab beberapa kali di Dewan Yang Mulia ini pada Sesi yang lepas. Walau bagaimanapun, bagi menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat, kemerosotan harga getah sekarang adalah akibat dari kemelesetan ekonomi dunia, terutama yang dialami oleh negara-negara perindustrian seperti Amerika Syarikat, Eropah Barat dan juga negara-negara Eropah Timur. Berikutan dengan kemelesetan ekonomi dunia itu permintaan fizikal bagi getah asli telah berkurangan dan harganya turut merosot.

Berikutan dengan itu Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang positif dan segera dalam usaha menstabilkan harga getah. Memandangkan permintaan bagi getah asli telah berkurangan dan harga yang rendah, sektor estet yang perniagaan telah memberi kerjasama dengan menambahkan setok mereka supaya getah yang berlebihan di pasaran dapat dikurangkan.

Di samping itu Kerajaan juga telah mengarahkan MARDEC dan RISDA untuk

meningkatkan pembelian getah dari pekebun-pekebun kecil sebagai langkah untuk memberi harga yang berpatutan dan menyediakan ruang pasaran kepada mereka.

Di peringkat kerjasama antarabangsa pula Malaysia telah menyertai Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang bertujuan untuk menstabilkan harga getah asli di pasaran pada paras yang menguntungkan pengeluar-pengeluar melalui Sekim Stok Penimbal sebanyak 550,000 tan. Perjanjian ini telahpun berkuatkuasa semenjak bulan Oktober 1980. Setakat ini Pengurus Stok Penimbal INRO telah membeli lebih daripada 100,000 tan getah dari pasaran. Dengan adanya pembelian oleh Operasi Pengurus Stok Penimbal itu harga getah telah dapat distabilkan dari terus jatuh ke paras yang lebih rendah. Bagi melengkapkan Pengurus Stok Penimbal dengan peruntukan wang yang cukup dalam menghadapi pasaran yang masih lembab, Pengarah Eksekutif Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO), telah membuat panggilan sumbangan yang ketiga sebanyak \$200 juta dari negara-negara ahli.

Usaha-usaha untuk menjamin pasaran getah asli negara serta meningkatkan permintaannya adalah juga meliputi langkah-langkah bagi kemajuan dalam meningkatkan kecekapan pengeluaran. Memandangkan kepada hakikat ini Kerajaan menggalakkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan, mencari kegunaan-kegunaan baru getah asli serta menggalakkan penggunaan getah asli tempatan. Selain daripada itu Kerajaan juga menjalankan usaha-usaha mempelbagaikan pasaran dengan memperbaiki pasaran getah asli di pasaran tradisional di samping mencari pasaran-pasaran baru menerusi misi-misi perdagangan dan ekonomi yang telah dan yang akan dihantar dari masa ke semasa ke luar negeri. Kerajaan telah menyemak dan memperbaiki langkah-langkah fizikal bagi meningkatkan insentif dan pulangan kepada pengeluar-pengeluar dan akan terus berbuat demikian dari masa ke semasa.

SISTEM 3M—PERBINCANGAN

24. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada

beliau sedar bahawa:

- (a) Pihak Polis Negeri Perak telah tidak membenarkan tiga buah pertubuhan Sekolah China di Negeri Perak mengadakan satu perbincangan mengenai pelaksanaan rancangan 3M pada 11hb Februari, 1982, dan
- (b) Pihak Polis Negeri Selangor telah menolak permohonan orang-orang Tionghua dari mengadakan perbincangan mengenai pelaksanaan rancangan 3M di Dewan Orang Ramai Tionghua Kuala Lumpur pada 14hb Februari, 1982.

Jika sedar, mengapa mereka telah tidak dibenarkan mengadakan perbincangan mengenai perkara tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Soalan yang hampir sama telah dijawab oleh YAB Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 9hb Mac, 1982 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

TELEKOM KAWASAN SABAK BERNAM

25. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tidakkah ada rancangan bagi meletakkan tadbiran Telekom kawasan Sabak Bernam di bawah kawalan Selangor, tidak seperti yang berlaku sekarang di bawah kawalan Perak, dengan tujuan supaya perkhidmatan telefon di kawasan ini lebih memuaskan.

Datuk Clarence E. Mansul: Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat Dato' bahawa pada masa ini kawasan Sabak Bernam memang diletakkan di bawah kelolaan Telekom Negeri Perak. Keputusan untuk meletakkan Sabak Bernam di bawah kawalan Negeri Perak adalah berasaskan kepada dua faktor utama:

- (i) Yang pertama ialah kedudukan Sabak Bernam itu sendiri walaupun dari segi kedudukan geografi, ianya termasuk dalam Negeri Selangor, tetapi Ibusawat Induk yang paling dekat ialah

Ibusawat Telefon, Telok Intan. Oleh itu Ibusawat Sabak Bernam adalah disambungkan melalui Ibusawat induk Telok Intan.

- (ii) Sebab yang kedua pula ialah dari segi kos penyelenggaraan dan kendalian adalah didapati bahawa kawasan Sabak Bernam akan lebih sempurna diselenggarakan oleh anggota-anggota dari Telok Intan.

Walau bagaimanapun, saya mengambil ingatan terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat Dato' dan akan meminta Jabatan Telekom mengkaji semula kemungkinan kawasan Sabak Bernam dikelolakan oleh anggota-anggota Negeri Selangor dari Kuala Selangor.

SUBSIDI KEPADA NELAYAN-NELAYAN

26. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mensubsidikan nelayan-nelayan di seluruh negara, jika tidak, mengapa.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Kerajaan telah dan sedang memberi subsidi kepada semua nelayan-nelayan di seluruh negara meliputi negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan syarat mereka benar-benar layak menerima subsidi di bawah satu-satu skim subsidi menurut kriteria-kriteria yang ditentukan.

PILIHANRAYA UMUM—PENGUNAAN MEDIA MASSA

27. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan pilihanraya umum akan datang akan dilakukan secara adil dan demokratik di mana berbagai-bagai parti yang bertanding akan diberi peluang yang penuh dan adil untuk mengemukakan platform pilihanraya mereka kepada rakyat menerusi media massa, radio, televisyen, perjumpaan-perjumpaan awam dan rapat-rapat umum di mana harta-benda dan sumber-sumber Kerajaan tidak akan disalahgunakan oleh parti-parti pemerintah

dan di mana pilihanraya umum tidak dijadikan satu pertandingan wang.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Kerajaan kita yang mendukung sistem demokrasi berparlimen sentiasa memastikan yang pilihanraya-pilihanraya umum dilakukan dengan adil dan demokratik dalam mana Parti-parti yang bertanding dibenarkan membuat siaran politik melalui radio serta menjalankan kempen-kempen dari rumah ke rumah dan juga mengadakan ceramah-ceramah serta memasang sepanduk-sepanduk dan poster-poster tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Di samping itu pegawai-pegawai yang cukup bilangannya adalah diambil untuk membantu Suruhanjaya Pilihanraya bagi mengendalikan pilihanraya umum dan pegawai-pegawai adalah dikenakan syarat-syarat supaya tidak melakukan sesuatu tindakan yang melanggar peraturan-peraturan pilihanraya yang telah ditetapkan.

RUMAH BERHALA DI PASAR BELAGA—PEMBINAAN

28. Tuan Sibot Miyut Anak Tagong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan memberikan peruntukan kepada kaum Cina di Belaga, Bahagian Ketujuh, Kapit untuk membina sebuah Rumah Berhala (Tua Pik Kong) di Pasar Belaga oleh kerana pada masa ini langsung tidak ada rumah berhala di Pasar Belaga.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahmah: Sejak beberapa tahun, Kerajaan Negeri serta Kerajaan Persekutuan telahpun membelanjakan jumlah yang besar untuk memenuhi keperluan pembinaan rumah-rumah ibadat bagi semua kaum dan ugama (jumlah peruntukan Persekutuan bagi Negeri Sarawak 5 tahun yang lepas adalah lebih kurang \$10.5 juta).

Untuk makluman Yang Berhormat, YAB Ketua Menteri Sarawak telahpun membuat keputusan untuk membantu pelaksanaan projek tersebut tahun ini. Kerajaan Persekutuan akan memberi sumbangan yang berpatutan iaitu sebahagian daripada jumlah yang diperlukan kerana Kerajaan mengharapkan rakyat sendiri memberi

sumbangan untuk maksud yang mulia ini. Jumlah yang akan ditimbang adalah bergantung kepada keperluan sebenar untuk projek tersebut dan akan ditentukan selepas diteliti sepenuhnya akan kemampuan masyarakat di Belaga dan mendapatkan tempat yang sesuai bagi melaksanakan projek tersebut.

BIJIH TIMAH—KESALAHAN PENYELUDUPAN

29. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kewangan menyatakan sejak tahun 1981 berapakah jumlah kes kesalahan-kesalahan ke atas penyeludupan bijih timah yang dirampas; apakah langkah-langkah Kerajaan yang lebih berkesan lagi supaya dapat membanteras dan mencegah kejadian-kejadian penyeludupan serupa itu daripada terus berleluasa memandangkan harga bijih timah sekarang tinggi di pasaran dunia.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Dalam tahun 1981 pihak Kastam telah membuat rampasan bijih timah sebanyak 35 kali berkaitan dengan kesalahan penyeludupan barang tersebut. Semua kes-kes ini akan dibawa ke mahkamah. Untuk membanteras kegiatan penyeludupan ini Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mengadakan sekatan jalan dari semasa ke semasa di tempat-tempat tertentu untuk mengawasi pergerakan bijih timah. Bijih timah yang diangkut tanpa permit akan dirampas;
- (ii) memberi hadiah kepada 'informer' yang memberi maklumat mengenai penyeludupan bijih timah;
- (iii) mengadakan pemeriksaan yang lebih ketat di stesyen-stesyen kastam.

TEMUDUGA LANTIKAN CALON KE JAWATAN TETAP

30. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau bercadang untuk menghapuskan "temuduga" kepada guru-guru yang mengambil kursus dalam cuti (KDC), iaitu bila mana hendak diserapkan mereka dari kategori C4 ke kategori C2, yakni tanpa ditemuduga.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tugas melantik calon-calon ke jawatan tetap dalam Perkhidmatan Pelajaran termasuk Kategori C2 adalah di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran mengikut Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan. Mengikut Perkara 144 (8) pula Suruhanjaya itu juga "boleh membuat kaedah-kaedah mengaturkan acaranya" dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Temuduga adalah satu daripada cara-cara yang dikenakan oleh Suruhanjaya itu bagi menentukan kesesuaian seseorang calon untuk dipertimbangkan sebelum dilantik ke jawatan tetap dalam Perkhidmatan Pelajaran.

ELETRIK KEPADA SETINGGAN LUAR BANDAR

31. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada kemudahan bekalan elektrik yang diberikan kepada setinggan-setinggan di bandar-bandar besar dapat juga diberikan kepada setinggan di luar bandar yang menumpang di atas tanah simpanan jalan, sungai dan lain-lain.

Dato Sanusi bin Junid: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya menyatakan bahawa bekalan elektrik kepada rumah-rumah setinggan di luar bandar yang menumpang di atas tanah simpanan jalan, sungai dan lain-lain boleh disambungkan jika rumah-rumah di situ dalam keadaan selamat, dan sesuai dengan keadaan letaknya rumah-rumah tersebut.

Tuan punya rumah juga dikehendaki mendapat kebenaran bertulis daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab atas tanah yang berkenaan seperti Pejabat Tanah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, sebelum permohonan dari mereka ini dapat dipertimbangkan oleh Lembaga Letrik Negara.

PASARAN BAHAN UTAMA MALAYSIA

32. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa apakah langkah-langkah yang positif telah diambil untuk memperindungi kepentingan

harga keluaran negara kita, termasuk pasarannya supaya bahan utama Malaysia tidak dimonopoli oleh negara-negara maju sebagai penggunaannya.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Soalan wakil daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ini telahpun dikemukakan pada 12hb Mac, 1982 yang lalu dan saya telah memberi jawapan yang lengkap dan tidak ingin menambah lagi.

PATUNG KUAN IM DI PULAU PINANG—PEMBINAAN

33. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kedudukan sekarang dalam hal membina patung besar Kuan Im di Ayer Hitam, Pulau Pinang.

Dato' Musa Hitam: Sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian ini telah bersetuju pada dasarnya mengenai cadangan pembinaan patung Kuan Im dengan syarat patung tersebut direndahkan menjadi 83 kaki dan ianya ditutup dengan sebuah 'dome' setinggi 120 kaki.

GURU-GURU PELATIH MAKTAB PERGURUAN GAYA MEMULAKAN KELAS—SIASATAN

34. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab 140 orang guru-guru pelatih tahun akhir di Kolej Perguruan Gaya di Sabah memulakan kelas-kelas awal tahun ini; sama ada penyiasatan telah dijalankan terhadap kejadian ini dan apakah hasil penyiasatan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pemuluan kuliah oleh seramai 140 orang guru pelatih Tahun II Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu, Sabah pada 2hb hingga 4hb Februari, 1982 yang lalu adalah sebagai bantahan mereka terhadap tindakan disiplin yang telah diambil oleh pihak maktab ke atas 2 orang guru pelatih Tahun II yang digantung daripada kursus kerana bersalah melakukan perbuatan "ragging" terhadap guru-guru pelatih baru.

Kesalahan kedua-dua orang guru pelatih itu adalah sabit berdasarkan pengakuan mereka

sendiri dan juga menurut laporan waden, pensyarah dan matron yang telah menyaksikan sendiri peristiwa tersebut setelah menerima aduan mengenainya.

Sebelum Minggu Orientasi diadakan, pihak maktab telah mengingatkan guru-guru pelatih tentang kandungan surat pekeliling Kementerian Pelajaran Bil. 4/78 yang mengharamkan "ragging" dan tindakan tegas akan diambil terhadap sesiapa sahaja yang mengingkarinya. Dengan ini tindakan disiplin yang telah diambil oleh pihak maktab kepada 2 orang guru pelatih itu adalah wajar dan adil.

Guru-guru pelatih yang memulakan kuliah itu telah diberi amaran supaya kembali semula mengikuti kuliah; jika tidak, mereka hendaklah menganggap diri mereka digantung dari kursus.

Pada 5hb Februari, 1982 guru-guru pelatih berkenaan telah kembali semula menghadiri kuliah seperti biasa dan telah meminta maaf kepada pihak maktab di atas kesalahan yang mereka lakukan itu.

AHLI-AHLI EXCO BERKHIDMAT SEPENUH MASA

35. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan serius apabila ia mengatakan Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Exco Negeri harus berkhidmat penuh masa dalam ertikata yang sebenarnya; jika ya, bolehkah beliau menerangkan mengapa tidak ada apa-apa tindakan diambil terhadap Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli EXCO Negeri MCA yang membazirkan banyak masa dalam kegiatan-kegiatan perniagaan MCA, contohnya dalam Syarikat Multi-Purpose MCA.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Jawapan kepada soalan ini telahpun dijawab oleh YAB Timbalan Perdana Menteri semasa menjawab soalan No. 2 daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 11-3-1982. Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat kepada jawapan itu.

PUSAT TAHANAN PULAU JEREJAK— KEKACAUAN

36. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab huru-hara berlaku baru-baru ini di kemahanan di Pulau Jerejak.

Dato' Musa Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekacauan yang berlaku di Pusat Tahanan Pulau Jerejak adalah berpunca di antaranya:

- 1.1. Perselisihan yang memang telah wujud di kalangan orang-orang tahanan itu sendiri sebelum daripada kejadian yang berkenaan.
- 1.2. Salah pemahaman mengenai peraturan-peraturan baru yang dikenakan oleh pihak berkuasa Pulau Jerjak demi kepentingan pentadbiran dan keselamatan.
- 1.3. Terdapatnya golongan tertentu yang menghasut dan mengapi-apikan rasa tidak puas hati dikalangan orang-orang tahanan terhadap tindakan disiplin yang dikenakan kepada mereka berhubung kesalahan tata tertib yang dilakukan oleh orang-orang tahanan.

PITA-PITA VIDEO LUCAH— SELUDUP MASUK

37. Tuan Mohd Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pita-pita video lucah diseludupkan ke dalam negara ini yang merosakkan moral anak-anak dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Dato' Musa Hitam: Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memang menyedari akan adanya penyeludupan-penyeludupan masuk pita-pita video lucah ke dalam negara ini.

Untuk membanteras akan kegiatan-kegiatan penyeludupan masuk pita-pita lucah, Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Penapisan Filem telah diperkemas lagi untuk membuat pemeriksaan mengejut yang lebih kerap ke atas pusat-pusat video di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Kerjasama pihak Kastam juga telah diminta bagi mengawal kemasukan pita-pita video di setiap pintu masuk ke negara ini. Sementara pihak Polis juga telah memberikan kerjasama dalam membanteras penjualan pita-pita video lucah ini serta mengadakan pemeriksaan dan serbuan di tempat lain yang difikirkan ada membuat penjualan dan penayangan pita-pita seperti ini.

AEROBUS/LIGHT RAIL

38. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah perkembangan terakhir tentang rancangan mengemaskan sistem pengangkutan awam untuk Kuala Lumpur, terutamanya berkaitan dengan cadangan memperkenalkan sistem Aerobus dan Light rail.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Kementerian Wilayah Persekutuan sedang giat berusaha bagi memperbaiki sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur. Kegunaan sistem pengangkutan baru seperti 'Light Rapid Transit' dan Aerobus adalah di antara sistem-sistem yang diberi pertimbangan serious oleh Kementerian. Satu kertas memorandum akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri bagi mendapatkan keputusan di atas perkara ini.

POLIS SERBU SARANG PERJUDIAN— RAMPASAN WANG

39. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada tindakan disiplin akan diambil ke atas pegawai-pegawai polis yang telah melampaui kuasa mereka apabila membuat serbuan ke atas sarang-sarang perjudian di Linggi dan Bukit Pelandok di Negeri Sembilan semasa perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini di mana mereka telah merampas wang yang didapati di premis-premis berkenaan.

Dato' Musa Hitam: Penyiasatan mengenai kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu masih lagi berjalan dan sebaik sahaja selesai, laporan penyiasatan itu akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Sembilan untuk tindakan selanjutnya.

SISTEM 3M—PERBINCANGAN

40. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pihak Polis telah bertindak dengan tidak mengikut undang-undang dengan mengharamkan perbincangan mengenai kebaikan dan keburukan sistem 3M. Jika sedar, adakah beliau akan menghentikan pihak Polis daripada bertindak secara tidak mengikut undang-undang ini dan tidak mengikut Perlembagaan.

Dato' Musa Hitam: Soalan yang hampir sama telah dijawab oleh Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 9hb Mac, 1982 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

TAMAN PERMAINAN OLEH PEMAJU PERUMAHAN

41. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan pemaaju perumahan yang telah menyelesaikan projek-projek mereka tetapi telah gagal memperuntukan taman permainan dan infrastruktur yang lain seperti dikehendaki dan apakah tindakan yang diambil terhadap pemaaju-pemaaju ini.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Kementerian saya tidak mempunyai maklumat tentang bilangan kemajuan-kemajuan perumahan yang tidak disediakan dengan taman permainan dan infrastruktur. Biasanya keperluan untuk mengadakan taman permainan dan infrastruktur merupakan syarat-syarat perancangan di dalam Perintah Pembangunan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Penguasa Tempatan yang berkenaan semasa permohonan tukar syarat diluluskan. Sememangnya Sijil Kelayakan Menduduki bagi sesuatu kemajuan perumahan tidak diluluskan oleh Penguasa Tempatan yang berkenaan selagi syarat-syarat seperti ini tidak dipatuhi dengan sepenohnya.

Saya suka menegaskan juga bahawa kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan, parit dan sistem saluran najis adalah keperluan-keperluan asas yang dikenakan semasa sesuatu kemajuan perumahan

diluluskan. Perkara-perkara ini adalah diberi pertimbangan yang rapi dan teliti oleh pihak berkuasa tempatan sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan.

PROJEK AMPANGAN HAIDRO TEMBELING

42. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan anggaran kos bagi projek Ampangan Haidro Tembeling di Pahang, bilakah projek tersebut akan mula dan dijangka siap dan sama ada bantahan-bantahan yang dibuat oleh pertumbuhan-pertumbuhan alam sekitar telah diambil kira demi menjaga ekoloji kawasan berkenaan.

Datuk Clarence E. Mansul: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, anggaran kos bagi projek Ampangan Haidro Tembeling di Negeri Pahang ialah lebihkurang 300 juta ringgit. Ini berasaskan kepada kos dalam tahun 1981. Kos projek ini akan dinilai semula pada tempoh kajian kemungkinan yang akan diadakan semula oleh pihak LLN sendiri. Tarikh pelaksanaan projek ini belum lagi ditetapkan, tetapi tarikh siapnya ialah menjelang akhir tahun 1988. Suka saya menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa segala aspek seperti kesan terhadap alam sekitar, penempatan semula penduduk-penduduk kampung yang terlibat dan sebagainya akan diberi pertimbangan yang teliti sebelum projek ini dimulakan. Ini memang diberi perhatian sama ada pertumbuhan-pertumbuhan alam sekitar menyoalkan perkara sedemikian atau tidak.

PESAKIT YANG ANGGOTANYA DIPOTONG

43. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kesihatan memberi angka-angka menurut tahunan tentang bilangan pesakit-pesakit yang anggotanya (limbs) dipotong selepas dimasukkan ke dalam wad orthopaedik di hospital-hospital akibat kemalangan sejak 1975 dan nyatakan sebab-sebab mengapa pesakit-pesakit yang dimasukkan ke dalam hospital tidak dibedah dengan segera dan sebaliknya dibedah selewat empat atau lebih hari kemudian selepas di masukkan ke hospital.

Dato' K. Pathmanaban: Angka-angka tahunan tentang bilangan pesakit-pesakit yang anggotanya (limbs) dibedah selepas dimasukkan ke dalam wad-wad ortopaedik di hospital-hospital akibat kemalangan sejak 1975, dibandingkan dengan kemasukan ke hospital kerana kemalangan, adalah seperti berikut:

	<i>No. Pembedahan</i>	<i>Kemasukan</i>
1975 ..	167	86,731
1976 ..	189	90,842
1977 ..	213	86,296
1978 ..	261	89,262
1979 ..	276	97,845
1980 ..	263	110,053
1981 ..	254	belum ada

Keputusan untuk membedah seseorang pesakit adalah keputusan professional yang dibuat oleh Pakar Bedah yang merawat pesakit tersebut. Keputusan ini bergantung kepada beberapa faktor seperti jenis kecederaan, bahagian tubuh yang tercedera, teruknya kecederaan keadaan pesakit dan kecederaan-kecederaan lain di badannya. Pada kebiasaannya Pakar-pakar Bedah berusaha seboleh-bolehnya menyelamatkan anggota pesakit, dan keputusan untuk membedah hanya dibuat apabila semua langkah-langkah untuk menyelamatkan anggota itu gagal atau pembedahan terpaksa dilakukan untuk menyelamatkan nyawa. Pembedahan anggota bukanlah satu yang diambil secara ringan oleh seorang Pakar Bedah.

UNIVERSITI KEENAM— PENUBUHAN

44. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sebuah universiti keenam akan ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, dengan memberikan butir-butir mengenai pengkajian yang dibuat tentang kemungkinan ini berkaitan dengan bila dan siapkah yang menjalankan pengkajian ini dan "deadline" bagi penyiapan pengkajian tersebut.

Datuk Dr Sulaimn bin Haji Daud: Setakat ini Kerajaan masih belum lagi membuat keputusan mengenai penubuhan universiti

keenam itu. Kementerian Pelajaran sedang menjalankan pengkajian tentang perlunya mengada sebuah lagi universiti.

SISTEM MEMBUANG UNDI

43. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar jumlah pengundi dalam kawasan-kawasan Parlimen dan Negeri adalah tidak seimbang dan tidak mengikut sistem 'seorang satu undi' seperti kawasan Parlimen Petaling mempunyai lebih dari 100,000 pengundi dan kawasan Parlimen Tenggaroh mempunyai 20,000 pengundi; apakah Suruhanjaya Pilihanraya akan mengamalkan sistem yang dilakukan dahulu dalam awal tahun enam puluhan di mana perbezaan pengundi di antara sesuatu kawasan tidak melebihi 15%.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Prinsip 'seorang satu undi' diamalkan dalam sistem membuang undi tetapi tidak menjadi salah satu daripada prinsip yang digunakan dalam sistem pembahagian kawasan pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan di dalam Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan apabila melaksanakan kajian bahagian pilihanraya. Prinsip-prinsip itu dikira memberi keadilan kepada semua pihak di dalam menentukan bahagian-bahagian pilihanraya di negara ini. Suruhanjaya Pilihanraya juga tidak pernah mengamalkan sistem yang menentukan perbezaan sesuatu kawasan tidak melebihi 15% sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

WAKIL RAKYAT MENGANGGUR

46. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan bahawa seseorang wakil rakyat yang berkhidmat sepenuh masa tanpa memegang apa-apa jawatan atau memperolehi apa-apa sumber pendapatan lain (selain daripada elaun MP atau ADUN) ini, bolehkah mereka digolongkan sebagai golongan yang menganggur atau bukan sebagai pekerja.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Seseorang Wakil Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri tidaklah pernah

mengganggu kerana mereka sentiasa dikehendaki memberi khidmat kepada rakyat dan negara.

KAJIAN "AFLATOXIN" DALAM PEANUT BUTTER

47. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kesihatan menyatakan taraf keselamatan digunakan oleh Kementerian untuk mencegah aflatoxin dalam "peanut butter" dan bahan makanan tin yang lain, sama ada beliau sedar kebanyakan cap "peanut butter" yang dijual di dalam negara kita mempunyai banyak aflatoxin, dan langkah-langkah yang diambil untuk memecatkan cap "peanut butter" dan bahan makanan tin yang lain yang didapati mempunyai banyak aflatoxin.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak Jabatan Kimia dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah memulakan kajian mengenai aflatoxin dalam bahan makanan pada pertengahan bulan Disember 1981.

Bahan-bahan makanan yang diramal mengandungi paras aflatoxin yang tinggi seperti "peanut butter", kacang tanah, minyak kacang dan minyak kelapa telah diambil contoh untuk di analisa. Contoh-contoh ini telah diperolehi dari beberapa daerah di seluruh Malaysia, juga dari berbagai-bagai tempat penjualan, seperti "Supermarket", kedai runcit, kilang dan pasar malam.

Keputusan mengenai penganalisaan contoh-contoh tersebut belum diperolehi lagi. Setelah keputusan diketahui, maka Kementerian Kesihatan akan membuat ketetapan berkenaan perkara-perkara berikut:

- (a) Paras Aflatoxin yang boleh diterima sebagai piawaian untuk makanan-makanan di negara ini,
- (b) Setakat manakah "peanut butter" dan lain-lain makanan yang dipasarkan di Malaysia mengandungi paras aflatoxin yang berlebihan, dan
- (c) Langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengawal penjualan bahan-bahan makanan yang mengandungi aflatoxin yang berlebihan.

SYARIKAT AWAM TEMPATAN MELABUR DI LUAR NEGERI

48. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setengah-setengah syarikat yang memegang saham di Malaysia telah melabur di luar negeri dengan cara menukar saham dengan syarikat lain di luar negeri, jika sedar, bagaimanakah hal ini menjejaskan ekonomi negeri ini dan apa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk merentikan amalan ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya sedar bahawa terdapat beberapa syarikat awam tempatan mempunyai kepentingan di dalam syarikat asing yang mempunyai harta sama ada di dalam atau di luar negeri, melalui pengeluaran saham kepada syarikat-syarikat berkenaan. Perolehan atau pengambilan alih harta-harta yang sedemikian hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pengeluaran Modal (CIC). Di dalam menimbang permohonan untuk pengeluaran saham-saham baru, Jawatankuasa ini akan memastikan supaya perolehan atau pengambilan alih harta-harta atau kepentingan dalam syarikat asing akan memberi faedah kepada semua pemegang-pemegang saham syarikat-syarikat yang berkenaan di Malaysia. Pada prinsipnya, adalah dipastikan bahawa pengeluaran saham baru tidak menjejaskan pendapatan syarikat-syarikat yang berkenaan yang mungkin akan mengurangkan pula pendapatan pemegang-pemegang saham Malaysia yang sedia ada. Malah pada dasarnya, Jawatankuasa Pengeluaran Modal tidak akan menimbangkan sebarang pengeluaran saham baru oleh syarikat-syarikat awam melalui pertukaran harta-harta atau saham yang tidak meningkatkan pendapatan semasa. Di dalam menimbangkan pengambilan alih tanah dan harta-harta yang terletak di Malaysia, Jawatankuasa ini akan menghubungi Penilai Kerajaan untuk mendapat pandangannya mengenai penilaian harta-harta tersebut.

JENTERA-JENTERA BERAT ROSAK

49. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan telah membeli

banyak jentera-jentera berat tetapi jentera-jentera ini dibiarkan rosak tanpa digunakan dan tidak diselenggarakan dengan baik, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil supaya wang rakyat tidak dibazirkan.

Dato' S. Samy Vellu: Saya tidak sedar, walau bagaimanapun suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah jentera-jentera berat dan kenderaan yang dikendalikan oleh Kementerian saya adalah lebih kurang 8,000 buah kesemuanya. Dari jumlah tersebut 10% tidak dapat digunakan dalam satu-satu masa disebabkan perlu dibaik pulih ataupun diperbaiki. Sebanyak 5% lagi adalah telah tiba masanya untuk dilupuskan. Jadi mungkin Ahli Yang Berhormat melihat jentera-jentera yang tidak dapat digunakan dan membuat satu tangkapan yang menyeluruh.

ORGANISASI JABATAN KERJARAYA SARAWAK—UBAHSUAI

50. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk mengubahsuai Jabatan Kerjaraya Sarawak kerana pekerja-pekerja di Jabatan Kerjaraya Sarawak tidak dapat menjalankan kerja-kerja mereka dengan berkesan menurut Rancangan Malaysia Keempat.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Jabatan Kerjaraya Sarawak adalah satu Jabatan Kerajaan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak. Yang demikian adalah di luar bidang kuasa Kementerian saya untuk mengubahsuai organisasi Jabatan tersebut. Walau bagaimanapun saya telah dimaklumkan bahawa Pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak sedang mengkaji organisasi Jabatan Kerjaraya tersebut dengan tujuan menjadikan Jabatan Kerjaraya Sarawak sebuah organisasi yang lebih berkesan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

KESELAMATAN ASIA TENGGARA

51. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau sedar keadaan keselamatan di Asia Tenggara mengancamkan keamanan dan kestabilan politik di rantau ini dengan campurtangan kuasa-kuasa besar terutama Russia. Jika sedar apakah strategi Kerajaan sebagai persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan strategi bersama dengan negara-negara jiran.

Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kerajaan memang sedar pergolakan politik dan keadaan keselamatan di Asia Tenggara sedikit sebanyak boleh mengancam keamanan dan kestabilan politik di rantau ini, lebih-lebih lagi dengan adanya campurtangan kuasa-kuasa besar terutama Russia.

Ada beberapa strategi yang dibuat oleh Kerajaan sebagai persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan iaitu:

- (a) Kerajaan Malaysia mengamalkan dasar luar yang berkecuali dan telah memperjuangkan kawasan rantau ini sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali dari campurtangan kuasa-kuasa besar.
- (b) Kerajaan Malaysia juga mengamalkan dasar pertahanan yang sejajar dengan dasar luar iaitu satu pertahanan yang berupaya berdikari (Self-reliance in defence). Seajar dengan dasar pertahanan ini, rancangan-rancangan pembesaran permodenan peralatan dan meninggikan kemahiran, kecekapan mutu dan disiplin Angkatan Tentera sedang dipergiatkan. Rancangan-rancangan ini diharap akan dapat memperkukuhkan kekuatan Angkatan Tentera bagi menghadapi sebarang ancaman dalam dan luar negeri.
- (c) Di Samping itu Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan kerjasama dengan negara-negara jiran iaitu dalam soal-soal keselamatan bersama di sempadan seperti dengan Indonesia dan Thailand. Hubungan

erat dengan negara-negara jiran di rantau ini telah dapat dipertingkatkan lagi melalui kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi dan politik di dalam ASEAN.

PELABUHAN KUANTAN ROSAK—TINDAKAN

52. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan oleh kerana Pelabuhan Kuantan sekarang sedang diperbaiki oleh sebuah syarikat pembinaan Jepun, sama ada Kerajaan akan mengambil sebarang tindakan terhadap golongan yang bertanggungjawab bagi pembinaan Pelabuhan Kuantan yang rosak itu.

Dato' S. Samy Vellu: Buat masa ini Kerajaan sedang menimbang sama ada akan mengambil sebarang tindakan terhadap mana-mana golongan yang bertanggungjawab bagi pembinaan Pelabuhan Kuantan yang rosak itu.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA)—MOTIF

53. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah motif sebenarnya beliau membuat tawaran yang berbentuk cabaran supaya badan-badan antarabangsa yang tidak senang dengan langkah Kerajaan menahan orang-orang tertentu di bawah ISA itu supaya mengatakan orang-orang tahanan berkenaan dan sama ada beliau berkeyakinan bahawa dengan berbuat demikian pihak-pihak yang berkenaan tidak akan membuat rayuan lagi dan sama ada tawaran-tawaran seperti itu pernah dibuat oleh mana-mana Menteri di negara demokrasi yang lain.

Dato' Musa Hitam: Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan ini dan juga soalan-soalan lain yang ada kaitannya dengan perkara ini seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Ahli Yang Berhormat dari Matang.

Undang-undang ISA atau Akta Keselamatan Dalam Negeri bukanlah satu

undang-undang yang diwujudkan untuk menekan rakyat. Ianya telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen mengikut sistem demokrasi berparlimen semata-mata bagi menjamin keselamatan di negara ini.

Saya suka menegaskan di sini, bahawa hak asasi seperti kebebasan bersuara dan ugama adalah terjamin oleh Perlembagaan kita kepada setiap rakyat di negara ini. Ini dapat dibuktikan dengan adanya berbagai parti politik yang bergerak bebas di negara ini. Walau bagaimanapun, semenjak negara kita belum merdeka lagi hinggalah ke masa ini, anasir-anasir anti-Keluruhan Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang begitu aktif mengancam kebebasan yang telah diperjuangkan oleh negarawan-negarawan kita, sama ada pasukan-pasukan keselamatan atau penganjur-penganjur nasional di segala lapisan khususnya ancaman-ancaman ini datangnya dari pihak komunis dan pelampau perkauman dan ugama.

Kerajaan tidak bertolak ansur kepada pihak-pihak berkenaan ini oleh sebab kita lebih berpengalaman pahit maung yang disebabkan oleh anasir-anasir itu. Akta ISA telah digubal berasas kepada pengalaman pahit kita yang unik dan tersendiri. Pasukan keselamatan kita masih bermati-matian dan cedera menghadapi anasir-anasir komunis. Anasir-anasir ini terus berkeras dan dibantu pula oleh anasir-anasir subversif. Di samping itu keadaan masyarakat majmuk di negara kita memberi peluang kepada semua pihak berkenaan mengeksploitasi sentimen perkauman dan ugama dengan tujuan mengwujudkan keadaan huru-hara. Semua ini, sekiranya tidak dihadapi dengan tegas pasti menjejaskan rancangan-rancangan pembangunan negara kita yang sekarang sedang pesat berjalan dengan jayanya, lebih-lebih lagi kalau dibandingkan dengan begitu banyak negara membangun yang lain di dunia ini.

Kritik-kritik yang telah dilemparkan kepada Kerajaan dalam melaksanakan undang-undang ISA ini telah berasaskan kepada tomah di mana kononnya pentadbiran Kerajaan kita tidak menepati konsep apa yang mereka anggap sebagai "kebebasan", "hak asasi" dan "keadilan". Konsep hak asasi dan

keadilan amat senang diputar belitkan di segi tafsiran dan penerimaan atau persepsinya lebih-lebih lagi dipandang dari segi kacamata yang berlainan bergantung kepada dari sistem politik mana datangnya seseorang yang memberi pendapat itu.

Seseorang yang memegang kewarganegaran seseorang negara harus menerima hakikat bahawa hak asasi mereka sebagai rakyat harus diiringi dengan tanggungjawab dan taat setia kepada peraturan dan perundangan yang ada di negara tersebut.

Berasaskan kepada penerimaan hakikat inilah maka sekiranya orang-orang tahanan di bawah Akta ini tidak menerima, dan nyata berkeras menolaknya maka lojiklah bagi mereka berhijrah ke mana-mana negara yang menepati konsep kebebasan mereka sendiri.

Kenyataan Kerajaan mengenai tawaran kepada badan-badan atau individu untuk menganak angkatkan orang-orang tahanan di bawah ISA ini bukanlah berhasrat untuk membuang mereka dari negara ini seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Jelutong.

Penghijrahan orang-orang tahanan yang ditawarkan ini adalah bergantung kepada permintaan atau persetujuan bersama di antara kedua pihak iaitu pihak penganjur dan orang-orang tahanan yang berkenaan. Sayugia diingat bahawa banyak juga daripada tahanan ini ialah daripada mereka yang tidak berwarganegara (stateless) dan wajarlah diberi peluang kepada mereka berhijrah dan menjadi warganegara sesuatu negara yang sedia menerimanya.

Sesudah persetujuan dicapai adalah wajar kepada orang tahanan yang telah mengambil keputusan memilih negara lain sebagai negara baru mereka itu menyerahkan kerakyatan mereka.

Untuk menjawab soalan-soalan yang lain saya suka menyatakan di sini sejak pengumuman itu dibuat Kerajaan belum lagi menerima sebarang permohonan untuk mengambil orang-orang tahanan ini baik dari individu maupun dari badan-badan

antarabangsa. Walau bagaimanapun, mulai dari sekarang setiap permohonan yang diterima akan dijawab berasaskan kepada konsep dan persepsi yang saya nyatakan tadi.

PELABUHAN KUANTAN— KOS ASAL

54. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan anggaran kos asal Pelabuhan Kuantan, jumlah wang yang dibelanja setakat ini untuk membuat kerja-kerja pembaikan dan jumlah anggaran kos yang terlibat dalam pembinaan pelabuhan tersebut; bilakah pelabuhan tersebut beroperasi penuh dan sama ada keputusan telah dibuat untuk membuat tuntutan sivil terhadap bekas kontraktor pelabuhan tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Anggaran kos asal bagi pembinaan Pelabuhan Kuantan ialah \$246 juta. Setakat ini belum ada perbelanjaan bagi membuat kerja-kerja pembaikan pelabuhan itu. Walau bagaimanapun, sebanyak \$2.2 juta telah dibelanjakan bagi memberhentikan gerakan dinding dermaga utama, 'pneumatic fenders' di dermaga Kelapa Sawit dan 'additional fenders' dan 'bollards' di dermaga Kelapa Sawit dan 'mineral oil berth' untuk membolehkan kapal-kapal yang beratnya sehingga 26,000 tan berlabuh di dermaga tersebut. Jumlah perbelanjaan pembinaan setakat ini ialah \$215 juta.

Pelabuhan Kuantan dijadualkan akan beroperasi penuh pada awal tahun 1984. Kerajaan masih dalam siasatan dan pertimbangan untuk membuat tindakan tuntutan sivil terhadap mana-mana pihak yang didapati bersalah.

JAMBATAN NORDIN DI PARIT— PERBAIKI

55. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jambatan Nordin di Tanjung Belanja, Parit tidak lagi sesuai untuk memenuhi keadaan lalulintas sekarang ini dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Dato' S. Samy Vellu: Kementerian ini sedar bahawa Jambatan Nordin di Tanjung Belanja, Parit tidak boleh dilalui oleh kenderaan berat. Kenderaan berat adalah diarah menggunakan jambatan di Bota. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk pembinaan tersebut.

TAHANAN ISA—RAYUAN PEMBEBASAN

56. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa bilangan rayuan-rayuan yang telah diterima oleh Kerajaan dan sumber-sumber asing supaya dibebaskan tahanan-tahanan ISA; pernahkah Kerajaan memberikan pertimbangan serius terhadap rayuan-rayuan?

Dato' Musa Hitam: Kerajaan menerima banyak rayuan daripada badan-badan atau individu-individu berhubung dengan pembebasan orang-orang tahanan di bawah ISA. Kerajaan memang memberi pertimbangan yang wajar tentang rayuan-rayuan tersebut. Sebab itu baru-baru ini Kerajaan telah membuat tawaran kepada badan-badan dan individu untuk menganak angkat orang tahanan di bawah ISA itu. Walau bagaimanapun, selepas pengumuman itu, Kerajaan belum lagi menerima sebarang permohonan untuk mengambil orang-orang tahanan ini baik dari individu mahupun dari badan-badan antarabangsa.

“MEE SEGERA”—SIASATAN

57. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada siasatan Kementerian Pertahanan ke dalam ‘mee segera’ seperti terdedah dalam laporan Ketua Odit Negara dan diperakukan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah siap; dan jika ya, beri satu laporan tentang hasil siasatan tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Kementerian Pertahanan atas kemahuannya sendiri telah menjalankan penyiasatan terhadap perkara pembelian mee segera bagi Sabah dan Sarawak. Siasatan ini dijalankan ekoran dari arahan yang dibuat

oleh Ketua Setiausaha dalam kuasanya sebagai Ketua Pentadbir Kementerian dan dengan itu ia cuma merupakan siasatan pentadbiran atau Jabatan sahaja. Siasatan masih lagi berjalan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan Yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (18hb Mac, 1982).

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada waktu kita tangguhkan mesyuarat ini semalam semua Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap telahpun bercakap atas Akta untuk meminda Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara. Jadi, pada petang ini buat permulaan bagi meneruskan perbahasan atas perkara ini, saya jemput Yang Berhormat Menteri yang berkaitan untuk menjawab.

4.16 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa teguran dan komen berhubung dengan Rang Undang-undang meminda Kanun Tanah Negara yang dikemukakan semalam. Saya tidak hendak mengulas satu-persatu tetapi secara ringkas tentang beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Beberapa orang telah menimbulkan keraguan berhubung dengan pindaan ini yang memendekkan masa daripada 15 kepada 10 tahun untuk menyemak semula kutipan cukai. Mereka bimbang kalau-kalau diadakan pindaan selalu sangat mungkin orang kampung tidak dapat membayar atau terlalu tinggi. Yang sebenarnya, pindaan ini telah kami rundingkan, bincangkan secara halus di peringkat Pusat dan begitu juga Kerajaan

Negeri dan beberapa aspek telah dikaji begitu panjang lebar dan didapati bahawa adalah perlu pindaan ini dibuat. Dan sukacita saya menerangkan bahawa seperti yang kita ketahui Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab sama ada di peringkat Negeri ataupun peringkat Pusat dan tidak pernah membuat satu-satu pindaan yang boleh merosakkan ataupun merugikan kepada rakyat. Dan dengan demikian undang-undang ini tidaklah patut dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian. Dan ini adalah perlu memandangkan keadaan yang ada pada hari ini. Dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Panti yang menimbulkan keraguan itu tidaklah bimbang lagi. Apa yang perlu ialah rasa saya bagi kita supaya tiap Kerajaan Negeri itu kita menguasainya dan Kerajaan Pusat itu kita menguasainya dan kerana Kerajaan kita adalah bertanggungjawab dan tidak akan membuat apa-apa pindaan ataupun satu-satu dasar yang boleh merugikan rakyat.

Dan secara ringkas Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah menyatakan bahawa Penyelesai Tanah di Kelantan telah menimbulkan masalah kerana sungguhpun tanah itu ada tuannya tetapi diberi kepada orang yang mendudukinya. Sebenarnya di bawah The Kelantan Land Settlement Ordinance, 1955, Pegawai Penyelesaian akan memastikan siapakah pemilik sesuatu tanah yang sebenarnya dan akan dianggap sebagai pemilik tanah itu hanya selepas diadakan perbincangan. Sekiranya mana-mana pihak yang terlibat tidak puas hati dengan keputusan Pegawai Penyelesai, rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi. Maka soalan ketidakadilan itu tidaklah timbul.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih juga membangkitkan mengenai tanah Persekutuan yang tidak digunakan, misalnya, tanah untuk sekolah tidak digunakan untuk sekolah dan beliau mencadangkan supaya tanah itu diberi balik kepada Kerajaan Negeri. Memang ini adalah amalan kita, jika benar-benar Kerajaan Pusat tidak lagi memerlukan sesuatu tanah itu untuk apa-apa maksud, biasanya Kerajaan Pusat melepaskan balik tanah itu kepada Kerajaan Negeri dan digunakan untuk projek-projek yang penting bagi waktu itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar-Bharu telah mencadangkan supaya diwujudkan satu badan penyelaras untuk meninggikan mutu pentadbiran tanah. Pada pandangan kami setakat ini badan itu tidaklah berapa perlu kerana pentadbir-pentadbir tanah di peringkat persekutuan dan negeri sentiasa membincangkan masalah perundangan atau pentadbiran tanah dan mesyuarat sentiasa diadakan antara Pengarah Tanah dan Galian di Peringkat Negeri. Mesyuarat itu sentiasa dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan ahli-ahlinya terdiri daripada semua Pengarah Tanah dan Galian dan juga Peguam Negara. Di situ lazimnya dapat kita menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dari satu masa ke satu masa.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan masalah kelewatan mendapatkan surat hakmilik tanah oleh pekebun-pekebun kecil khasnya pekebun kecil getah. Suka saya hendak maklumkan di sini bahawa sebelum surat hakmilik dapat dikeluarkan pihak Pejabat Tanah mestilah memastikan sama ada tanah itu diduduki secara haram ataupun dengan kebenaran atau kelulusan Kerajaan. Tindakan sedang diambil untuk menyediakan surat hakmilik kepada mereka yang berhak memiliki tanah yang dipersoalkan itu.

Beliau juga menyentuh mengenai kelewatan dan kelemahan Pejabat Tanah memproses permohonan. Dalam soal ini di peringkat daerah, Kementerian sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meninggikan mutu perkhidmatan pentadbiran tanah. Di bawah Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan kita telah menubuhkan satu bahagian khas iaitu Unit Kemajuan Pengurusan telah kita wujudkan baru-baru ini. Unit ini sedang mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh Pejabat-pejabat Tanah secara mendalam dan membuat syor untuk memperbaiki jentera pentadbiran tanah di peringkat negeri. Selain daripada itu, Bahagian Latihan, Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan sedang menjalankan kursus supaya melatih pentadbir-pentadbir tanah seperti Pemungut Hasil Tanah, Pegawai Penempatan, Kerani dan lain-lain pegawai di Pejabat Tanah. Yang lain-lain, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada saya hendak sentuh kerana

perbahasan semalam pun ringkas dan saya mengambil sedikit masa sahaja untuk menjelaskan keraguan mereka.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Pemangku Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN PENCEGAH RASUAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.13 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang untuk menubuhkan Badan Pencegah Rasuah, bagi memberi kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai Badan itu dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengannya dibaca kali kedua.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk menukarkan nama Biro Siasatan Negara kepada nama asalnya iaitu Badan Pencegah Rasuah. Objektif penting penukaran ini ialah untuk mencerminkan dengan lebih tepat lagi peranan badan itu sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan khusus untuk mencegah perbuatan rasuah.

Sebagaimana yang saya seringkali nyatakan, hasrat utama Kerajaan baru ialah untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan licin. Untuk mencapai matlamat ini perhatian yang berat adalah diberi kepada usaha-usaha untuk mencegah sebarang perbuatan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang, bidang tugas yang dipertanggungjawabkan kepada BSN adalah luas dan meliputi berbagai jenis penyelewengan seperti kes-kes berhubung dengan pecah amanah, penipuan dan sebagainya. Ini telah menimbulkan anggapan masyarakat bahawa BSN adalah juga badan yang mengendalikan kes-kes penyelewengan dan perbuatan curang yang bukan bersifat rasuah. Sekiranya kita terus membenarkan Biro ini dengan bidang tugas yang begitu luas, ia tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan untuk mencegah perbuatan rasuah. Ia akan terus menumpukan kepada perkara-perkara kurang penting, sementara kes-kes rasuah yang tulin tidak dapat diberi perhatian yang penuh.

Usaha menukar nama BSN ialah salah satu daripada langkah-langkah meningkatkan perjalanan organisasi Biro tersebut. Lain-lain langkah termasuklah usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kemahiran pegawai-pegawai Biro menjalankan siasatan dengan cara melatih dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang lebih profesional.

Tuan Yang di-Pertua, di samping cadangan menukar nama itu, cadangan juga dibuat supaya diadakan peruntukan membolehkan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah mengeluarkan perintah-perintah pentadbiran tetap ataupun 'Standing Orders' berhubung dengan pengawasan am, latihan, tugas dan kewajipan pegawai serta disiplin pegawai, dan lain-lain perkara yang perlu untuk kebaikan pentadbiran Badan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga membuat peruntukan bahawa apa-apa perbuatan yang dilakukan dan perintah-perintah yang dikeluarkan sebelum berkuatkuasanya Akta baru ini adalah perlu diteruskan dan dianggap sebagai tindakan dan perintah Badan Pencegah Rasuah ini.

Dengan terlaksananya Akta Badan Pencegah Rasuah, Akta Biro Siasatan Negara 1973 adalah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan perubahan-perubahan yang saya sebutkan tadi, institusi mencegah rasuah ini akan dapat memainkan peranannya yang lebih aktif dan berkesan dan mudah-mudahan Malaysia akan menjadi sebuah negara yang tidak dicemari oleh rasuah dan rakyatnya terus menikmati keadaan hidup yang bersih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ialah Suatu Akta bagi menubuhkan Badan Pencegah Rasuah, bagi memberi kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai Badan itu dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Petaling.

4.19 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini Dewan yang mulia ini diminta mengubah nama Biro Siasatan Negara dan menamakan semula kembali kepada nama lamanya Badan Pencegah Rasuah.

Pertukaran nama semata-mata tidak akan menyumbang apa-apun terhadap perang menentang rasuah di negara ini, kecuali untuk mengidentifikasikan Badan tersebut sebagai Badan yang ditugaskan khas untuk memerangi rasuah.

Apa yang lebih penting dalam apa-apa perang yang bererti terhadap rasuah selain dari menukar nama Badan tersebut ialah Badan berkenaan hendaklah dilengkapi dengan kuasa-kuasa dan kebebasan yang secukup-cukupnya untuk membolehkannya menjalankan siasatan-siasatan dan pendakwaan-pendakwaan tanpa sebarang

ketakutan atau memilih kasih. Semenjak 15 tahun yang lalu sejak penubuhan Badan Pencegah Rasuah dalam tahun 1967, kalau saya tidak silap, dan dengan penggantiannya oleh Biro Siasatan Negara dalam tahun 1973, rasuah di Malaysia telah menjadi-jadi dan lebih ketara. Ini bukanlah disebabkan kerana kekurangan sifat dedikasi dan kesungguhan pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah atau BSN tetapi akibat sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas kuasa-kuasa dan kebebasan bertindak mereka.

Sejarah BPR dan BSN selama 15 tahun ini adalah sejarah pendakwaan ikan-ikan bilis dan immuniti ikan-ikan yu dari pendakwaan kecuali beberapa kerat yang didakwa kerana motivasi politik untuk menghapuskan cabaran-cabaran dalam pucuk pimpinan atasan UMNO. Adalah menjadi pengetahuan orang ramai bahawa pendakwaan tidak akan dijalankan terhadap seorang Menteri Besar sekiranya Menteri Besar berkenaan setuju masuk ke dalam "political wilderness" serta menerima jawatan Duta ke Bangsa-bangsa Bersatu.

Pada keseluruhannya sejarah dan rekod BPR dan BSN sejak 15 tahun yang lalu ialah sejarah dan rekod kegagalan untuk melekuatkan masalah rasuah. Juga Badan Pencegah Rasuah mempunyai sejarah dan rekod sebagai badan yang menjadi "subservient" kepada kepentingan politik Kerajaan yang memerintah. Soalnya ialah sama ada dengan kembalinya nama Badan Pencegah Rasuah kita akan memulakan satu bab baru di mana akan terdapat keseriusan yang sungguh-sungguh untuk menghapuskan rasuah dalam perkhidmatan awam tanpa mengira pangkat atau pengaruh serta tidak mengindahkan langsung akibat-akibat politik yang akan timbul akibat tindakan-tindakan seumpama itu baikpun terhadap ahli-ahli politik atau parti-parti politik yang memerintah.

Rakyat berhak bertanya sama ada Badan Pencegah Rasuah yang dinamakan semula ini akan mengakhiri seperti BPR dan BSN dahulu yang mana kedua-dua BPR dan BSN dimulakan dengan begitu banyak "fanfare" dan harapan bukan sahaja berkait dengan penubuhannya bahkan juga dengan

pertukaran Perdana Menteri setiap kali, pertama di bawah Allahyarham Tun Razak, kemudiannya di bawah Tun Hussein Onn, tetapi selalunya mengakhiri dengan "a whimper".

Pimpinan 2M di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti pentadbiran masa-masa dahulu telah memulakan pentadbiran mereka dengan jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap orang-orang yang korap. Pegawai-pegawai awam telah dikehendaki mengisytiharkan harta benda mereka dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa beliau akan, dengan izin, "put the fear of God in those people who are corrupt" dan akhbar-akhbar telah memberi keutamaan atau "played-up" laporan-laporan dan cerita-cerita tentang aktiviti-aktiviti BSN.

Akan tetapi negara masih belum lagi lihat Biro Siasatan Negara crack down orang-orang yang korap terutama sekali mereka yang memegang jawatan-jawatan politik tinggi baikpun di peringkat Pusat atau khasnya di negeri dan ini menunjukkan bahawa pentadbiran 2M sekarang juga tertakluk kepada sekatan-sekatan dan pertimbangan-pertimbangan politik (political constraints and considerations) yang dihadapi oleh pentadbiran-pentadbiran dahulu.

Hiruk-pikuk yang timbul akibat pembatalan jamuan makan malam anjuran Kelab Sukan J.K.R. Seremban untuk menyambut ulangtahun kelima puluhnya sungguhpun pekerja-pekerja J.K.R. telah berkata mereka tidak tahu menahu tentang jamuan makan tersebut serta juga serangan-serangan dari peringkat atasan yang dilancarkan terhadap B.S.N yang melibatkan seorang Menteri Pusat dan Menteri Besar Negeri Sembilan merupakan hanya satu daripada "political constraints" ini.

Sekiranya Badan Pencegah Rasuah hendak menjalankan peranannya dengan sepenuhnya sebagai sebuah Badan Pencegah Rasuah yang berkesan yang mana tanggungjawab tunggalnya ialah untuk menentang rasuah tanpa mengira kepentingan politik mana parti-parti termasuk parti memerintah maka kita hendaklah mewujudkan tiga syarat-pra

(pre-conditions) yang mana tanpa syarat-syarat pra ini usaha-usaha yang serius atau berterusan terhadap rasuah tidak akan berjaya.

Syarat pra yang pertama ialah Kerajaan melalui pemimpin-pemimpinnya di peringkat kebangsaan dan negeri hendaklah diberi satu gambaran atau "set the tone" tentang satu pimpinan yang bersih dan tidak berasuah, yang dihormati dan disegani oleh orang ramai sebagai orang-orang yang tidak boleh dikorapkan dan committed sepenuhnya dalam perang untuk menghapuskan rasuah dan bukan menggunakannya sebagai satu gimik politik sahaja. Pada masa-masa dahulu kita telah lihat pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri yang bercakap dengan begitu lantang mengenai perang terhadap rasuah sedangkan semua orang tahu mereka inilah yang paling korap sekali. Kita masih mempunyai pemimpin-pemimpin seumpama ini di negara ini dan inilah tidak dapat mewujudkan rasa cynical terhadap kesungguhan dalam kempen anti rasuah yang dijalankan sekarang.

Umpamanya, pemimpin-pemimpin politik yang cuba membuat perbezaan di antara berbagai-bagai jenis rasuah, tidak akan mewujudkan satu iklim di mana walaupun rasuah tidak boleh dihapuskan sama sekali, ianya tidak menjadi satu amalan hidup di negara ini dan diterima sebagai satu ciri yang indispensable dalam hidup negara kita. Rasuah politik umpamanya tidak lain dan tidak bukan satu jenis rasuah. Pengundi-pengundi diberitahu bahawa sekiranya mereka memilih Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negeri Barisan Nasional mereka akan dapat menikmati projek-projek pembangunan kecil yang akan dinafikan sekiranya mereka memilih seorang calon Pembangkang. Ini tidak kurang dari menggunakan wang awam yang disumbangkan oleh pengundi sendiri untuk menyuap pengundi-pengundi supaya mereka mengundi calon-calon Barisan Nasional. Ini bukan sahaja satu penyalahgunaan besar wang awam tetapi juga satu bentuk rasuah politik yang paling dikesalkan.

Apa yang memeranjatkan ialah bahawa terdapat pemimpin-pemimpin politik yang tidak boleh mengenali rasuah apabila mereka

melihatnya. Tetapi saya sungguh tertarik bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bukunya "Menghadapi Cabaran" telah mengarang, dengan izin, saya quote:

"Bagi calon dari parti Kerajaan Tanah Merah dan lain-lain diberi apabila dekat dengan pilihanraya. Ini sudah tentu menjadi satu jenis korupsi. Kalau pada mulanya undi diberi kerana janji layanan, sekarang layanan diberi kerana undi". Dan lagi satu tempat, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya quote:

"Jika masyarakat ingin menyingkirkan rasuah, masyarakat tidak boleh mengamalkan rasuah secara langsung atau tidak langsung, di waktu pilihanraya. Jika rasuah undi dibuat maka besar kemungkinan pemimpin yang akan terdiri dari mereka akan mudah menggunakan rasuah untuk menjadi calon dan memenangi pilihanraya. Dan pemimpin yang mudah menggunakan rasuah akan mudah terpengaruh dengan rasuah".

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin politik yang menerima rasuah sebagai satu cara hidup tidak akan mendapati rasuah dalam perkhidmatan awam sebagai salah yang besar oleh kerana terdapat sedikit sebanyak kekeluargaan atau sangat yakin dua jenis korupsi ini. Sekiranya Badan Pencegah Rasuah ingin berjaya dalam tugas-tugasnya untuk menghapuskan rasuah maka ianya hendaklah berkebolehan untuk bergerak dalam satu suasana nasional di mana rasuah dalam semua bentuk dikutuk oleh semua lapisan masyarakat dan bukan seperti sekarang di mana mereka yang didakwa dan didapati bersalah dapat menarik sedikit sebanyak simpati dan sokongan sebagai mereka yang tidak bernasib baik kerana ditangkap kerana ramai lagi yang mempunyai hubungan dengan pengurusan wang awam dengan terus menerus mengumpulkan harta benda yang diperolehi dengan cara-cara jahat secara 'impunity'.

Oleh kerana pilihanraya besar nampaknya sudah tiba dan ianya pilihanraya yang akan dipanggil oleh pimpinan 2M kali yang pertama, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau

sanggup menjalankan pilihanraya besar dengan cara yang paling bersih sekali tanpa rasuah politik yang telah berlaku dalam pilihanraya-pilihanraya besar dahulu khususnya di Sabah dan Sarawak yang menjadi asas menyebabkan pemimpin-pemimpin, politik menjadi korap selepas pilihanraya besar.

Syarat pra yang kedua, sebelum Badan Pencegah Rasuah boleh bergerak dengan jayanya ialah dengan memberikan kebebasan penuh dalam operasinya di mana Badan Pencegah Rasuah tidak tertakluk kepada authority politik mana-mana Menteri ataupun Perdana Menteri sendiri berkaitan dengan keputusan-keputusan yang dibuatkannya untuk mendakwa atau tidak pemimpin-pemimpin politik peringkat atasan.

Walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri harus dipuji kerana beliau telah berkata bahawa beliau tidak akan campur tangan dalam hal BSN berhubung dengan uproar yang timbul akibat pembatalan jamuan makan malam anjuran Kelab Sukan JKR Seremban, hakikat bahawa BSN atau BPR sekarang diletakkan di bawah tanggungjawab Perdana Menteri, bererti Badan tersebut adalah tertakluk kepada arahan-arahan Perdana Menteri walaupun arahan-arahan tersebut tidak diberitahu secara awam. BPR tidak boleh menjadi benar-benar bebas selagi ia tidak dipisahkan dari tanggungjawab mana-mana Menteri dan inilah sebabnya saya menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi pertimbangan yang serius untuk menjadikan Badan Pencegah Rasuah sebuah badan autonomous yang hanya bertanggungjawab kepada Parlimen supaya dapat meningkatkan kebebasan tindakannya.

Hanya pemimpin-pemimpin politik yang takut akan wujud sebuah BPR yang bebas dan autonomous penuh dan tidak tertakluk kepada arahan mana-mana Menteri atau eksekutif akan berasa takut dengan kuasa-kuasa luas seumpama itu yang diberikan kepada Badan Pencegah Rasuah

Syarat pra tiga yang perlu bagi memastikan kejayaan BPR ialah untuk memberi kuasa-kuasa yang cukup kepadanya

untuk memerangi rasuah. Untuk beberapa tahun sejak ini Menteri Kerajaan telah berkata bahawa terdapat cadangan-cadangan untuk meminda Akta Pencegah Rasuah untuk menguatkan kuasa-kuasa BSN untuk memerangi rasuah. Maka dengan sebab itu saya berasa hairan bahawa walaupun terdapat Rang Undang-undang ini yang bertujuan menukar nama BSN kepada BPR tidak terdapat apa-apa accompanying legislation yang terkandung dengan tujuan untuk menambahkan kuasa-kuasa kepada Badan tersebut untuk membolehkannya menjalankan satu perang yang berkesan terhadap rasuah.

Pada bulan Oktober, 1975 saya telah mencadangkan dalam Dewan ini bahawa Akta Pencegah Rasuah 1961 hendaklah dipinda untuk menjadikan sebagai satu kesalahan bagi mana-mana pegawai awam termasuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Ketua-ketua Menteri, Menteri-menteri Besar, Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negeri yang mempunyai harta benda atau kepentingan-kepentingan kewangan (pecuniary resources) yang tidak seimbang dengan sumber pendapatnya yang diketahui dan kecuali ia boleh memberi satu penjelasan yang boleh memuaskan kepada mahkamah, bukan kepada siapa, kepada mahkamah tentang bagaimana ia dapat mengumpulkan secara sah harta benda atau sumber-sumber kewangannya itu tanpa melibatkan diri dalam rasuah, beliau akan didapati bersalah dan didenda atau dihukum penjara.

Enakmen Undang-undang seumpama itu serta juga dengan penguatkuasaannya yang tegas bukan sahaja akan memberi Badan Pencegah Rasuah kuasa-kuasa yang perlu untuk melancarkan perang yang berkesan menentang rasuah tetapi juga akan menggariskan asas bagi pembetulan sebuah Kerajaan yang benar-benar bersih, jujur dan tidak berasuah. Memang sekiranya terdapat undang-undang seumpama itu dan kiranya ia patuhi dengan setegas-tegasnya mahkamah-mahkamah di negara kita akan dihadapkan dengan satu menarai panjang kes-kes rasuah mengenai mereka yang mempunyai harta benda (pecuniary resources) yang tidak

seimbang yang mana senarai tersebut akan diketuai oleh Menteri-menteri Pusat, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negeri, Ketua-ketua Menteri, Menteri-menteri Besar, Ahli-ahli EXCO Negeri.

Apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sanggup membayar harga politik seumpama itu untuk menubuhkan sebuah Kerajaan yang bersih, jujur dan tidak berasuah. Jika tidak, soal yang timbul ialah setakat manakah kempen anti-rasuah di bawah pimpinan 2M akan berkesan berbanding dengan pentadbiran-pentadbiran dulu dengan adanya political constraint dan political concentration yang sama. Selagi dan sehingga ketiga-tiga perang saraf ini wujud, perang terhadap rasuah yang dilakukan oleh Badan Pencegah Rasuah yang akan bermula dengan kelulusan Rang Undang-undang ini tidak akan berkesan.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.41 ptg.

Dato' Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Badan Pencegah Rasuah, bagi memberi kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai Badan itu dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengannya yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini untuk meminta pengesahan daripada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa pindaan ini amatlah mustahak oleh kerana mungkin sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memandangkan bahawa undang-undang lama, undang-undang yang dinamakan Biro Siasatan Negara (BSN) itu sudah macam kalau budak-budak, kena penyakit cacing. Jadi satu cara ubatnya ialah menukar nama. Seperti kata orang tua-tua kita, dengan tukar nama itu insya Allah budak yang tidak sihat itu dia akan sihat. Jadi itulah agaknya yang ada di dalam pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selain

daripada pentadbiran baru ini sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat sendiri pentadbiran M besar dan M kecil, 2M ini akan mencuba menghapuskan rasuah sama sekali. Saya berdoa kepada Tuhan walaupun tidak boleh menghapuskan, sebab menghapuskan rasuah sama sekali agaknya bukan di dalam bidang kuasa kita, cuma mengurangkan. Sebab, rasuah ini adalah satu penyakit, satu perbuatan yang dikeji oleh ugama sendiri dan juga oleh masyarakat. Oleh kerana itu saya memberi kepujian yang amat besar kepada pentadbiran baru ini di atas usaha-usahanya yang membawa kepada kebersihan masyarakat kita ini daripada rasuah.

Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan ini, rasuah ini biasanya yang dihukum ialah orang yang menerima rasuah, tetapi orang yang memberi tidak pula termasuk di dalam bidang hendak kena hukum. Siapa yang makan rasuah, orang itu ditangkap dan dibawa ke mahkamah dan dihukum sedangkan orang yang memberi tidakpun kena sesuatu tindakan hukum. Jadi kita tahu rasuah tidak terjadi sekiranya tidak ada orang yang memberinya. Ada beri, ada terima, baru jadi rasuah. Jadi ini tidak patut dan bukan sahaja tidak patut, Tuan Yang di-Pertua, kalau ini caranya, saya rasa sampai bila-bila pun, tidak mahulah kata sampai hari kiamat—sampai bila pun rasuah ini tidak dapat dihapuskan. Jadi siapa tidak mahu rasuah, Tuan Yang di-Pertua? Sayapun kalau mahu beri, saya mahu terima. (*Ketawa*). Tetapi kalau tidak ada orang hendak beri, maka saya tidak boleh terima, maka tidak adalah rasuah. Jadi di situ duduknya. Jadi kita hendak tepuk tangan sebelah tidak jadi, kena tepuk tangan dua belah. Inilah sebabnya sekurang-kurangnya kita mesti merujuk hukum undang-undang kita ini kepada undang-undang Tuhan, macam orang lelaki dengan orang perempuan melakukan sesuatu perkara yang tidak diinginkan dan yang dimurkai oleh Tuhan, kedua-duanya kena hukum, barulah selamat dan barulah betul. Jadi saya minta supaya Yang Amat Berhormat dalam cita-citanya yang mendapat sokongan daripada saya sendiri, saya sokong betul-betul supaya masalah ini pun perlu diambil pertimbangan yang berat dalam menjalankan usaha-usaha ini.

Yang kedua, biasanya mengikut Yang Amat Berhormat sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini yang kita hendak tukar nama oleh kerana BSN dulu skopnya terlalu luas. Bila luas, payahlah hendak menyelesaikan masalah, Maka ditugaskan Badan Pencegah Rasuah ini untuk mencegah rasuah semata-mata.

Saya baca Fasal 8 ini mengenai Perintah-perintah Tetap, Ketua Pengarah dan pegawai-pegawainya sekali ini, saya bersetuju sangatlah dengan apa yang disarankan oleh Ahli Parlimen dari Petaling tadi supaya pegawai-pegawai ini jangan takut siapa, melainkan dia mesti takut Tuhan sahaja. Sebab kebiasaannya dia takut. Kalau di Negeri dia takut kepada Menteri Besar, sebab dia orang besar dan kalau di peringkat pusat, dia takut kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebab dia besar sekali. Jadi pegawai ini hendak bertindak dia teragak-agak. Saya rasa kalau teragak-agak ini dia akan menjalankan tugas tidak begitu lincin dan tidak begitu baik. Jangan ada 'green light—green light' lagi, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini saya dengar-dengar cerita, kalau satu-satu tindakan hendak diambil kepada pihak-pihak yang berkenaan, dia mesti nanti 'green light' daripada atas. Siapa di atas itu kita tidak tahulah. Kalau ada 'green light' Okay jalan: Kalau tak ada green light—tak jalan.

Sekarang ini saya berharaplah pegawai yang menjalankan tugas-tugas ini tidak ada green light, sentiasa putih semuanya sekali, white light, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini benda-benda yang mustahak. Jadi dengan ini, saya rasa kalau dapat dilaksanakan Badan Pencegah Rasuah yang baru kita hendak luluskan pada hari ini akan jadilah negara kita ini aman, damai, lincin dan pihak saya Pembangkang ini pun tidaklah merasa dukacita sangat di dalam tindakan-tindakan undang-undang yang selalu diselewengkan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Saya rasa cukuplah saranan saya terhadap Rang Undang-undang ini di samping saya memberi sokongan yang baik dan kuat kepada Perdana Menteri di atas Rang Undang-undang ini.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

4.49 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan. Cuma di dalam mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang benar-benar dalam masa yang begitu singkat ini telah pun membuktikan yang ianya memang berazam benar-benar untuk mengkotakan apa yang ia katakan iaitu untuk mewujudkan suatu pentadbiran yang benar-benar bersih.

Memanglah kalau kita lihat atau tinjau dari segi pandangan orang ramai terhadap badan apa yang dikatakan BSN itu begitu luas sekali sehingga kadang-kadang kita tidak tahu sama ada BSN ini merupakan badan Biro Pengaduan Awam sehingga segala-galanya yang tidak betul dengan pentadbiran Kerajaan disalurkan kepada BSN. Jadi BSN sudah mula jadi sebagaimana yang dikatakan Biro Pengaduan Awam. Jadi apa yang tertarik dengan pindaan Akta ini adalah mengenai tekanan terhadap perkataan mencegah. Itulah yang saya rasa yang saya tertarik sangat.

Selalu diperkatakan mengenai yang selalu didakwa adalah ikan-ikan bilis bukan ikan yu dan sebagainya. Tetapi, saya rasa dalam aspek memerangi sesuatu yang tidak elok khususnya dari segi memerangi rasuah, apa yang seharusnya ditekankan adalah usaha-usaha untuk mencegah (preventive) dan bukannya dari segi hendak menghukumkan orang. Kalau kita berjaya dalam usaha-usaha untuk mencegah maka saya rasa akan kurangnya sangat usaha-usaha untuk menghukumkan orang. Dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kerajaan sudahpun dalam masa yang begitu singkat menjalankan beberapa tindakan-tindakan yang saya rasa akan benar-benar berkesan dalam usaha untuk mencegah rasuah berlaku. Satu, saya rasa tidak boleh siapa menafikan iaitu dengan adanya pengisytiharan harta oleh segala orang yang mempunyai kuasa iaitu sama ada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau EXCO Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kanan, itu saya rasa sudahpun banyak membuktikan bahawa selepas ini semua yang telahpun mengisytiharkan hartanya maka sudah tentu akan berjaga-jaga sangat dan ini

saya rasa sudah pun merupakan satu kejayaan yang besar dalam usaha kita mencegah rasuah.

Satu lagi yang saya nampak sekarang ini banyak publicity diberi kepada siasatan-siasatan yang dibuat oleh BSN—di Johor, di Kedah, di sana dan di sini. Mungkin ramai orang mengatakan kenapa tidak mahkamah, kenapa selepas sebuk begitu tetapi tidak ada sesuatu tanda yang berkesan ataupun berjaya untuk mengheretkan orang itu ke mahkamah. Saya rasa bila kita menyatakan ini kita hanya memikir dari segi ataupun memberatkan soal menghukumkan orang tetapi bukan dari segi aspek mencegah ataupun kata orang menakutkan orang dari melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan rasuah. Dengan adanya kegiatan-kegiatan BSN yang menjalankan siasatan yang begitu rapi di beberapa buah negeri maka sudah tentulah saya rasa semua orang yang mempunyai kuasa mula sudahpun bercakap-cakap sesama mereka sendiri ataupun bercakap dengan consciencinya sendiri: eh, selepas ini kena bertaubat, jangan lagilah seriyau, takut. Ini saya rasa satu aspek penting yang cukup akan berkesan dari segi usaha untuk mencegah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan soal kejadian yang terjadi di Seremban baharu-baharu ini. Saya pun pada suatu ketika takut-takut entah apalah yang hendak dikatakan oleh pucuk pimpinan kita sama ada mereka akan kata orang bermain politik dekat hendak election ini, mungkin akan melembut dengan soal-soal yang terjadi di Seremban, tetapi syukur Alhamdulillah satu lagi bukti yang pemimpin kita memang benar-benar tegas dan memang benar-benar berazam untuk mencegah rasuah sungguhpun kadangkalanya ada kemungkinan dari segi politik mungkin ini akan merugikan. Tetapi ini satu bukti secara langsung, satu bukti yang paling nyata bahawa untuk mewujudkan satu Kerajaan yang benar-benar bersih pucuk pimpinan parti kita tidak akan bermain politik-politik yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu perkara yang saya ingin membangkitkan di sini iaitu sebagai menjawab apa yang telahpun diujahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi iaitu tentang rasuah politik

mengenai peruntukan-peruntukan yang diberi kepada kawasan-kawasan yang diwakili khasnya oleh ahli-ahli Barisan Nasional. Saya tidak nampak kenapakah parti-parti Pembangkang harus mempersoalkan peruntukan ini. Kerana bukannya satu perkara yang begitu nyata bahawa parti-parti Pembangkang memang tidak kena sahaja segala dasar-dasar Kerajaan, ada sahaja yang tidak kena, susah sangat kita hendak mendengar sesuatu yang baik dari mereka mengenai dasar-dasar Kerajaan. Dan peruntukan yang selalunya disalurkan menerusi Wakil-wakil Rakyat Ahli-ahli Parlimen ataupun Wakil-wakil Rakyat Kerajaan Negeri, adalah saya rasa suatu usaha untuk menyempurnakan perjalanan ataupun pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan itu sahaja. Jadi, apalah baiknya kalau kita memberi pula bantuan ini menerusi orang-orang yang tidak menyokong dasar-dasar Kerajaan, sudah tentulah peruntukan-peruntukan itu akan digunakan untuk melaksanakan dengan sempurna dasar-dasar Kerajaan. Saya rasa jawabnya adalah begitu senang dan mudah sekali dan saya rasa bukanlah satu perkara yang hendak disorok-sorokkan bahawa peruntukan itu sengaja diberi menerusi wakil-wakil Kerajaan kerana tujuannya adalah untuk kata orang menyempurnakan perjalanan dasar-dasar Kerajaan. Itu mudah sekali bukanlah saya rasa itu merupakan satu rasuah politik.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, cuma saya rasa rasuah pun sekarang dalam zaman yang moden ini sudahpun merupakan satu kegiatan yang kian lama kian sophisticated dan saya tidak akan hairanlah pada suatu hari nanti apabila orang siasat punya siasat tetapi hendak cari buktinya susah. Jadi, oleh sebab kegiatan rasuah pun kian sophisticated saya inginlah menyarankan supaya pihak Kerajaan menekankan sedikit tentang aspek-aspek latihan supaya pegawai-pegawainya benar-benar diberi latihan supaya dapat berkesan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai Badan ini juga haruslah diperkemas dan

menarik kepada mereka supaya janganlah timbul perkara-perkara yang pernah berlaku sebelum ini di mana pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab untuk mencegah rasuah sendiri yang menjadi rasuah. Jadi, saya rasa kalaulah pegawai-pegawai ini diberi latihan dan diberi motivasi yang cukup dan diberi gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang saya rasa berkesan maka sudah tentulah mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka itu dengan berkesan. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan ini.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kapit.

4.58 ptg.

Datuk Leonard Linggi anak Jugah (Kapit) Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi pandangan dan sokongan kepada Rang Undang-undang Badan Pencegah Rasuah.

Pindaan ini dibuat tepat pada masa kerana ia menggambarkan hasrat dan dasar sebuah Kerajaan yang mempunyai slogan 'Bersih, Licin dan Cekap'. Dengan pindaan ini pucuk pimpinan baru membuktikan dengan sejelas-jelasnya bahawa usaha menghapus rasuah adalah projek yang tinggi prioritynya. Keazaman dan dedikasi mereka kepada tugas ini mendapat penghormatan dan sanjungan bukan hanya banyak rakyat Malaysia, malah juga mereka yang ingin melihat Malaysia maju-jaya.

Tuan Yang di-Pertua, langkah menghapus rasuah adalah satu tugas yang hampir mustahil dibuat, kerana rasuah telah meresap ke dalam masyarakat begitu lama. Ia telah menjadi satu tabiat, satu amalan kepada sebahagian orang. Oleh yang demikian, langkah-langkah biasa sahaja macam punitive measures, arrests dan sebagainya tidak akan dapat menghapus atau mengurangkan perbuatan rasuah. Jika Kerajaan benar-benar serius hendak mengurangkan perbuatan rasuah maka saya mencadangkan Kerajaan mesti sanggup membuat kaji siasat hingga into the root causes of corruption dengan selanjutnya. Kerajaan mesti berlaku cukup gegas untuk merumus penyelesaian jangka panjang kepada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak menentukan:

- (a) Kawasan di mana rasuah itu paling subur;
- (b) Siapa yang terlibat;
- (c) Kenapa rasuah dilakukan.

Rasuah wujud kerana terdapat orang-orang yang mahu mendapat wang dengan cara yang paling mudah sekali. Terdapat juga orang-orang yang tidak sanggup lama menunggu bagi pelan-pelan, lesen-lesen, dan sebagainya diluluskan, dan ada juga mereka yang memikirkan jentera Kerajaan itu sangat rumit, terlampau 'bureaucratic' dan jawapan mereka untuk mendapat apa yang mereka hajati ialah rasuah. Kerajaan mesti bersikap berani untuk mengkaji semula seluruh sistem pentadbiran agar supaya berhasil mengurangkan perbuatan rasuah dalam negeri ini. Cogankata 'cekap, licin dan bersih' akan berjalan jauh dalam usaha mengurangkan perbuatan rasuah, jika ia dilaksanakan dengan berkesan. Ia hanya dapat dilaksanakan dengan berkesan jika Kerajaan telah membuat segala persiapan yang diperlukan. Misalnya, kita tidak dapat mempunyai Kerajaan yang cekap, jika tidak terdapat tenaga manusia yang mencukupi. Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa berbagai jawatan dalam semua jabatan Kerajaan mesti dipenuhi.

Malangnya juga bahawa perbuatan rasuah dipertalikan sangat dengan mereka dalam perkhidmatan Kerajaan dan yang demikian, melupakan peranan orang ramai. Dalam banyak perkara perbuatan rasuah, orang ramailah lebih banyak bersalah dari mereka dalam perkhidmatan Kerajaan. Merekalah yang mencetuskan perbuatan rasuah. Yang demikian, Kerajaan dengan menerusi Badan baru ini seharusnya memberi perhatian yang lebih besar untuk mencegah orang ramai dari terlibat dalam menyebarkan amalan-amalan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah seperti dadah adalah satu ketagihan. Yang demikian langkah-langkah biasa sebagaimana terkandung dalam undang-undang pencegahan rasuah dalam negeri ini tidak akan mengurangkan perbuatan rasuah. Saya

menggesa Kerajaan menerusi Badan Pencegah Rasuah yang baru ini, untuk memberi tekanan yang lebih berat terhadap langkah-langkah pencegahan (preventive Measures). Kerajaan mesti mencipta satu pandangan bahawa perbuatan rasuah adalah maksiat (immoral), rasuah adalah satu jenayah (crime), rasuah adalah anti-sosial dan rasuah adalah satu dosa terhadap semua agama. Kempen pencegah rasuah seluruh negara mesti dilancar dengan mengguna semua saluran siberan am, termasuk televisyen.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kerajaan supaya menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Menteri untuk mengkaji semula jentera Kerajaan yang ada sekarang, terutama jentera Kerajaan yang bertanggungjawab bagi mengeluarkan lesen-lesen, meluluskan pelan-pelan, memberi tender, dengan tujuan menjadikan mereka lebih berkesan, lebih cekap dan dengan demikian, mengurangkan kejadian perbuatan rasuah dalam negeri ini.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.03 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, saya suka mengambil bahagian atas satu Rang Undang-undang yang tadi dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bernama Akta Badan Pencegah Rasuah, 1982.

Memang saya adalah menyokong dan bersetuju bahawa nama BSN ini perlu diubahsuaikan dengan jenis dan fungsi Badan Anti Korapsi ini tetapi saya fikir yang lebih mustahak bukanlah pada namanya, pada menukarkan nama sahaja, yang lebih mustahak ialah kita perlu mengkaji beberapa aspek masalah yang negara kita hadapi dalam usaha memerangi rasuah selama ini. Saya yakin bahawa reaksi rakyat, perasaan rakyat, pandangan rakyat sebenarnya bolehlah dijadikan sebagai panduan atau sebagai kriteria untuk Kerajaan khasnya Badan Anti Rasuah ini untuk bertindak.

Kita tidak boleh menafikan bahawa masalah rasuah di negara kita kian meningkat sungguhpun dibawah pimpinan 2M beberapa kes yang sangat memeranjatkan telah diambil tindakan, termasuk ahli-ahli politik yang kanan perjawatannya pun ditangkap. Ini adalah menunjukkan satu gejala atau tanda yang baik yang memperlihatkan bagaimana dan betapa azamnya Kerajaan hendak memerangi rasuah yang menjadi musuh utama negara kita tetapi jika sekiranya Malaysia hendak berjaya untuk memerangi rasuah, saya fikir Kerajaan perlulah memberikan lebih kuasa kepada ACA (Anti-Corruption Agency) ini.

Umpamanya, dalam Fasal 5 saya fikir adakah cukup atau memadai Ketua Pengarah Badan ini diberikan kuasa sebagaimana seorang Timbalan Pendakwaraya atau sebagai seorang yang berkuasa sepertimana yang diperkanankan dalam Akta-akta yang berkenaan untuk menjalankan tugasnya. Bolehkah Ketua Pengarah Badan ini diberikan kuasa untuk memanggil atau saman sesiapa pun tanpa pengiraan jawatannya, baik Menteri Kabinet atau Pegawai Kanan atau terlibat ahli dari Keluarga Di Raja. Ini perlu dijelaskan bahawa bagaimana luasnya bidang kuasa seseorang Ketua Pengarah Badan di bawah Fasal 5, iaitu Kuasa-kuasa Pegawai Badan. Dan juga apakah tugasnya dan kuasanya seseorang Menteri di Fasal 6, yang boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta untuk menetapkan mana-mana undang-undang bertulis yang mengenainya peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dipakai. Saya harap Fasal ini dan takrifnya boleh dijelaskan supaya Dewan yang mulia ini dan rakyat Malaysia amnya bolehlah memahami lebih dekat apakah fungsinya ACA yang akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Saya fikir satu masalah yang perlu diperhatikan ialah seseorang Pegawai Kerajaan atau seseorang ahli politik, baik Menteri Kabinet atau Ahli Parlimen, Exco atau Ketua Menteri bila didapati mempunyai hartabenda yang tidak selaras atau sepadan dengan sumber pendapatannya bolehkah hartabendanya ini dirampas oleh Kerajaan sungguhpun adanya peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Kuasa-kuasa Darurat,

1970 sepertimana yang selalu ditegaskan tetapi selama ini rakyat di Malaysia masih belum melihat adanya seseorang, umpamanya sepertimana yang disifatkan oleh rakyat biasa sebagai 'ikan yu' yang terlibat dalam rasuah ini pernah dirampas hartabenda mereka, yang boleh disaksikan ialah mereka hanya dihukum, umpamanya beberapa tahun penjara sahaja. Saya harap aspek ini perlu dihighlightkan kerana ianya akan meyakinkan atau membolehkan kepercayaan orang ramai bahawa seseorang yang terlibat dalam rasuah tanpa pengiraan jawatan politik, kedudukan sosionya bukan sahaja ianya akan dihukum secara penjara tetapi akan memaksa hartabendanya dirampas di bawah undang-undang yang ada, bukan sahaja di bawah Kuasa-kuasa Darurat, 1970.

Saya harap perkara ini bolehlah diperhatikan dan boleh dimasukkan juga dalam pindaan ini supaya ianya akan menjadikan satu peruntukan untuk menakutkan sesiapa pun jika ianya terlibat dalam rasuah ini, bukan sahaja hukuman penjara sahaja akan dikenakan tetapi keseluruhan hartabenda yang diperolehi dari cara secara rasuah atau abuse of power akan dirampas oleh Kerajaan. Saya harap aspek masalah ini bolehlah dititikberatkan supaya kita bolehlah berjaya dan berkesan untuk mobilisasikan rakyat Malaysia pada keseluruhannya untuk memerangi rasuah.

Aspek masalah yang kedua yang selalu ditanya-tanya oleh rakyat biasa ialah apakah sebabnya BSN dahulu mengambil begitu panjang masanya sehingga empat, lima tahun barulah dia bertindak untuk menghadapkan seseorang ke mahkamah untuk dibicarakan. Saya harap dengan berpindahannya nama ACA ini badan yang tertentu bolehlah memendekkan masanya untuk menyelesaikan sesuatu kes yang tertentu.

Jika kita menghadapi masalah kekurangan bilangan kakitangan maka masalah ini perlulah diatasi dengan menambahkan bilangan kakitangan ACA supaya setiap kes yang diterima ini bolehlah disiasat dengan segera dan tindakan yang segera pun boleh diambil selepas disiasat sesuatu kes.

Satu perkara lagi yang perlu ditimbulkan di sini ialah bagaimana ACA akan berkuasa

untuk menyasiat foreign accounts daripada pihak-pihak yang tertentu yang disyakki ada terlibat dalam rasuah kerana ini adalah merupakan satu isu yang sangat kontroversal yang selalu dipertikaikan umpamanya seseorang ini, seseorang itu. Adanya foreign accounts di Switzerland, di Hongkong, di Singapura tetapi sehingga hari ini kita tidak boleh bertindak untuk menyasiat foreign accounts ini kerana memandangkan cara rasuah hari ini adalah merupakan satu cara yang sangat sofistikated sehingga rasuah ini boleh dilakukan di overseas. Wang dibayar melalui foreign accountnya tidak akan dijalankan di negara kita. Bagaimanakah ACA boleh diberikan kuasa yang lebih luas dan mendapat kerjasama daripada negara-negara yang kita selalu menghadapi masalah ini supaya orang-orang yang selalu dituduh tetapi tidak ada bukti kecuali foreign accounts ini boleh dibongkarkan. Jika tidak bagaimana ACA ini boleh menghadapi ikan-ikan yu ini yang selalu dituduh oleh rakyat ke mahkamah? Ini sangat mustahak.

Aspek yang lain ialah kita jangan hanya mengukur berapa harta-benda orang yang dituduh ini yang memiliki. ACA juga perlu mengambil perhatian, umpamanya cara kehidupan seseorang pegawai Kerajaan atau seseorang Ahli Parlimen atau seseorang Menteri. Jika cara kehidupannya tidak sepadan atau selaras dengan sumber pendapatannya maka orang ini juga boleh dipanggil oleh ACA untuk disiasat dan dipersoal-soalkan. Bagaimana ia boleh hidup begitu lumayan yang melebihi kemampuan sumber pendapatannya. Saya harap perkara ini boleh juga diambil berat oleh ACA. Dan juga satu peruntukan kecil kalau boleh diperuntukkan supaya seseorang jika cara kehidupannya tidak sepadan atau selaras dengan sumber pendapatannya, maka orang ini juga boleh dibicarakan di bawah Akta yang berkenaan. Ini mungkin adalah merupakan satu cara yang berkesan untuk mencegah seseorang melalui satu cara yang sangat harus, yang sangat sofistikated untuk memperolehi sumber atau hartabenda yang dianggap salah atau rasuah. Saya harap perkara ini yang kita sebut bolehlah diambil berat oleh Yang Amat Berhormat dan saya juga berharap pada Dewan yang akan datang setiap Ahli Parlimen juga perlu dikehendaki

untuk declare assets mereka. Saya fikir tidak adil hanya menghendaki Menteri Kabinet, Timbalannya, Setiausaha Parlimen dan Ketua Menteri atau Menteri Besar atau Exco dikehendaki untuk mengisytiharkan hartabendanya. Saya fikir jika kita hendak memerangi rasuah dari semua peringkat, dari bawah ke atas, semua ahli-ahli majlis, perbadanan, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undang Negeri pun hendaklah dikehendaki untuk declare assets mereka supaya Kerajaan adalah mereka mempunyai cara-cara untuk mengesani bagaimana mereka melakukan sesuatu jenayah atau rasuah yang selalu disyakki atau dituduh oleh rakyat.

Saya fikir dengan cara-cara yang saya cadangkan tentu kita akan berjaya untuk to restore the public confidence untuk membolehkan kepercayaan rakyat bahawa Kerajaan di bawah pimpinan 2M ini sekarang sudah berazam untuk hendak memerangi rasuah sehabis-habisan tanpa berpedirian siapa mereka pun, baik Menteri atau pegawai Kerajaan yang rendah pangkatnya. Ini adalah sangat mustahak untuk membangkitkan kesedaran rakyat, untuk meminta rakyat bekerjasama dengan Kerajaan barulah rasuah boleh dikikiskan daripada sisi kehidupan Malaysia sehari-hari.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya adalah merayu juga bahawa Yang Amat Berhormat bolehlah melancarkan satu political education iaitu pelajaran politik yang ada berkaitan dengan anti rasuah ini khasnya mengenai fungsi ACA yang baru-baru ini akan dipertubuhkan sebagai badan yang tersendiri, sebagai badan yang independent boleh menjalankan tugasnya, yang berkuasa penuh untuk menyasiat seseorang jika aduan atau kes-kes yang terbukti yang boleh disiasat.

Dengan perkara ini, yang saya sebutkan, saya harap Yang Amat Berhormat bolehlah menerima satu reaksi yang sangat baik daripada rakyat. Saya merasa sedih kerana dengan masa yang begitu pendek hendak memaksakan Yang Amat Berhormat menunjukkan rekodnya, menunjukkan hasilnya adakah dia jujur hendak memerangi rasuah. Saya fikir ini tidak adil. Ini tidak adil dan sekurang-kurangnya kita hendak beri dua

tiga tahun, lihatlah berapa ikan yu boleh dibawa ke mahkamah. Kalau hanya dua, tiga bulan bagaimana pula.

Saya harap jika hendak buat tuduhan pun kita perlulah mencari alasan yang lebih memuaskan. Saya harap perkara ini jangan diputarbelitkan. Yang mustahak ialah kita perlu memberikan segala sokongan dan kerjasama kepada Yang Amat Berhormat dan yang lebih mustahak ialah bagaimana setiap Ahli Parlimen boleh mempermainkan peranannya untuk to educate rakyat Malaysia supaya mereka boleh difahamkan, boleh disedarkan bahawa anti rasuah adalah tanggungjawab tiap-tiap rakyat Malaysia, bukan tanggungjawab hanya seorang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja. Itulah sahaja, terima kasih.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hilir Padas.

5.18 ptg.

Tuan Haji Mohammad Taufek bin O.K.K. Haji Asneh (Hilir Padas): Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) berhubung dengan Biro Siasatan Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini.

Seperti yang kita semua tahu BSN selama ini menghadapi kekurangan pegawai-pegawai yang terlatih dan ini telah menyebabkan berlakunya beberapa kelewatan di dalam siasatan-siasatannya. Agensi ini juga nampaknya mempunyai terlalu banyak fungsi sehinggakan banyak perhatiannya tertumpu kepada perkara-perkara yang kurang penting. Oleh itu, dengan memperkenalkan semula peranan utamanya dan menambahkan semula sebagai Badan Pencegah Rasuah, saya yakin agensi ini akan dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam menjalankan langkah-langkah anti rasuah yang merupakan peranan utama agensi ini.

Tuan Yang di-Pertua, seringkali telah ditegaskan bahawa rasuah merupakan satu-satunya penyakit yang bukan sahaja patut dicegah tetapi diubati sehingga sembuh sekiranya negara mahu membangun dan maju dan rakyat menikmati segala nikmat dari

berbagai macam perkhidmatan yang disalurkan dan pelaksanaan projek pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Ini tugas yang memerlukan perhatian yang sepenuhnya dari Agensi ini.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah, sukalah saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri yang ada sekarang telah, sedang dan akan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya secara terbuka kepada Badan Pencegah Rasuah ataupun atas nama BSN pada masa sebelum pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 5 tahun yang lalu Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua jabatan dan agensi supaya membenarkan BSN meneliti dan memeriksa fail-fail dan juga rekod-rekod sekiranya diperlukan di dalam usaha menjalankan siasatan-siasatannya. Kerajaan Negeri juga sekarang ini sedang memberi bantuan yang diperlukan kepada BSN melalui berbagai cara. Beberapa laporan telah dibuat kepada Agensi ini setelah siasatan Kerajaan sendiri menunjukkan terdapat berlakunya berbagai penyelewangan dan juga perbuatan rasuah dalam setengah jabatan dan juga agensi Kerajaan.

Kerajaan Negeri juga telah menerbitkan "Berita Kampung" yang merupakan sebuah risalah yang mengandungi beberapa keterangan lengkap mengenai berbagai projek pembangunan bagi satu-satu daerah yang lengkap dan dengan nama kontraktor, nilai perbelanjaan, tarikh sepatutnya selesai di samping senarai nama-nama mereka yang memohon subsidi. Ini semua adalah sebagai panduan kepada rakyat setempat untuk mengetahui apa yang berlaku di daerahnya. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, nyatalah risalah Berita Kampung benar-benar memberi kesan yang menggalakkan. Kerajaan Negeri dan saya percaya pihak BSN juga telah begitu banyak menerima aduan yang mengatakan bahawa ada di antara projek pembangunan yang disebutkan dalam risalah itu tidak pernah dilaksanakan, setengahnya langsung tidak pernah wujud.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi bahawa Berita Kampung ini dapat memberikan sumbangan dalam mengurangkan

perbuatan rasuah di kawasan luar bandar kerana keterangan-keterangan yang lengkap yang diberi adalah berhubung dengan bagaimana wang rakyat dibelanjakan untuk membantu rakyat. Sekiranya rakyat sendiri tidak pernah menerima apa juga projek pembangunan itu atau lain-lain faedah yang disenaraikan di dalam Berita Kampung itu, maka mereka sudah pasti akan melaporkan kepada pihak berkuasa termasuk Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun berbagai usaha bagi mencegah dan seterusnya menghapuskan rasuah telah dijalankan tetapi saya merasa amat dukacita kerana keputusan dalam perbicaraan kes-kes rasuah begitu lambat sekali dibuat, setengahnya mengambil masa terlalu lama, sehingga rakyat merasa bosan menunggunya kerana mereka begitu berminat untuk mengetahui secepat mungkin sebarang keputusan mahkamah sebaik sahaja perbicaraan kes berkenaan selesai dijalankan.

Di negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua, telah terdapat dua kes tuduhan rasuah yang melibatkan dua orang Menteri Kewangan Negeri telah selesai dibicarakan tetapi sampai sekarang belum ada sebarang keputusan dibuat oleh mahkamah mengenainya dan rakyat masih menunggu keputusan itu, lebih-lebih lagi yang dituduh yang diamanahkan mengendalikan wang rakyat melalui Kementerian Kewangan yang mereka menjadi Menterinya pada masa itu.

Saya tidak berniat untuk merendahkan kewibawaan mahkamah dan sistem perundangan negara kita. Bagaimanapun, saya cuma ingin menunjukkan di sini bahawa kelewatan yang tidak perlu dalam membuat sebarang keputusan perbicaraan mengenai kes rasuah akan hanya menimbulkan rasa bosan kepada rakyat dan ini akan mendorong mereka tidak lagi berminat atau cenderung untuk mengadu ataupun membuat laporan kepada pihak berkuasa berhubung dengan perbuatan melibatkan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tuduhan Ketua Pembangkang tadi berkenaan amalan rasuah berleluasa di negeri Sabah dan Sarawak adalah tidak benar kerana kedua-dua

negeri tersebut menerima khidmat BSN dengan cara terbuka, lagi pun sebagai bukti beberapa orang telah pun ditangkap dan dihadapkan ke Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

5.26 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama menyokong Akta yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Akta Badan Pencegah Rasuah, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang berbilang kaum, berbilang agama dan negara kita yang baru sahaja merdeka, memang berkehendakkan panduan-panduan untuk memajukan keadaan negara kita.

Pihak Kerajaan mengemukakan Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 ini adalah merupakan satu usaha Kerajaan untuk menyelaraskan keadaan negara kita seperti yang dituduh oleh Ketua Pembangkang seolah-olah negara kita ini adalah sebuah negara yang rasuahnya berleluasa. Saya percaya pihak beliau yang menuduh itu adalah tidak tepat jika hendak dibandingkan keadaan di negara kita dengan beberapa negara lain, tetapi yang paling penting adalah hasrat Kerajaan yang sentiasa untuk mencari jalan dan ikhtiar mengubahsuaikan keadaan, mencuba berbagai cara untuk membetulkan keadaan supaya keadaan negara kita ini bertambah baik seperti dalam pemerintahan 2M ini mereka telah mewujudkan satu selongan yang dikatakan BCL (Bersih, Cekap dan Licin). Ini merupakan satu hasrat untuk mencapai perubahan bagi meninggikan prestasi pentadbiran dan juga bagi menjaga imej nama baik negara dan juga bagi bertujuan untuk memberi kekuatan semangat kepada warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang pada awal-awal tadi seperti yang saya terangkan tidak tepat kerana

beliau sendiri telah membacakan satu quotation dari buku yang bernama "Menghadapi Cabaran" yang ditulis oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Itu merupakan quotation itu satu komitmen daripada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memerintah negara ini. Jadi saya berharap tuduhan-tuduhan itu tidaklah merupakan satu tuduhan yang sengaja hendak mengelirukan ataupun hendak melemahkan semangat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati apa yang dikemukakan oleh beberapa orang sahabat saya daripada parti Barisan Nasional mengenai wujudnya semula Badan Pencegah Rasuah ini. Saya hendak mencadangkan pada pihak Yang Amat Berhormat supaya Badan Pencegah Rasuah ini merupakan satu badan bukan sahaja untuk mencegah mengenai rasuah dalam negara kita tetapi juga merupakan satu badan rujukan kepada pihak Kerajaan, merupakan satu badan yang boleh menunjukkan kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam pentadbiran Kerajaan sendiri sekiranya ada, merupakan satu badan yang boleh menasihatkan pihak-pihak tertentu sebagai satu badan reference.

Dalam perkara ini suka kiranya pihak Kerajaan ataupun bersama-sama dengan BPR ini diwujudkan juga satu seksi yang sama-sama menyelaraskan kerja yang berbentuk badan perancangan dan pindaan penyelarasan undang-undang dan syarat-syarat dalam negara kita supaya penyelarasan kuasa yang ada dalam negara kita ini dapat disetimpalkan ataupun dapat diubahsuaikan mana-mana kawasannya yang tertentu mengikut masalah-masalah keadaan semasa.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita semua tahu masalah perumahan menjadi masalah yang besar yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan. Apakah kesulitan-kesulitan daripada segi perumahan ini, daripada segi keadaan undang-undang yang ada, kalau tidak dipinda boleh mewujudkan keadaan rasuah di dalam negara dan inilah sepatutnya tindakan perlu diambil. Kalau dapat pihak Kerajaan mewujudkan satu badan perancangan dan pindaan undang-undang semasa bersama-sama memberikan

kerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah dan dapat menasihatkan Kerajaan dan orang ramai, saya percaya masalah rasuah kalau pun sekiranya ada di dalam negara ini dapat dikurangkan.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, masalah kedudukan pegawai-pegawai yang menganggotai Badan Pencegah Rasuah ini yang berkehendakkan kuasa dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang penting. Sebagai satu badan yang mencegah, saya mencadangkan pegawai-pegawai Kerajaan ini, pegawai-pegawai yang menganggotai Badan Pencegah Rasuah ini tidak kira apa juga golongan, bangsa dan agama sebelum mereka ini diambil bertugas, setelah mereka menerima jawatan hendaklah diadakan cara persumpahan mengikut agama mereka masing-masing. Ini adalah satu daripada bentuk psychology terhadap mereka yang menjalankan tugas tersebut. Kalau orang-orang Melayu yang beragama Islam atau siapa juga yang beragama Islam hendaklah mereka itu bersumpah secara agama kita dan kalau orang Kristian cara mereka, mereka tentu ada cara-cara persumpahan, itu merupakan satu ikrar dan taat setia mereka untuk menjalankan tugas secara yang adil, apabila mereka menjalankan tugas-tugas mereka sebagai anggota ataupun pegawai Badan Pencegah Rasuah.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong apa yang dikemukakan oleh sahabat saya dari Kulim-Bandar Baharu mengenai masalah kedudukan syarat-syarat perkhidmatan dan gaji-gaji mereka ini hendaklah juga diasingkan ataupun mereka ini mempunyai satu kedudukan yang istimewa supaya mereka tidak menjadi sasaran yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dikemukakan oleh sahabat saya dari Petaling, sekali lagi saya percaya ada tiga syarat yang beliau kemukakan. Syarat-syarat tersebut saya percaya tidak mudah hendak dilaksanakan di dalam negara kita, tetapi beliau mestilah sama-sama mempunyai keyakinan bahawasanya pihak Kerajaan kita, terutama sekali di bawah pemerintahan 2M ini telah pun membuktikan beberapa perubahan

seperti yang berlaku di negeri Kedah baru-baru ini, itu tidak disebut oleh Ketua Parti Pembangkang, bagaimana Kerajaan telah bertindak tegas, kenapa ini tidak disebut? Ini satu daripada contoh menunjukkan ada ketikanya perkara-perkara point-point atau faktor-faktor yang dibawa oleh Ketua Pembangkang itu juga tidak betul dan seperti limau masam sebelah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan ini.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban dan selepas ini saya akan jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab.

5.35 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan memberikan Biro Siasatan Negara satu nama yang lain atau baru iaitu Badan Pencegah Rasuah. Nama baru memang memberi rasa urgency dan tujuan dalam tugas menentang rasuah yang menjadi laungan pimpinan 2M yang mana laungan itu diberi publisiti yang begitu banyak.

Tetapi, dalam environment sekarang, terdapat kemungkinan bahawa Badan Pencegah Rasuah hanya akan wujud sebagai satu nama sahaja kecuali constraints atau had-had ini dikikis sama sekali seperti tekanan politik, kekurangan kakitangan yang berpengalaman serta juga tafsiran yang kurang jelas tentang apa maksud rasuah itu.

Berkenaan kebebasan ACA atau independence, BPR hendaklah bebas menyiasat tanpa sebarang gangguan serta juga bertindak tanpa sebarang gangguan. Terdapat satu kes beberapa minggu ini di mana Jabatan Kerjaraya Seremban telah dikatakan memungut wang dengan cara paksa di mana pemborong-pemborong dipujuk atau persuaded menyumbang wang yang lari sehingga empat atau lima angka bagi Tabung Bangunan Kelab JKR. Apabila BSN menerima maklumat, pihak BSN telah bertindak walaupun lambat sedikit dan mengarahkan supaya jamuan makan malam yang dianjurkan untuk memungut derma dibatalkan. Tindakan ini telah dikutuk dan

dikecam oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Amat Berhormat Datuk Rais Yatim, sebagai "Tidak perlu dan akan tamatkan sukan dalam negeri tersebut dan beliau telah berkata bahawa beliau akan merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Juga, sekiranya, rayuannya itu gagal, beliau sanggup letak jawatan iaitu beliau 'prepared to go'. Sepertimana telah diketahui, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata bahawa beliau tidak akan campurtangan dalam perkara tersebut dan ini menunjukkan bahawa BSN atau BPR adalah sedikit bebas, sekurang-kurangnya dalam kes-kes di mana orang-orang atasan tidak terlibat.

Di mana orang yang berpengaruh terlibat, constraints politik nampaknya telah menghalang kecekapan BSN atau BPR. Ini bukanlah satu remarks yang kosong semata-mata. Inilah gambaran yang dipegang oleh orang ramai dan menjadi topik yang popular dalam kedai-kedai kopi dan pasar. Kredibiliti perjuangan menentang rasuah diragui kerana orang-orang yang memegang kuasa dan kelihatan berasuah dibenarkan bebas, menetap dalam rumah-rumah yang mewah dan terus menikmati kekayaan mereka yang 'ill-gotten' itu.

Sistem sekarang ini di mana BPR bertanggungjawab semata-mata kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi ruang supaya politik dijadikan faktor pemutus yang memutuskan sama ada tindakan harus diambil terhadap mereka yang berpengaruh dan berkuasa. Tidakkah boleh dinafikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan juga tertakluk kepada tekanan-tekanan politik.

Sistem yang lebih baik ialah untuk menjadikan BPR bertanggungjawab kepada Parlimen di mana sebuah jawatankuasa pemandu boleh mengawasi tugas menghapuskan rasuah. Jawatankuasa pemandu ini boleh menyiasat semua kes-kes tanpa sebarang ketakutan tentang akibat politik dan jawatankuasa tersebut patutlah mengandungi ahli-ahli dari kedua pihak Dewan ini.

Pimpinan bersih atau clean leadership, Tuan Yang di-Pertua, satu pimpinan bersih

akan menjadi inspirasi kepada negara-negara dan juga kepada BPR. Dengan adanya sebuah pimpinan yang bersih ini bermakna Kerajaan akan menunaikan apa yang dikatakan dan bukan sekadar minat meluluskan undang-undang sahaja, tetapi juga melaksanakannya. Ini akan memberi kredibiliti kepada perjuangan untuk menghapuskan rasuah. BPR selain dari diberi inspirasi ini juga akan mempunyai keyakinan untuk bertindak tanpa ketakutan atau pilih-memilih kerana ia tahu bahawa satu pimpinan yang bersih dan tidak tercemar dengan rasuah akan menyokongnya apabila BPR hendak mengambil tindakan terhadap orang-orang yang memegang pangkat-pangkat atasan.

Pilihanraya umum dan sebuah Kerajaan yang bersih

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya umum yang diramalkan akan diadakan dalam bulan April ini akan memberi peluang untuk menggugurkan orang-orang yang diketahui adalah berasuah dan ini hendaklah dilakukan di peringkat kebangsaan dan negeri. Mukamuka baru atau lama dengan curriculum vitae yang bersih hendaklah menggantikan mereka yang korup itu. Dengan ini, kempen anti-rasuah besar kemungkinan akan berjaya.

Perisytiharan harta-benda

Tuan Yang di-Pertua, Menteri-menteri, Ahli-ahli Exco dan pegawai-pegawai Kerajaan tinggi kini dikehendaki mengisytiharkan harta-benda mereka kepada Perdana Menteri. Mungkin perisytiharan-perisytiharan ini akan diperiksa oleh BPR dan di mana didapati harta-benda ini adalah tidak seimbang dengan sumber pendapatan yang diketahui, mereka yang berkenaan akan disoal siasat oleh BPR. Tugas pegawai-pegawai BPR akan menjadi lebih mudah sekiranya perisytiharan harta-benda ini dijadikan accessible kepada Ahli-ahli Parlimen yang boleh spot jika terdapat apa-apa irregularities.

Pegawai-pegawai BPR hendaklah mempunyai latihan dan pengalaman yang cukup untuk mengaudit perisytiharan-perisytiharan harta-benda. Orang-orang yang

mempunyai kelayakan dalam jurusan undang-undang atau akauntasi hendaklah diambil bekerja supaya dapat meningkatkan taraf siasatan anti-rasuah.

Rasuah politik

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pencegah Rasuah, 1961 menyatakan bahawa pemberian atau penerimaan sogokan adalah rasuah. Definasi ini hendaklah juga meliputi perbuatan-perbuatan rasuah dalam kempen pilihanraya. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa Menteri-menteri menjanjikan wang untuk pembinaan kuil-kuil, mesjid-mesjid, jalan-jalan, sekolah-sekolah, dewan-dewan orang ramai serta juga memberi sumbangan atau derma kepada rumah-rumah kebajikan dan persatuan-persatuan semasa kempen pilihanraya. Ini adalah perbuatan rasuah dan BPR hendaklah mengawasi pilihanraya umum akan datang serta juga followup laporan-laporan mengenai Menteri-menteri yang berjanji atau memberi wang untuk memikat pengundi-pengundi.

Bank-bank di luar negeri dan wang rasuah

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu hakikat yang diketahui ramai bahawa banyak wang yang diterima oleh pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai yang korup disimpan dalam bank-bank di luar negeri. Favours diberi di sini tetapi pembayaran dibuat ke dalam akaun-akaun bank di luar negeri. Kelulusan untuk konsessi kayu balak, skim-skim kemajuan perumahan dan lesen-lesen diberi di sini tetapi transaction cash tidak boleh dibuat disini. Sebaliknya, wang dimasukkan ke dalam akaun-akaun rahsia di bank-bank yang terdapat di Switzerland dan Hongkong.

Bukti-bukti seumpama itu yang terdapat di bank-bank luar negeri tidak boleh diperiksa oleh pegawai-pegawai BPR. Langkah-langkah hendaklah diambil atas dasar Government to Government (Kerajaan kepada Kerajaan) untuk membenarkan pegawai-pegawai BPR untuk memeriksa akaun orang-orang yang disyaki atau disiasat kerana rasuah. Sehingga ini dibuat, ikan-ikan yu ini boleh menyimpan berjuta-juta ringgit yang diterima secara tidak sah di bank-bank di

luar negeri boleh bebas dari sebarang pendakwaan.

Saya berpendapat tidak akan terdapat apa-apa kesukaran dalam perkara ini, kerana precedent sudah pun ditetapkan di antara Amerika Syarikat dan Switzerland di mana akaun rahsia individu-individu yang memperolehi wang secara tidak halal boleh diperiksa. Kerajaan hendaklah meneruskan dengan segera dalam perkara ini kerana jika tidak, BPR hanya akan tidak berkesan seperti BSN dahulu.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

5.46 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada pihak Pembangkang ataupun penyokong Kerajaan yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan ini dan telah memberi pandangan-pandangan yang amat berguna kepada Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling elah berkata bahawa pertukaran nama semata-mata tidak ada makna. Walaupun dalam ucapan saya, saya telah menjelaskan bahawa ini bukan bertujuan untuk menukar nama semata-mata tetapi ianya masih juga menekankan bahawa pertukaran nama semata-mata tidak bermakna. Sebaliknya Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah berkata bahawa pertukaran nama daripada BSN kepada Badan Pencegah Rasuah ini adalah satu usaha yang tidak berbeza daripada pertukaran nama kanak-kanak kecil yang sakit cacing.

Pertukaran nama adalah penting, kerana nama mempunyai makna yang besar dan boleh memberi gambaran terhadap kegiatan sesuatu walaupun kegiatan itu tidak dijalankan. Umpamanya kalau kita menamakan parti kita Parti Islam. Kita dengan serta-merta dapat memberi gambaran seolah-olah kita adalah Parti Islam tetapi

sebenarnya yang dilakukan oleh kita itu bertentangan dengan agama Islam (*Tepuk*). Jadi nama ini ada kesan yang banyak, sebab itu kita berpendapat bahawa pertukaran nama dengan sendirinya juga mempunyai kesan yang besar dalam menentukan kegiatan Badan Pencegah Rasuah ini. Sebab itu Kerajaan bertujuan untuk menukar nama dan juga membuat beberapa perubahan-perubahan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga telah menyebut tentang pemberi juga harus dikenakan tindakan dan memanglah sebenarnya pemberi akan dikenakan tindakan kalau kita dapati dia bersalah ataupun dia tidak memberi kerjasama dalam usaha menyelidik kes-kes ini. Tetapi kerap kali merekalah yang membuat dakwaan dan kita tidak dapat mengambil tindakan terhadap mereka kerana dakwaan itu datangnya daripada mereka sendiri. Tetapi dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan tentang apa yang saya telah tulis di dalam buku saya "Menghadapi Cabaran" berkenaan dengan rasuah. Apa yang saya tulis di dalam buku itu ialah satu polemik, satu diskusi berkenaan dengan asas-asas rasuah; kenapa ada rasuah di dalam masyarakat. Ianya tidak bermakna bahawa itulah tindakan yang saya akan ambil. Saya telah cuba menunjukkan bahawa rasuah berlaku di dalam sesuatu masyarakat kerana masyarakat itu sendiri mengizinkan dan ada pihak-pihak di dalam masyarakat itu yang seolah-olah menggalakkan rasuah berlaku.

Di dalam kes pemberian tanah merah kepada pengundi-pengundi, kes ini berlaku oleh kerana semua pihak terlibat termasuk mereka yang menerima tanah merah ini dan yang terlibat tidak terhad kepada calon-calon daripada parti Kerajaan. Parti Pembangkanglah yang memberi galakan yang terlebih sekali untuk mengadakan rasuah. Saya berkata demikian dengan kerana kita tahu parti Pembangkang tiada kerja lain melainkan pergi ke kampung-kampung berkata kepada pengundi-pengundi: apa guna undi kepada Kerajaan, apa dia boleh bagi? Kalau undi kami pun sama juga. Dalam keadaan semacam itu, dia seolah-olah menggalak pengundi-pengundi bertanya

kepada calon-calon Kerajaan, apa Kerajaan hendak bagi. Bila pengundi-pengundi bertanya maka terpaksa Kerajaan membuat penerangan. Calon Kerajaan ini bertanya, kalau kami jadi Kerajaan maka kami dapat mengadakan ini, ini dan ini, dan oleh kerana pengundi mendapat ini dianya berpendapat bahawa satu cara untuk mengugut calon-calon Kerajaan ialah dengan berkata, "Kalau tidak bagi ini, kamu undi parti Pembangkang." Ini merupakan rasuah yang digalakkan oleh parti Pembangkang (*Tepuk*).

Inilah sebabnya yang saya katakan bahawa kalau masyarakat tidak hendak kepada rasuah maka rasuah tidak akan berlaku. Kalau masyarakat tidak mempunyai parti Pembangkang maka tidak payah kita janji hendak beri apa-apa, kita menang selalu (*Tepuk*), tetapi oleh kerana ada parti Pembangkang maka perkara ini berlaku maka pengundi-pengundi pun seolah-olah terlibat dalam menggalak rasuah berlaku, Ini satu polimik, satu diskusi berkenaan dengan asas-asas rasuah.

Di sini saya bersetuju pula dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar yang berkatan bahawa satu cara untuk menghapuskan rasuah ialah kalau kita semua takut kepada Tuhan. Ini saya mengaku, kalau kita semua takut kepada Tuhan, tiada rasuah kerana tidak ada siapa yang hendak memberi dan tiada siapa yang berani menerima. Tetapi malangnya kita tahu dalam masyarakat kita dan pengakuan Ahli Yang Berhormat sendiri kalau dia diberi rasuah dia terima, dia kata (*Tepuk*).

Ini yang menjadi masalah kerana banyak orang yang tidak takut kepada Tuhan, dia ingat dia boleh sembunyi segala hadiah-hadiah yang dia terima itu seolah-olah Tuhan tidak nampak. Jadi dengan kerana inilah maka di dalam mana-mana masyarakat rasuah berlaku dan apabila rasuah berlaku tentulah ada pihak-pihak yang berkata bahawa kita patut cuba hapuskan rasuah. Rasuah ini mempunyai banyak tafsiran. Ada setengah-setengah perbuatan yang kalau ditafsir secara betul-betul merupakan rasuah tetapi ada orang yang berpendapat bahawa itu bukan rasuah. Tafsiran rasuah yang saya buat di dalam buku saya Menghadapi Cabaran itu

mungkin tidak diterima oleh kebanyakan orang kerana kalau diterima bermaknalah semua pengundi-pengundi terlibat dengan rasuah dan semua mesti didakwa dan semua tentulah dihukum salah, kalau sudah seorang salah kerana itu semua dihukum salah dan di manalah kita hendak bubuh semua pengundi-pengundi ini kalau sudah semua salah.

Kebanyakan daripada masyarakat di dunia ini berpendapat bahawa perkara yang semacam itu tidak payahlah ditafsirkan sebagai rasuah. Ada kegiatan-kegiatan yang boleh ditafsirkan sebagai rasuah dan ada yang tidak patut dikatakan rasuah. Kerana ada tafsiran-tafsiran yang berbeza-beza ini maka terdapatlah pendapat-pendapat yang berbeza-beza pula. Umpamanya kes JKR atau PWD di Seremban dan perbezaan pendapat antara Dato' Rais Yatim dan Menteri-menteri lain dan juga pegawai-pegawai. Ini berlaku kerana tafsiran yang berbeza-beza. Ada setengah yang berpendapat bahawa ini bukan rasuah, cuma pegawai-pegawai ingin mengadakan satu kutipan derma dan ada orang yang sanggup memberi. Tetapi pada tafsiran setengah orang lain pula pegawai-pegawai ini berkuasa dan kalau mereka mengadakan kutipan derma mungkin derma itu diberi bukan dengan secara ikhlas tetapi diberi kerana takut atau diberi kerana ada harapan mendapat sesuatu. Jadi ada orang lain berpendapat bahawa ini rasuah dan harus dihentikan. Sebab itu kita dapati ada Menteri yang berkata kalau tindakan ini diambil dia sanggup meletak jawatan. Ada Menteri lain pula yang berkata ini adalah rasuah, walaupun dia hendak letak jawatan kita terpaksa tafsir sebagai rasuah. Akhirnya tafsiran bahawa itu adalah rasuah adalah tafsiran yang diterima dan setelah Menteri yang berkenaan faham tentang asas-asas tafsiran itu maka masalah ini tidak berbangkit lagi dan tidaklah perlu ianya meletak jawatan kerana salah tafsiran (*Tepuk*). Kadang-kadang orang salah teknik, kadang-kadang orang salah tafsiran, ini berlaku sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling meletakkan beberapa syarat yang patut diadakan, semuanya ada tiga syarat. Syaratnya iaitu

tidak patut ada pengaruh politik dan dianya sekali lagi menyebut tentang perjanjian yang dibuat di masa pilihanraya oleh Menteri-menteri iaitu kalau si polan-si polan itu mendapat kemenangan maka peruntukan-peruntukan sekian-sekian akan diberi kepada kawasan-kawasan tertentu. Saya dapati bahawa mahkamah juga berpendapat bahawa ini bukanlah satu jenis rasuah walaupun dianya mentafsir ini sebagai rasuah. Sebaliknya dianya merupakan satu jenis Manifesto sesuatu parti yang bertanding dalam pilihanraya dan kalau kita mengadakan pilihanraya tahun ini atau tahun depan kita akan juga mengeluarkan Manifesto dan saya haraplah Ahli Yang Berhormat jangan pula cuba mendakwa bahawa Kerajaan ini sebagai terlibat dengan rasuah. Kalau dia berbuat demikian maka segala ucapannya akan dianggap sebagai rasuahnya juga kerana dia dalam ucapannya akan berjanji.

Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu terlalu berminat dengan pilihanraya sehingga ucapannya berkenaan dengan masalah rasuah ini tidak tertumpu kepada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan yang jelas bertujuan untuk mengurangkan rasuah di dalam negara kita ini. Kita tidak dapat syak bahawa langkah-langkah yang diambil ini berniat baik tetapi Ahli Yang Berhormat di sepanjang ucapannya lebih menumpukan perhatian kepada scoring points, macam mana hendak tunjuk bahawa Kerajaan ini salah, bukan menumpukan kepada tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki sesuatu yang tidak baik. Itu tidak menarik minat Ahli Yang Berhormat sama sekali. Dianya bercakap tentang itu salah, ini salah, yang dibuat ini salah dan kalau tidak buat pun salah juga (*Ketawa*).

Jadi sebenarnya minat Ahli Yang Berhormat dari Petaling bukanlah berkenaan dengan rasuah. Minatnya ialah untuk mendapat point untuk memenangi pilihanraya. (*Ketawa*). Dan ucapan yang dibuat ini, walaupun dibuat didalam Dewan ini lebih tertumpu kepada audience yang ada di luar. Jadi dalam perasaannya yang sedemikian segala kebaikan yang terdapat di dalam undang-undang yang kita bentangkan ini sudah diketepikan sama sekali.

Dia juga menuduh bahawa pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah ini dipengaruhi oleh Kerajaan. Saya ingin menarik perhatian kepada rekod Kerajaan ini dan Kerajaan-kerajaan yang sebelum daripada ini iaitu Kerajaan sejak kita merdeka di dalam kes rasuah. Tidak kurang daripada tiga Menteri Besar terlibat, dan seorang daripada Menteri dalam Kerajaan Pusat juga telah disingkirkan oleh Kerajaan ini juga, bukan Kerajaan lain. Selain daripada itu kalau kita hendak bilang kita boleh bilang sehingga tidak cukup jari di kaki dan ditangan untuk menentukan berapa orang daripada ahli-ahli Kerajaan sendiri selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah didakwa oleh Kerajaan kerana terlibat dengan rasuah. Tidak ada restraint yang diadakan dan kadangkala orang yang telah dikenakan tuduhan ini dibawa kepada mahkamah hari ini masih bergiat kuat di dalam parti. Kita cuma mengambil tindakan kerana kita dapati mereka bersalah dan kita perlu mengambil tindakan demi kebaikan negara. Soal mereka itu adalah orang kuat parti, jerung, ataupun ikan yu besar dan bukan ikan bilis tidak diambil kira sama sekali. Kalau hendak dikira ikan bilis memanglah kalau di laut pun ikan bilis lebih banyak daripada ikan yu. (*Ketawa*) Kalau tidak, Ahli Yang Berhormat pun tidak akan boleh berenang di dalam laut kalau ikan yu sebanyak ikan bilis (*Ketawa*). Tetapi bila kita tangkap ikan yu semua orang tahu, hari-hari kita tangkap ikan bilis tidak siapa ambil tahu. Sebab itu nampak seolah-olah kita ini tertumpu kepada ikan bilis kerana ikan yu ini jarang-jarang ditangkap. Tetapi kalau kita kira peratusan ikan yu di kalangan masyarakat kita ini dan kita berbanding pula dengan peratusan mereka yang telah dikenakan tindakan kita akan dapati bahawa peratusannya tidak kurang daripada ikan bilis. Kita tidak mengambil kira sama sekali siapa mereka tetapi kita tetap akan mengambil tindakan kalau-kalau kita dapati mereka membuat sesuatu yang berlawanan dengan undang-undang negara.

Dalam kes rasuah juga kadangkala kita dapati bahawa ada kes-kes yang seolah-olah tidak diambil tindakan oleh Kerajaan ataupun tidak diambil tindakan oleh Badan Pencegah Rasuah. Dalam kes-kes yang seperti ini masalahnya ialah keterangan-keterangan

yang diperlukan tidak didapati. Agak mudah bagi kita berkata bahawa si polan-si polan itu terlibat dengan rasuah. Ahli Yang Berhormat dari Petaling berkata bahawa Menteri yang paling korap sekali tidak didakwa. Memang, ternampak seolah-olah mereka tidak didakwa tetapi Ahli Yang Berhormat belum ketahui sama ada mereka telah diselidik atau tidak? Saya percaya bahawa penyelidikan yang rapi telah dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah ini. Kalau mereka tidak didakwa ini ialah oleh kerana proses undang-undang kita memerlukan keterangan-keterangan yang jelas. Dan kalau keterangan-keterangan yang jelas ini tidak didapati maka dakwaan itu akan menjadi sia-sia sahaja. Dan kalau didapati bahawa tindakan itu diambil tanpa keterangan yang boleh diterima mungkin juga yang didakwa itu akan mengambil tindakan kerana namanya tercemar. Oleh kerana itu kadangkala kita dapati bahawa mereka ini tidak didakwa. Kadangkala kalau kita dapati bahawa ada bukti yang boleh dipercayai tetapi tidak boleh diterima oleh mahkamah maka tindakan yang lain terpaksa diambil dan tindakan yang lain ini merupakan tindakan menyingkirkan ataupun menghentikan orang-orang ini daripada memegang jawatan-jawatan yang tertentu. Ini kerap kali dibuat juga oleh Kerajaan baik kepada pegawai-pegawai Kerajaan ataupun kepada orang-orang politik yang terlibat dengan kegiatan seperti ini. Tetapi kalau ada keterangan-keterangan yang boleh digunakan di dalam mahkamah saya yakin pihak Badan Pencegah Rasuah ini akan mengambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga menyebut tentang kuasa yang cukup patut diberi kepada pegawai-pegawai. Sebenarnya kuasa yang diberi adalah cukup dan mereka mempunyai kuasa pendakwa raya dan juga kuasa Polis dan boleh mengambil tindakan yang perlu untuk menentukan supaya tindakan yang diambil oleh mereka adalah berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru pernah menyebut tentang publisiti. Katanya publisiti ini berguna kerana ianya juga menolong mencegah rasuah kerana ianya mungkin

menakutkan mereka yang berniat untuk menerima rasuah dan sebagainya. Dan saya sedar bahawa publisiti ini memainkan peranan yang baik tetapi dalam pada itu saya juga sedar kadang-kadang publisiti ini mempunyai kesan yang tidak baik sebab itu Kerajaan kadang-kadang berhati-hati tentang mengadakan publisiti berkenaan dengan kes-kes rasuah supaya ianya tidak memberi gambaran bahawa semua pegawai-pegawai dalam satu-satu bahagian ataupun department itu terlibat dengan rasuah. Kadangkala kita dapati cuma satu dua orang sahaja yang terlibat tetapi kerana publisiti dibuat, anggapan dibuat bahawa semua daripada pegawai-pegawai itu adalah korap belaka dan ini tidaklah benar dan ianya akan mengecewakan pegawai-pegawai. Sebab itu kita menjaga supaya imej serta juga semangat pegawai-pegawai ini tidak dilemahkan kerana publisiti yang telah dibuat.

Berkenaan dengan gaji kepada pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah, memanglah perkara ini diteliti sepanjang masa dan apabila perlu kita mengambil tindakan untuk membetulkan apa yang tidak betul.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah berkata bahawa patut diadakan satu kajian yang mendalam untuk menentukan root causes of corruption. Sebenarnya pihak Badan Pencegah Rasuah ataupun sekarang ini dikenalkan sebagai BSN memang ada Cawangan Penyelidikan yang juga menjalankan kajian terhadap amalan-amalan rasuah daripada beberapa segi (perspective) termasuk sebab-sebab berlakunya rasuah dan ini dibuat oleh kerana ianya juga menjadi satu daripada bidang tugas Badan Pencegah Rasuah.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka khuatir sedikit berkenaan dengan peruntukan-peruntukan yang ada dalam Bahagian 5 ialah berkenaan dengan kuasa-kuasa pegawai-pegawai dan ini agak jelas iaitu pegawai-pegawai diberi kuasa yang cukup.

Berkenaan dengan peranan Menteri, peranan Menteri ini terhad kepada menentukan yang mana perkara yang boleh

dimasukkan dalam Warta Kerajaan yang melibatkan rasuah.

Berkenaan dengan rampasan harta orang yang terlibat dengan rasuah, ini terdapat dalam Seksyen 6 Ordinan 22/1970 yang memberi kuasa untuk merampas harta. Saya bacakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Perkara 6 dalam Undang-undang—Ordinan 22 ini:

“Sesuatu perintah untuk merampas atau untuk melepaskan apa-apa harta yang boleh kena dirampas di bawah Ordinan ini hendaklah dibuat oleh mahkamah.”

Jadi kuasa ini diberi kepada mahkamah boleh memberi arahan supaya harta itu dirampas.

Berkenaan dengan penyimpanan wang rahsia di luar negeri seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka serta juga Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Perkara ini agak sukar untuk kita menentukan kerana kita tidak boleh dapat maklumat daripada bank-bank yang memberi perlindungan kepada penyimpan-penyimpan wang secara rahsia di beberapa buah negeri. Memang benar baharu-baharu ini pihak Kerajaan Amerika Syarikat menekankan supaya segala butir-butir berkenaan dengan penyimpanan ini perlu didedahkan tetapi Amerika Syarikat adalah sebuah negara yang agak besar sedikit daripada Malaysia, jadi ianya dapat memaksa itu dan ini. Kita belum lagi sampai ke peringkat itu. Jadi, agak sukar sedikit bagi kita hendak paksa Kerajaan asing mendedahkan apa yang mereka ingin rahsiakan. Walaupun demikian, kalau adalah sesiapa yang ingin simpan duit yang diterima secara haram ini di negara-negara asing, saya ingin memperingatkan bahawa Undang-undang ini tidak terhad kepada masa mereka bertugas dalam Kerajaan sahaja tetapi Undang-undang ini akan mengikuti mereka selepas mereka bersara sekali pun. Dan kalau kita dapati bahawa ada perbelanjaan yang luar biasa, kita masih mempunyai peluang untuk mengambil tindakan. Wang yang disimpan di luar negara kita tidak berguna kepada orang yang menerima rasuah kalau dianya tidak boleh rasa kesedapan, kelazatan daripada wang itu. Biasanya mereka ini pada suatu hari

akan hendak rasa sedikit duit yang dia dapat itu dan mulalah hendak beli itu dan beli ini. Kita akan memerhati dan kalau kita dapati bahawa ada perbelanjaan luar biasa, saya yakin Badan Pencegah Rasuah ini boleh mengambil tindakan. Jika saya tidak salah Statute of Limitation di negara kita ini memberi peluang selama 12 tahun untuk kita memeriksa dan kita akan memeriksa kalau kita dapati ada pendapatan yang luar biasa oleh mana-mana pihak.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah mencadangkan supaya diadakan pegawai-pegawai bersumpah. Itu saya tidak begitu tahu tentang apa amalan sekarang ini, walaupun begitu ini akan diperiksa oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab hampir semua daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Umumnya saya dapati bahawa tiada siapa pun yang membangkang cadangan Kerajaan ini dan sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil peluang sekarang untuk menempohkan Mesyuarat selama lebih kurang 20 minit dan kita akan balik bermesyuarat pada pukul 6.35 petang.

Persidangan ditempokkan pada pukul 6.15 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.37 petang

(Pemangku Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Aturan Urusan Mesyuarat Tambahan untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Aturan Urusan Mesyuarat Tambahan untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN PENCEGAH RASUAH

Jawatankuasa dan Bacaan Yang Ketiga

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Pemangku Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:
dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.40 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta Untuk Meminda Akta Perihal Dagangan, 1972" dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perihal Dagangan, 1972 adalah satu Akta yang bertujuan untuk melindungi pengguna daripada penipuan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dari segi keperihalan barang atau iklan disamping mengujudkan suasana perdagangan yang sihat. Penipuan dari segi perihal berlaku dalam bentuk penjualan barang-barang tiruan yang bermutu rendah dan kadang-kadang membahayakan kesihatan, pengiklanan yang mengelirukan, kandungan yang tidak menepati perihal yang dicatatkan dari segi berat atau isinya. Sementara itu terdapat label barang-barang yang menunjukkan tempat pengeluaran yang tidak benar. Di samping itu, terdapat juga label-label yang tidak mencatatkan berat sebenar isi kandungannya seperti bungkusan yang diperihalkan mengandungi 2 kg. tetapi apabila ditimbang didapati kurang daripada berat yang ditunjukkan.

Dari segi harga pula, penipuan boleh berlaku apabila barang-barang tiruan yang bermutu rendah dijual sama harganya dengan barang-barang tulin. Ini telah mengakibatkan pengguna-pengguna membayar harga yang lebih daripada apa yang sepatutnya bagi barang-barang tiruan. Penyelewengan dan penipuan yang dilakukan ini meninggalkan kesan-kesan yang buruk terhadap kesihatan dan kesejahteraan hidup orang ramai terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar disamping menjejaskan nama baik para peniaga yang tulin dan jujur.

Semenjak akta ini dikuatkuasakan mulai dari 3hb November, 1972, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menghadapi beberapa masalah dan kesulitan yang berpunca dari kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam Akta tersebut. Kelemahan-kelemahan utama yang didapati di dalam Akta tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Definisi "iklan" dalam Akta ini adalah sangat terhad. Dengan sebab itu banyak iklan yang tidak tepat yang disiarkan tidak terangkum di bawah takrif "iklan" dalam Akta ini sekarang;
- (ii) Tidak ada peruntukan untuk mengambil tindakan terhadap pengiklan yang menerbitkan iklan-iklan yang mengelirukan dan tidak tepat;
- (iii) Tidak ada peruntukan mengenai cara mengambil contoh barang-barang yang dirampas untuk dianalisa melainkan barang-barang dari jenis makanan;
- (iv) Tidak ada peruntukan untuk membuat penyiasatan ke atas premis-premis kediaman yang disyaki menjalankan amalan-amalan perdagangan yang salah melainkan secara waran. Kelewatan mendapatkan waran boleh menyebabkan orang-orang yang disyaki melarikan diri atau menyembunyikan barang-barang tiruan;
- (v) Tidak ada peruntukan untuk membolehkan barang-barang rampasan yang tidak dapat dipindahkan dilak (seal) kerana jenis, saiz dan jumlahnya;
- (vi) Akta ini tidak mempertanggungjawabkan "principal" atau "tuanpunya" perniagaan bagi aktiviti-aktiviti ajen-ajen atau pekerja-pekerja mereka; dan
- (vii) Penalti di bawah Akta ini adalah terlalu ringan jika dibandingkan dengan jumlah wang yang terlibat dalam perdagangan atau perniagaan

yang diselidiki yang kadangkala berjumlah berjuta-juta ringgit.

Sementara itu, amalan-amalan perniagaan yang tidak sihat semakin menjadi-jadi. Pengiklanan yang mengelirukan semakin bertambah. Misalnya, ada peniaga-peniaga yang mengiklankan barang-barang tanpa menyatakan cukai dan lain-lain duti yang harus dibayar oleh pembeli. Di samping itu, terdapat juga segolongan peniaga yang mengiklankan perkhidmatan, tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan yang semuanya didapati berlainan dari apa yang ditawarkan sebenarnya.

Memandangkan kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan tersebut, maka Kementerian saya telah mengkaji semula Akta ini dan mendapatinya perlu diperkemas dan dipinda sewajarnya untuk memberi perlindungan kepada para pembeli dan peniaga-peniaga tulin. Pindaan-pindaan penting yang dicadangkan itu adalah bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan Akta yang diuraikan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menjelaskan satu persatu pindaan-pindaan yang dicadangkan serta tujuannya mengikut Fasal seperti berikut:

- (i) *Fasal 2* Rang Undang-undang ini bertujuan meminta tajuk panjang Akta ini bagi memasukkan di dalamnya sebutan tentang pembuatan pernyataan yang palsu atau yang mengelirukan mengenai apa-apa perkhidmatan, penempatan atau kemudahan yang disediakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan untuk meluaskan lagi bidang Akta ini.
- (ii) *Fasal 3* bertujuan meminda Seksyen 2 Akta dengan menggantikan tafsiran "iklan" yang ada sekarang dengan tafsiran baru untuk meliputi semua jenis iklan. Tafsiran yang ada sekarang terhad kepada "katalog, pekeliling dan senarai harga" sahaja, manakala tafsiran baru merangkumi semua bentuk iklan yang dipamerkan secara notis, katalog, senarai harga, pekeliling, label, kad, lain-lain

dokumen atau bahan atau secara pertunjukan melalui filem-filem wayang gambar, gambar foto atau menerusi radio dan televisyen atau sebarang cara lain. Pindaan ini juga bertujuan memasukkan ke dalam Seksyen itu suatu tafsiran baru mengenai perkataan “terbit” (publish).

- (iii) *Fasal 4* adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 4 (1) Akta bagi meluaskan lagi bidang takrif perihal dagangan supaya merangkumi jenis (nature), nama dan kualiti barang. Tafsiran perihal dagangan yang ada sekarang adalah terhad dan tidak meliputi aspek-aspek yang disebutkan itu. Misalnya, jika minyak masak diperihalkan sebagai mihyak masak jagung, tetapi minyak itu bukan dari jenis atau mutu yang diperihalkan umpamanya minyak kacang, maka dengan adanya peruntukan baru ini tindakan bolehlah diambil terhadap pengeluar barang tersebut.
- (iv) *Fasal 5* adalah bertujuan untuk memasukkan suatu Seksyen baru 7A ke dalam Akta bagi meletakkan tanggungjawab mengenai sesuatu perihal dagangan yang disiarkan dalam iklan ke atas:
- (a) Orang-orang yang menawar secara langsung untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan; atau
- (b) Orang yang bagi pihaknya iklan dibuat. Pada masa ini tidak terdapat peruntukan seperti di atas. Ini telah menimbulkan kesulitan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan iklan-iklan yang mengelirukan atau tidak tepat.
- (v) *Fasal 6* bertujuan memasukkan suatu Seksyen baru 14A yang memperuntukkan bahawa dalam apa-apa iklan di mana harga barang

atau perkhidmatan ada dinyatakan, harga itu hendaklah disifatkan meliputi semua cukai dan duti Kerajaan melainkan jika dinyatakan sebaliknya. Sekiranya harga yang disebutkan pada suatu barang itu tidak termasuk sebarang cukai, sedangkan cukai perlu dibayar tetapi sengaja tidak dinyatakan oleh penjual, maka ini bolehlah dianggap sebagai perihal dagangan yang palsu.

- (vi) *Fasal 7* adalah bertujuan untuk memasukkan Seksyen baru 15A ke dalam Akta bagi menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang dalam perjalanan apa-apa perdagangan dan perniagaan membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan mengenai perkara-perkara berikut:
- (i) mengadakan perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan;
- (ii) jenis perkhidmatan, tempat tinggal dan kemudahan;
- (iii) bila masanya, bagaimana caranya atau orang-orang yang olehnya layanan tempat tinggal atau kemudahan-kemudahan itu diperuntukkan;
- (iv) penyelidikan, persetujuan atau penilaian oleh seseorang terhadap perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan yang disediakan; atau
- (v) tempat atau kemudahan sesuatu tempat tinggal yang disediakan.

Dalam hal ini “palsu” ditakrifkan sebagai palsu hingga ke tahap yang matang (to a material degree) dan “perkhidmatan” tidak termasuk sebarang perkhidmatan yang dibuat secara “kontrak perkhidmatan”.

- (vii) *Fasal 8* bertujuan meminda Seksyen 18 Akta untuk menambahkan hukuman denda bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh seseorang termasuk pengarah, pengurus, setiausaha atau lain-lain pegawai yang sama dari suatu pertubuhan perbadanan serta oleh suatu pertubuhan perbadanan. Bagi

seseorang individu, hukuman denda untuk kesalahan pertama telah dicadang dinaikkan dari \$5,000 kepada tidak melebihi \$100,000 atau penjara tidak lebih daripada 3 tahun atau kedua-duanya sekali, dan bagi kesalahan yang kedua atau selanjutnya, didenda tidak lebih daripada \$200,000 atau penjara tidak lebih daripada 6 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi sesuatu pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini pula, jika disabitkan kesalahannya, boleh didenda tidak lebih daripada \$250,000 dan bagi kesalahan yang kedua atau seterusnya boleh didenda tidak melebihi \$500,000.

Di antara sebab-sebab mengapa hukuman denda ini perlu ditambah adalah kerana peruntukan penalti-penalti yang ada sekarang adalah dirasakan terlalu ringan dan tidak sejajar dengan nilai barang-barang yang terlibat dalam tindakan penguatkuasaan Akta ini. Peruntukan ini adalah diperlukan untuk mencegah orang-orang perseorangan atau pertubuhan perbadanan daripada melakukan kegiatan-kegiatan yang menyalahi peruntukan Akta ini.

(viii) *Fasal 10* bertujuan memperuntukkan suatu Seksyen baru 20A ke dalam Akta untuk menjadikan prinsipal bertanggungjawab terhadap perbuatan-perbuatan penjawat atau ejennya, melainkan jika perbuatan-perbuatan itu tidak termasuk dalam bidang pekerjaan penjawat atau ejen-ejen itu, ataupun perbuatan-perbuatan itu dibuat tanpa persetujuan prinsipalnya dan ianya (prinsipal) telah bersungguh-sungguh berusaha untuk mengelakkan perbuatan itu daripada dilakukan.

(ix) *Fasal 11* bertujuan meminda Seksyen 22 Akta untuk membolehkan andaian dibuat bahawa semua bungkusan-bungkusan yang serupa adalah mempunyai kandungan yang sama.

Oleh itu tidaklah perlu diambil contoh daripada semua bungkusan-bungkusan yang terlibat dalam tindakan. Pindaan ini juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Menteri bagi membuat Perintah tentang cara pengambilan contoh barang-barang untuk dianalisa sekiranya beliau memikirkannya perlu.

(x) *Fasal 12* adalah bertujuan meminda Seksyen 24 Akta untuk menghendaki yang didakwa dalam sesuatu kes memberi tempoh notis yang lebih panjang daripada yang ada sekarang apabila mengemukakan pembelaan yang disediakan oleh Seksyen 24 (2). Di bawah peruntukan yang sedia ada, notis yang dikehendaki hanya 7 hari sebelum pembicaraan yang dirasakan tidak mencukupi. Pindaan yang menghendaki notis pembelaan diberi dalam masa 14 hari selepas seseorang itu dituduh di Mahkamah akan memberi lebih masa kepada pihak pendakwa untuk membuat persediaan bagi kes mereka.

(xi) *Fasal 14* bertujuan meminda Seksyen 28 Akta untuk memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai penguatkuasa bagi melak (to seal) barang-barang yang dijumpai dalam sebarang premis sekiranya, disebabkan oleh sifat, saiz atau banyaknya, barang-barang itu tidak dapat dipindahkan.

Pindaan ini juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Menteri bagi membenarkan Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal Perihal Dagangan memasuki premis-premis kediaman tanpa waran dalam keadaan tertentu seperti pada hari cuti dan di kawasan yang terpencil yang sukar mendapatkan Majistret mengeluarkan waran bagi memasuki premis-premis kediaman yang disyaki.

(xii) *Fasal 15* adalah bertujuan untuk memasukkan Seksyen baru 28A dan

28B ke dalam Akta bagi memperuntukkan keadaan-keadaan dalam mana suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan.

Pindaan ini juga bertujuan memberi kuasa kepada pihak penguatkuasa untuk membuat penyiasatan dan tangkapan terhadap orang-orang yang dipercayai telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini jika orang itu enggan memberikan nama dan alamat atau memberikan alamat di luar Malaysia atau memberikan nama atau alamat yang dipercayai palsu untuk melarikan diri. Peruntukan mengenai kuasa tangkapan yang serupa juga terdapat dalam Seksyen 10 (1) (a) Akta Kawalan Bekalan, 1961 dan Seksyen 12B (1) Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, 1972. Pada masa ini tidak terdapat peruntukan yang jelas mengenai kuasa penyiasatan, tangkapan dan pendakwaan. Sementara itu pihak penguatkuasa sering menghadapi kesulitan mengenai kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh seseorang yang dituduh kerana selalu dipinda-pindakan.

Fasal-fasal lain iaitu Fasal 9, 13, 16 dan 17 adalah merupakan pindaan-pindaan yang berbangkit atau kecil jenisnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu telah pun dibincangkan dengan Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Penerangan, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, Jabatan Pertanian dan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Di samping itu perbincangan juga telah diadakan dengan Persatuan Pengiklan-pengiklan Malaysia, Persatuan Penerbit-penerbit Akhbar Malaysia, Malaysia Advertising Standards Authority Association of Accredited Advertising Agents,

Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia. Kebanyakan daripada Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan dan pertubuhan-pertubuhan yang dinyatakan itu tidak mempunyai apa-apa halangan terhadap pindaan-pindaan yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan supaya Akta ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi melindungi pengguna-pengguna dan peniaga-peniaga tulin dan jujur, maka adalah perlu bagi pindaan-pindaan yang dicadangkan itu dibuat kepada Akta Perihal Dagangan, 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.58 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang melebihi 15 Fasal yang telah dicadangkan untuk memperlengkapkan pihak Kementerian untuk berkuasa bagi menjalankan tugas pemeriksaan dan siasatan terhadap barang-barang yang diperdagangkan termasuk advertisement-advertisement yang dibuat selama ini yang ada terlibat sindiket-sindiket yang membuat barang-barang tiaran yang merugikan kepentingan kesihatan orang ramai.

Saya harap Timbalan Menteri yang mencadangkan Rang Undang-undang ini bolehlah memberikan satu jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dengan kuasa-kuasa yang sudah diberikan di bawah Fasal 2, 4, 5, 6 dan 7 termasuk Fasal 10 dan 11 ini. Saya yakin bahawa pihak berkuatkuasa tentu akan bertindak cekap dan segera bila sesuatu aduan

yang diterima khasnya aduan-aduan yang dikemukakan oleh Consumers Association baik dari Pulau Pinang dan Melaka, kerana selama ini beberapa aduan yang ditimbulkan termasuk iklan-iklan atau advertisements yang disahkan dengan barang-barang yang diadvertise dengan jenis barang dan harganya berlainan yang dijual.

Saya harap perkara atau keadaan ini boleh dibetulkan. Juga termasuk sindiket-sindiket yang terlibat dalam pembuatan barang-barang tiruan, khasnya bahan-bahan perubatan dan bahan-bahan makanan kerana sindiket-sindiket ini boleh dikatakan sangat bermaharajalela di seluruh Malaysia sehingga pill, umpamanya, Panadol pun boleh didapati yang merupakan satu bahan bila dimakan akan membawa skin allergic yang sangat merbahaya terhadap kesihatan pengguna-pengguna.

Saya adalah merayu supaya dengan pindaan sepertimana yang dicadangkan dalam fasal-fasal yang tertentu, pihak Kementerian boleh bertindak segera untuk mengadakan pemeriksaan mengejut (surprise check) terhadap kedai-kedai yang mengekalkan barang-barang makanan khasnya bahan-bahan perubatan yang ada dijual di kedai-kedai terutama di kampung-kampung pendalaman. Saya yakin dengan adanya Rang Undang-undang ini dengan beberapa pindaan yang dicadangkan, saya harap pihak Kementerian, khasnya Timbalan Menteri boleh memberikan satu pandangan yang serius terhadap semua advertisement yang diadvertisedkan di suratkhbar-suratkhbar atau mass media adakah barang-barang yang diadvertisedkan ini adalah merupakan barang-barang yang sebenarnya dijual dengan harganya termasuk kualitinya kerana kita tidak sanggup lagi melihat pengguna-pengguna selalu dijadikan 'scapegoat' kerana adanya advertisement yang dijalankan oleh sindiket-sindiket yang tidak bertanggungjawab.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini apakah langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mencegah dan menghapuskan segala sindiket-sindiket yang saya sebutkan tadi. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

7.03 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli yang memang aktif dalam Persatuan Pengguna di Wilayah Persekutuan, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan sedikit pandangan terhadap Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Speaker, pada prinsipnya saya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Pindaan ini memang telah lama ditunggu-tunggukan oleh kerana sejak saya dipilih ke dalam Parlimen, saya telah pun banyak kali menyuarakan pindaan-pindaan dalam undang-undang Kerajaan supaya memberi perlindungan yang lebih cukup untuk para pengguna. Sepertimana yang telah diterangkan, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Perihal Dagangan bagi maksud memberi lebih banyak kuasa kepada Kementerian yang berkenaan dari segi penguatkuasaan dan penambahan penalti untuk memperlindungi kepentingan para pengguna.

Perkara yang saya alu-alukan ialah peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang meluaskan skop Akta Perihal Dagangan untuk meliputi amalan-amalan dalam apa-apa iklan pemasaran dan peruncitan barang-barang pengguna. Pada masa kini Kementerian hanya boleh bertindak terhadap apa-apa iklan yang berkaitan dengan penjualan dan pembelian barang-barang. Di bawah Rang Undang-undang ini skop telah ditambah untuk meliputi apa-apa iklan berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan (services), penempatan dan kemudahan yang diadakan dalam perjalanan perniagaan dan/atau perniagaan.

Dengan adanya peruntukan yang baru dalam Rang Undang-undang ini, suka saya menggesa supaya Kementerian yang berkenaan akan mengambil berat tentang apa-apa iklan berkaitan dengan misalnya iklan berkenaan dengan penjualan lot tanah atau

rumah oleh sebab ini boleh dianggap sebagai satu perkhidmatan yang diberi kepada orang ramai khasnya iklan-iklan seperti yang disiarkan dalam suratkhbar-suratkhbar tempatan supaya tindakan boleh diambil untuk menentukan sama ada benda yang diiklankan adalah benar atau yang palsu. Ini adalah mustahak memandangkan bahawa sehingga hari ini kita terdapat ramai orang yang telah menjadi mangsa kegiatan palsu. Misalnya, baru-baru ini ramai orang telah menjadi mangsa agen-agen perumahan palsu apabila mereka mendaftarkan nama-nama untuk membeli lot tanah atau rumah selepas membaca iklan-iklan dalam suratkhbar-suratkhbar tempatan. Semua ini dapat dibuktikan dari laporan-laporan Polis yang telah dibuat oleh mangsa-mangsa yang berkenaan.

Sungguhpun pindaan baru kepada Akta Perihal Dagangan ini dialu-alukan akan tetapi saya rasa bahawa jaminan dalam undang-undang sahaja tidak bererti bahawa adanya perlindungan yang cukup untuk para pengguna. Perlu diingatkan bahawa perlindungan pengguna yang berkesan adalah melibatkan tiga faktor. Faktor yang pertama ialah undang-undang yang berkenaan. Yang kedua ialah penguatkuasaan yang cekap, dan yang ketiga, apa yang saya anggap adalah mustahak ialah kesedaran para pengguna tentang perlindungan yang dapat diberi oleh undang-undang.

Para pengguna di negara kita hanya dapat dibela dan perlindungan sekiranya ketiga-tiga faktor yang saya sebutkan tadi dapat dilaksanakan. Memandangkan kepada perkara ini saya suka mencadangkan bahawa Kementerian yang berkenaan apabila undang-undang ini telah dilaksanakan haruslah melantik ahli-ahli penguatkuasa yang cukup untuk melaksanakan Undang-undang ini. Sekiranya Kementerian tidak dapat memastikan perlaksanaan dan penguatkuasaannya maka tidak ada gunanya untuk mengemukakan apa-apa Rang Undang-undang.

Di samping itu Kementerian harus melalui Bahagian Hal Ehwal Pengguna memberi

penerangan dan penjelasan yang meluas berkenaan pindaan ini kepada pengguna-pengguna supaya para pengguna dapat memahami dan menyedari Rang Undang-undang ini dan dapat menggunakannya demi kepentingan mereka. Dalam hubungan ini Persatuan-persatuan Pengguna hendaklah diberikan segala kerjasama oleh Kementerian yang berkenaan dalam mendedahkan kes-kes kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang ini dan juga dalam mengatasi masalah yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.09 mlm.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kuala Lumpur Bandar yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya tertarik kepada faktor-faktor yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang mana saya bersetuju iaitu faktor yang penting bukan sahaja undang-undang yang cuma bagi framework untuk membela apa-apa penipuan daripada peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab, tetapi yang lebih penting ialah kesedaran consumer (consumer consciousness).

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah melafazkan beberapa teguran yang membina dan seperti saya katakan dalam Huraian tadi, tujuan Akta Perihal Dagangan ialah untuk melindungi pengguna daripada penipuan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan juga kita hendak wujudkan satu suasana perdagangan yang sihat.

Kita memandang kepada kelemahan dalam Akta ini yang sekarang telah memperluaskan skop ini seperti yang dikatakan yang sekarang meliputi bukan sahaja barang-barang tetapi

perkhidmatan dan pengiklanan. Banyak penipuan telah terjadi daripada iklan-iklan yang palsu dan di sini suka saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa Kementerian saya akan bertindak segera atas apa-apa tuduhan atau apa-apa laporan yang diterima oleh Kementerian saya berkenaan dengan iklan-iklan yang akan mengelirukan pengguna ataupun apa-apa perbuatan yang dianggap tidak sihat.

Penguatkuasaan ialah satu perkara yang penting dan di sini suka saya katakan bahawa pegawai-pegawai Penguatkuasa di Kementerian saya telah bertambah tiga kali ganda kalau kita bandingkan dengan apa yang kita ada pada tahun dahulu dengan tahun sekarang dan dengan ini kita boleh menjalankan tugas Kementerian ini dengan lebih berkesan. Saya rasa ini sahaja jawapan yang saya beri kepada Ahli Yang Berhormat dan lagi sekali saya mengucapkan terima kasih atas sokongan mereka.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Pemangku Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PENDAFTARAN
PELESENAN MINYAK KELAPA
SAWIT (PEMERBADANAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.16 mlm.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dibaca kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Oktober, 1976 Parlimen telah meluluskan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976. Akta itu telah mula dikuatkuasakan pada 16hb Mei, 1977. Dalam pelaksanaan Akta tersebut telah didapati beberapa kelemahan memandangkan tidak terdapat di dalamnya peruntukan-peruntukan yang membolehkan fungsi-fungsi Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit dilaksanakan dengan licin. Kelemahan-kelemahan yang dimaksudkan itu berkisar kepada perkara-perkara yang berhubung dengan jenis-jenis keluaran kelapa sawit yang sepatutnya juga diliputi oleh Akta itu dan yang berkenaan dengan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengkaji Akta berkenaan untuk dikemaskini dan disesuaikan dengan tugas-tugas baru memandangkan bahawa peranan Lembaga tersebut wajar bertukar akibat kemajuan dan perkembangan pesat di dalam sektor perusahaan kelapa sawit. Didapati pindaan-pindaan berikut adalah perlu dibuat:

Pindaan bagi Seksyen 2

Pindaan bagi Seksyen ini adalah melibatkan beberapa definasi. Satu definasi baru, Ketua Executive adalah dimasukkan ke dalam Seksyen ini dengan tujuan semata-mata untuk memperkemas lagi penyusunan Akta berkenaan.

Satu lagi definisi baru diwujudkan berhubung dengan keluaran kelapa sawit yang akan mengandungi apa-apa keluaran yang diperolehi terus dari kelapa sawit dan termasuk minyak kelapa sawit, isirong kelapa sawit, asid lemak kelapa sawit, biji benih kelapa sawit.

Pindaan juga dibuat kepada definisi minyak kelapa sawit supaya ianya akan terdiri daripada minyak dalam bentuk mentah atau telah diproses.

Pindaan bagi beberapa seksyen, perkataan "keluaran kelapa sawit" yang telah diberi definisi seperti yang disebutkan akan menggantikan perkataan "minyak kelapa sawit" yang terdapat di dalam Seksyen-seksyen 11 (c), (d) dan (e); 12 (1) (e) dan (f); 26, 27, 28, 29, 30 31 dan 32 (1) dan (2). Penggantian rangkaian perkataan "minyak kelapa sawit" dengan rangkaian kata "keluaran kelapa sawit" dan akan memperluaskan lagi bidang fungsi Lembaga untuk merangkumi bukan sahaja buah kelapa sawit, isirong kelapa sawit, kelapa sawit tetapi juga setiap keluaran yang didapati terus dari kelapa sawit termasuk hampas isirong kelapa sawit, asid lemak kelapa sawit, biji benih dan anak benih kelapa sawit.

Perluasan bidang fungsi Lembaga ini adalah sangat diperlukan memandangkan perkembangan yang pesat di dalam kegiatan-kegiatan yang melibatkan bahan-bahan tambahan ini yang berlaku sealiran dengan pertumbuhan pesat dalam penanaman, pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran kelapa sawit di negara ini. Perkembangan ini membawa bersama banyak masalah dan kerumitan yang perlu diatasi menerusi pengawalan oleh Lembaga.

Berhubung dengan tafsiran baru minyak kelapa sawit dan perluasan bidang fungsinya, Lembaga akan dapat mengawal bukan sahaja minyak kelapa sawit dari bentuk mentah ke peringkat minyak yang diproses tetapi juga minyak isirong kelapa sawit. Ini adalah perlu memandangkan kemunculan negara ini sebagai negara pengeluar dan pengeksport minyak isirong kelapa sawit yang terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping memperkemas bidang fungsi Lembaga pentafsiran semula minyak kelapa sawit dan penggantian perkataan-perkataan "minyak kelapa sawit" dan "isirong kelapa sawit" dengan perkataan-perkataan "keluaran kelapa sawit" di dalam seksyen 16 akan membolehkan Lembaga menambahkan pendapatan dengan mengenakan ses jika dan apabila sesuai ke atas bahan-bahan yang termasuk di dalam keluaran kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan bagi Seksyen 12 (3) (b). Dalam menjalankan fungsi-fungsinya adalah dijangka bahawa perkara-perkara yang dikemukakan untuk pertimbangan di peringkat Lembaga adalah perkara-perkara yang besar dan penting sahaja. Untuk memastikan ini Lembaga perlu memperwakilan kuasa-kuasa dalam beberapa atau bidang seperti mengeluarkan lesen kepada jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan yang ditubuhkan olehnya. Oleh yang demikian pindaan kepada Seksyen 12 (3) (b) adalah perlu supaya jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan boleh membuat keputusan bagi pihak Lembaga atas perkara-perkara yang Lembaga fikirkan boleh jawatankuasa-jawatankuasa berbuat demikian.

Pindaan juga perlu dibuat ke atas Seksyen 23 dan 25. Pindaan-pindaan ini merupakan pindaan-pindaan yang melibatkan fungsi penguatkuasaan. Perlanggaran ke atas Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 bukan sahaja boleh berlaku di premis sesebuah syarikat pengeluar keluaran kelapa sawit tetapi juga boleh melibatkan kenderaan. Dalam keadaan yang melibatkan premis pindaan kepada Seksyen 23 akan membolehkan Lembaga mencari dan menyita bukan sahaja apa-apa kereta tetapi juga buku-buku, dokumen atau barang-barang lain yang dipercayai dapat dijadikan keterangan bagi apa-apa perlanggaran ke atas Akta itu.

Berhubung dengan kesalahan yang melibatkan kenderaan, pindaan kepada Seksyen 25 adalah untuk meluaskan kuasa Lembaga dari hanya menyita barang-barang yang dijumpai dalam sesuatu kenderaan yang

ditahan dan diperiksa kepada menyita juga kenderaan tersebut. Pindaan-pindaan ini adalah sangat diperlukan untuk memperkemas dan melengkapkan lagi peruntukan kuasa dan aturcara bagi Lembaga menjalankan penggelidahan dan menahan serta menggelidih kenderaan di samping memberi asas yang lebih kukuh kepada Lembaga di dalam urusan mendapatkan keterangan-keterangan mengenai apa-apa kes pelanggaran Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga perlu dibuat kepada Seksyen 29. Ini melibatkan penambahan masa yang dibenarkan bagi apa-apa pendakwaan bersabit dengan minyak kelapa sawit yang dirampas dari dua bulan kepada enam bulan. Pindaan ini adalah wajar dan diperlukan memandangkan tempoh pendakwaan selama dua bulan ini terlalu singkat lebih-lebih lagi dilihat dari segi kesibukan mahkamah dan keperluan masa di pihak Lembaga dalam membuat persiapan yang lengkap bagi apa-apa pendakwaan yang hendak dikemukakan. Pindaan juga perlu dibuat untuk Seksyen 33 yang ada sekarang iaitu memperuntukkan Lembaga memeriksa dan menguji hanya 10% dari jumlah minyak kelapa sawit yang disita. Ini boleh melibatkan minyak kelapa sawit yang banyak sekiranya jumlah minyak kelapa sawit yang disita itu besar. Jika keadaan ini berlaku Lembaga terpaksa membazir waktu dan tenaga membuat pengujian ke atas minyak kelapa sawit yang banyak sebagai memenuhi syarat 10% yang dianggap memadai mengikut peruntukan Seksyen ini. Pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan Lembaga menguji contoh minyak kelapa sawit yang kurang tetapi tidak melebihi 10% dari jumlah minyak kelapa sawit yang disita.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pindaan juga perlu bagi Seksyen 41 yang bertujuan untuk melengkapkan Lembaga dengan kuasa mengena dan menetapkan peraturan bagi mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta berkenaan. Kuasa ini adalah diperlukan oleh Lembaga dalam urusan penguatkuasaannya kerana dengan ini banyak kesalahan-kesalahan kecil dapat diselesaikan tanpa dibawa ke mahkamah. Dengan yang demikian, Lembaga dapat menjimatkan

banyak masa di samping melicin dan meningkatkan lagi taraf kecekapan dalam kegiatan-kegiatan penguatkuasaannya.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya cadangan meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 ini adalah bermaksud memperkemas dan melengkapkan Lembaga dengan peruntukan-peruntukan yang difikirkan perlu bagi melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab dengan licin dan berkesan khusus di bidang penguatkuasaan dan pemeliharaan taraf, mutu dan disiplin ke atas industri minyak kelapa sawit di negara ini.

Memandangkan perkembangan pesat yang telah dan akan terus dialami oleh industri ini, urusan meminda Akta ini adalah penting dalam aspek membolehkan Lembaga menjamin perkembangan yang berterusan, sihat, seimbang dan teratur bagi perusahaan ini ke arah keupayaan yang lebih tinggi untuk bersaing dengan lebih cekap dan berkesan di pasaran dunia bagi minyak dan lemak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada bahasan maka Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Pemangku Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.30 *mlm.*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45), dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua sedia maklum sesuatu keputusan sama ada seseorang itu bersalah atau tidak di dalam percabaran di Mahkamah adalah bergantung kepada keterangan-keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi. Sebahagian besar daripada keterangan ini adalah dibuat secara lisan. Walaupun saksi-saksi di dalam sesuatu percabaran sesuatu kes itu telah mengangkat sumpah atau berikrar untuk memberi keterangan yang benar sahaja, tetapi adakalanya terdapat juga mereka yang dengan sengaja memberi keterangan yang palsu. Pemberian keterangan palsu ini boleh menyebabkan seseorang yang tidak bersalah itu didapati bersalah, dan sebaliknya pula, seseorang yang bersalah itu didapati tidak bersalah oleh Mahkamah.

Memberi keterangan palsu di dalam sesuatu percabaran di Mahkamah itu adalah menjadi satu kesalahan, dan di bawah seksyen 194 Kanun Keseksaan pula, sesiapa memberi atau mereka-reka keterangan yang palsu, dengan

tujuan untuk menyebabkan seseorang yang kena tuduh itu disabitkan atas kesalahan yang menurut Kanun Keseksaan boleh di hukum mati, maka orang yang memberi keterangan palsu itu boleh dihukum dengan penjara seumur hidup, dan sekiranya seseorang yang tidak bersalah itu disabitkan kesalahannya dan telah pun digantung hingga mati akibat dari keterangan palsu itu, orang yang memberi keterangan palsu itu adalah bersalah dan boleh dikenakan hukuman mati juga.

Seksyen 194 Kanun Keseksaan ini walau bagaimanapun hanya membuat peruntukan bagi kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum mati di bawah Kanun Keseksaan sahaja, dan ini mungkin oleh kerana semasa Kanun Keseksaan dijadikan undang-undang dahulu, tidak ada lain-lain statut atau undang-undang bertulis yang lain yang mengadakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum mati di bawahnya. Tetapi sekarang ini selain daripada kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, kita ada beberapa undang-undang yang lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman mati, misalnya—Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Culik 1961, Akta Dadah Berbahaya 1952, dan Akta Senjata Api (Penalty Bertambah Berat) 1971. Oleh yang demikian itu, seksyen 194 Kanun Keseksaan patutlah diperluaskan pemakaiannya supaya dapat meliputi kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman mati di bawah undang-undang yang lain juga.

Kanun keseksaan ini pernah di pinda dalam tahun 1976, menerusi Akta A 327/76, yang bertujuan menghapuskan perbezaan di antara duit (coin) dan "duit yang laku (current coin). Akibat pemindaan itu, adalah didapati bahawa seksyen 231 dihapuskan, oleh kerana seksyen 232 adalah menyentuh kesalahan yang sama. Pemindaan kepada Seksyen 238, 243 dan kepada nota birai (marginal notes) kepada seksyen 232, 234, 240, 247, 249, 251 dan 252 pula adalah pindaan yang berbangkit (consequential amendments) yang perlu dibuat untuk memperkemaskinikan Kanun Keseksaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) di baca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Pemangku Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DIRAJA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.36 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai Peruntukan Diraja Yang di-Pertuan Agong dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang baharu bernama Akta Peruntukan Diraja

1982 ini digubal untuk melaksanakan saraan baharu dan perbelanjaan Istana Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong supaya dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna.

Dengan adanya Undang-undang baharu ini Undang-undang lama mengenai Peruntukan Diraja iaitu Ordinan Peruntukan Diraja 1957 perlu dimansuhkan. Penjelasan lanjut mengenai pengwujudan Undang-undang Akta Peruntukan Diraja 1982 ini boleh didapati di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai Peruntukan Diraja Yang di-Pertuan Agong dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-Undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Pemangku Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Keempat diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
ISTANA NEGARA
(ELAUN-ELAUN DIRAJA)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.40 mlm.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pemberian elaun khas dan keistimewaan-keistimewaan lain kepada seseorang Raja dan Konsortnya yang masing-masingnya pernah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan digubal satu Rang Undang-undang baru yang bernama Akta Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) 1982 ialah bagi membolehkan pemberian elaun-elaun khas dan keistimewaan-keistimewaan lain kepada seseorang Raja dan Konsortnya yang masing-masing pernah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong supaya dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna.

Dengan adanya undang-undang baru ini, undang-undang lama mengenai pemberian kepada bekas Permaisuri Agong bernama Akta Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong) 1979 perlu dimansuhkan. Walau bagaimanapun, pemberian elaun-elaun dan keistimewaan lain dalam undang-undang berkenaan akan terus dikekalkan di bawah undang-undang baru ini.

Penjelasan lanjut mengenai pengwujudan Rang Undang-undang Akta Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) 1982 ini bolehlah didapati dalam Huraian kepada Rang Undang-undang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal dihadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pemberian elaun khas dan keistimewaan-keistimewaan lain kepada seseorang Raja dan Konsortnya yang masing-masingnya pernah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Pemangku Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Pemangku Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.48 malam.